Pelbagai usaha telah dijalankan untuk meningkatkan tahap profesionalisme pengajaran Bahasa Inggeris bagi guru pendidikan awal kanak-kanak yang majoriti adalah bukan opsyen Bahasa Inggeris. Sebagai contoh Program Mentor-Mentee Bahasa Inggeris yang telah dijalankan pada tahun 2012 dan 2013 yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti pengajaran guru dalam Bahasa Inggeris dan Kursus Peningkatan Profesionalisme Bahasa Inggeris Guru Prasekolah Agensi Kerajaan Negeri Perak Tahun 2014 (KPM, 2012, 2013 & 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kelayakan yang ditetapkan menjadi guru pendidikan awal kanak-kanak adalah perlu memiliki sekurang-kurangnya diploma dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Bagi guru Tabika KEMAS ramai guru yang memiliki diploma dalam bidang bukan pendidikan awal kanak-kanak tetapi mereka perlu menjalani kursus Sijil Pendidikan Awal Kanak-Kanak (SPAKK) selama enam bulan (Agensi Kelayakan Malaysia, 2014). Hal ini telah membuktikan bahawa guru pendidikan awal kanak-kanak adalah bukan opsyen dalam Bahasa Inggeris. Oleh itu, tahap kecekapan guru di dalam Bahasa Inggeris adalah berbeza-beza.

Di antara usaha yang telah dijalankan oleh kerajaan ialah penyediaan sumber rujukan seperti modul-modul pengajaran Bahasa Inggeris, bahan bantu mengajar Bahasa Inggeris dan peruntukan diberikan untuk penyediaan kursus atau bengkel berkaitan peningkatan kualiti pengajaran Bahasa Inggeris. Contoh sumber rujukan yang telah disediakan adalah Modul "*Junior Kid Programme*" (2008) yang merangkumi "*A Simple Sentence A Day*", "*Sing and Action*" dan "*Learning Through Worksheet*" yang telah dibekalkan kepada guru prasekolah di negeri Perak. Selain itu, Bahagian Pembangunan Kurikulum telah menyediakan dua buah modul pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris iaitu Siri Panduan Guru Prasekolah: Pembelajaran Menyeronokkan dan Bermakna - "*English Learning Modules*" (2010) dan Siri Panduan Guru Prasekolah: Pembelajaran Menyeronokkan dan Bermakna-"*Preschool English Language Communication*" (2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala untuk penyediaan kursus atau bengkel, KPM telah menyediakan Kursus Peningkatan Profesionalisme Bahasa Inggeris di kalangan guru prasekolah selama dua tahun iaitu bermula dengan tahun 2013 dan juga tahun 2014. Tempoh pelaksanaan adalah dari bulan Jun hingga November 2013 dan 2014. Kursus dikendalikan secara berkumpulan iaitu seorang mentor mempunyai 10 hingga 15 mentee. Bengkel secara kumpulan diadakan sebanyak 12 kali dan minimum 2 jam 30 minit setiap bengkel (Modul Mentor Mentee, 2013& 2014). Kursus Bahasa Inggeris yang terbaru ialah "*English for Preschool Teachers*" – EPT (2019) yang dianjurkan oleh "*English Language Teaching Centre*" (ELTC). Program ini bertujuan untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris guru prasekolah dan membantu guru menggunakan bahasa instruksional dalam Bahasa Inggeris untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih efektif (KPM.ELTC.500-6/3/6(5) – Program "*English For Preschool Teachers"*-EPT, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jabatan Kemajuan Masyarakat Negeri Perak pula telah menyediakan kursus atau bengkel kepada guru Tabika KEMAS untuk meningkatkan profesionalisme guru dalam pengajaran Bahasa Inggeris. Di antara kursus atau bengkel yang dijalankan ialah Bengkel Peningkatan Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Bahasa Inggeris (2014), Bengkel Jurulatih Utama Bagi Subjek Bahasa Inggeris (2015), Kursus Fonik Bahasa Inggeris (2016), Kursus Fonik Bahasa Inggeris (2017) dan Bengkel Peningkatan Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Bahasa Inggeris (2018). Begitu juga dengan Jabatan Agama Islam Negeri Perak yang telah menyediakan kursus atau bengkel kepada Guru Tadika Islam negeri Perak, di antaranya ialah Kursus Fonik Siri 1 (2016), Kursus Fonik Siri 2 (2017) dan Bengkel Peningkatan Kualiti Mengajar Bahasa Inggeris Pejabat Agama Daerah (2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kerajaan dan agensi-agensi yang terlibat dengan pendidikan awal kanak-kanak telah menyedari betapa pentingnya tahap kecekapan guru dalam Bahasa Inggeris kerana majoriti guru pendidikan awal kanak-kanak adalah bukan opsyen dalam Bahasa Inggeris (Rohaty Majzub, 2013). Hal ini dapat dilihat dalam kajian berkaitan kepentingan tahap kecekapan guru dalam Bahasa Inggeris, kekurangan tahap kecekapan guru dalam Bahasa Inggeris telah dikatakan sebagai salah satu halangan besar untuk kejayaan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris (Mazlina Che Mustafa, Siti Hamira Ngajib, Zainiah Mohamaed Isa, Ainon Omar, Zaharah Osman, Noor Aini Ahmad, Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip & Ain Nur Fatina Muhammad Amran, 2018). Apa yang dapat dilihat kekurangan tahap kecekapan guru dalam Bahasa Inggeris menyebabkan guru tidak mempunyai keyakinan diri dalam pengajaran Bahasa Inggeris. Ia telah dikenal pasti sebagai satu permasalahan utama bagi guru yang mempunyai tahap kecekapan Bahasa Inggeris yang rendah dan menyebabkan mereka tidak mempunyai keyakinan diri untuk mengajar Bahasa Inggeris (Rohaty Majzub, 2013).

Walaubagaimanapun, usaha KPM dan agensi-agensi yang terlibat dengan pendidikan awal kanak-kanak di atas penyediaan kursus atau bengkel Bahasa Inggeris kepada guru pendidikan awal kanak-kanak, penekanan lebih tertumpu untuk meningkatkan tahap kecekapan guru dari aspek pengetahuan kandungan dan pedagogi. Hal ini dapat dilihat menerusi penyediaan kursus atau penyediaan bengkel Bahasa Inggeris bagi peningkatan kualiti pengajaran Bahasa Inggeris oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bermula tahun 2010 hingga 2019 (KPM, 2019). Pembangunan profesionalisme bagi guru pendidikan awal kanak-kanak untuk meningkatkan kualiti pengajaran Bahasa Inggeris telah dijalankan namun begitu terdapat kekurangan dari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

aspek dorongan luaran dan dalaman yang boleh menjadikan guru yakin untuk mengajar Bahasa Inggeris setelah mengikuti kursus atau bengkel Bahasa Inggeris (Epstein & Willhite, 2015; Almuhammadi, 2017).

Merujuk kepada kajian Chaves dan Guapacha (2016) yang mengkaji berkaitan pembangunan profesionalisme guru Bahasa Inggeris di Columbia. Terdapat lima eleman penting dalam penyediaan latihan kepada guru Bahasa Inggeris iaitu pengetahuan, amalan, imej, kesedaran dan halangan situasi. Imej adalah merujuk kepada peningkatan motivasi guru, keyakinan diri dan perubahan sikap dalam pengajaran Bahasa Inggeris. Hal ini menunjukkan selain daripada peningkatan pengetahuan aspek psikologi guru seperti motivasi dan keyakinan diri guru dalam mengajar Bahasa Inggeris perlu juga dititik beratkan. Namun di Malaysia kandungan kursus atau bengkel untuk meningkatkan kualiti pengajaran Bahasa Inggeris guru pendidikan awal kanak-kanak lebih berfokus kepada peningkatan pengetahuan kandungan dan pedagogi (KPM, 2018). Hal ini telah menunjukkan bahawa tahap kecekapan guru dalam Bahasa Inggeris amat penting untuk memastikan kualiti pengajaran yang efektif, namun begitu faktor psikologikal seperti efikasi kendiri dan kebimbangan dalam mengajar Bahasa Inggeris merupakan salah satu aspek yang dapat membantu meningkatkan tahap kecekapan guru dalam Bahasa Inggeris.

Penekanan kandungan kursus atau bengkel dapat dilihat menerusi matlamat utama kursus atau bengkel Bahasa Inggeris yang telah disediakan kepada guru pendidikan awal kanak-kanak iaitu untuk meningkatkan pengetahuan kandungan dan pengetahuan pedagogi guru dalam subjek Bahasa Inggeris. Ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kompetensi atau kecekapan guru dalam Bahasa Inggeris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kebanyakan kursus atau bengkel Bahasa Inggeris yang disediakan lebih berfokus kepada meningkatkan pengetahuan guru khususnya dalam kandungan subjek Bahasa Inggeris seperti tatabahasa, susunan ayat, cara sebutan, cara penggunaan ayat, cara bertutur, cara menulis dan pedagogi dalam mengajar Bahasa Inggeris (kaedah-kaedah yang sesuai untuk mengajar Bahasa Inggeris yang menitik beratkan perkembangan kanak-kanak). Ini kerana kajian-kajian lepas mendapati guru yang memiliki tahap kecekapan yang tinggi (khususnya pengetahuan & kemahiran) dalam Bahasa Inggeris dapat menjadi guru yang menjadi penentu kepada kejayaan murid-muridnya (Rohaty Majzub, 2013; Mazlina Che Mustafa & Maznah Ahmad, 2017; Mazlina Che Mustafa et al., 2018)

Hal ini dapat dilihat dalam kajian Doungprom et al. (2016) yang telah memperkenalkan beberapa kaedah dan amalan bagi guru yang mempunyai masalah tahap kecekapan yang rendah dalam pengajaran Bahasa Inggeris. Setelah guru tersebut mengikuti latihan menggunakan kaedah dan amalan yang dicadangkan pengkaji maka hasilnya ialah peningkatan pencapaian murid dalam Bahasa Inggeris. Pandangan yang dicetuskan oleh pengkaji di atas turut dipersetujui oleh Mazlina Che Mustafa et al. (2018) yang menyatakan tahap kecekapan guru yang tinggi dalam Bahasa Inggeris dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris di dalam kelas dan seterusnya meningkatkan penguasaan kanak-kanak di dalam Bahasa Inggeris.

Namun begitu, terdapat beberapa kajian yang menyatakan pandangan bahawa guru juga perlu diberikan pendedahan berkaitan dengan motivasi dan keyakinan diri dalam pengajaran Bahasa Inggeris (Ghasemboland, 2014; Thompson, 2016). Dalam kebanyakan kajian yang melibatkan pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

selain daripada tahap kecekapan guru ada faktor sampingan yang sangat mempengaruhi sikap guru untuk melahirkan guru yang berkebolehan dalam pengajaran Bahasa Inggeris. Faktor sampingan tersebut ialah faktor psikologikal yang merangkumi efikasi kendiri, keyakinan diri, motivasi dan resiliensi kendiri. Kajian Epstein dan Willhite (2015) menunjukkan efikasi kendiri mempunyai hubungan yang kuat dengan strategi pengajaran dan pengurusan kelas, Sabokrouh (2014) menyatakan efikasi kendiri guru memberi kesan yang mendalam terhadap pelbagai aspek pengajaran dan pembelajaran, Anyadubalu (2010) menyatakan selain faktor bahasa, motivasi merupakan salah satu faktor yang akan menentukan kejayaan atau kegagalan guru untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris. Kajian Mazlina Che Mustafa dan Mardziah Ahmad (2017) telah melihat salah satu faktor penting untuk meningkatkan kecekapan guru berinteraksi menggunakan Bahasa Inggeris iaitu keyakinan diri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh sebab itu, dalam kajian ini pengkaji cuba menjelaskan bahawa selain faktor kecekapan guru dalam Bahasa Inggeris yang berfokus hanya kepada pengetahuan kandungan dan pedagogi dalam Bahasa Inggeris, terdapat satu lagi faktor penting yang dapat meningkatkan tahap kecekapan guru dalam Bahasa Inggeris iaitu motivasi. Oleh kerana pengkaji ingin melihat keyakinan guru terhadap kemampuan diri untuk mengajar Bahasa Inggeris, maka pemboleh ubah efikasi kendiri dipilih sebagai pemboleh utama kajian ini. Ini kerana efikasi kendiri adalah berdasarkan konstruk motivasi (Ghasemboland, 2014). Kajian ini cuba mengkaji elemen yang perlu ada sebagai latihan kepada guru pendidikan awal kanak-kanak untuk peningkatan kualiti pengajaran Bahasa Inggeris selain dari pengetahuan kandungan dan pedagogi dalam Bahasa Inggeris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru itu, tercetuslah idea pengkaji untuk membangunkan sebuah modul latihan yang dapat meningkatkan tahap efikasi kendiri guru dalam mengajar Bahasa Inggeris dan sekali gus dapat mengurangkan tahap kebimbangan guru dalam mengajar Bahasa Inggeris. Modul tersebut dinamakan Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak atau Modul PEMBI yang akan dibangunkan berdasarkan dapatan analisis keperluan, Teori Efikasi Kendiri Bandura (teori utama) dan Model ARCS Keller dan Teori Pembelajaran Androgogi (teori sampingan). Modul PEMBI akan melalui proses-proses pembangunan modul bagi menjamin kesahan, kebolehpercayaan, keberkesanan dan kebolehgunaan modul yang jitu.

1.4 Objektif Kajian

Secara khususnya, objektif kajian ini ialah;

Fasa I: Analisis keperluan modul.

1. Mengenal pasti keperluan membina modul latihan bagi guru pendidikan awal kanak-kanak dalam meningkatkan tahap efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris.
    a) Mengenal pasti tahap efikasi kendiri guru mengajar Bahasa Inggeris berdasarkan Teori Efikasi Kendiri Bandura.
    b) Mengenal pasti pelaksanaan pengajaran Bahasa Inggeris menggunakan bahasa instruksi Bahasa Inggeris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c) Mengenal pasti halangan-halangan untuk menggunakan bahasa instruksi Bahasa Inggeris sewaktu pengajaran dan pembelajaran di kelas.

d) Mengenal pasti cara yang guru lakukan untuk mengatasi permasalahan penggunaan bahasa instruksi dalam Bahasa Inggeris.

e) Mengenal pasti keperluan membina modul latihan untuk meningkatkan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak.

Fasa II: Reka Bentuk dan Pembangunan Modul.

2. Mereka bentuk dan membangunkan modul latihan untuk meningkatkan efikasi kendiri guru mengajar Bahasa Inggeris berdasarkan Teori Efikasi Kendiri Bandura, Teori Pembelajaran Androgogi, Model ARSC Keller dan dapatan analisis keperluan.

a) Mengenal pasti objektif modul latihan untuk meningkatkan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris yang sesuai.

b) Mengenal pasti isi kandungan modul latihan untuk meningkatkan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris.

c) Mengenal pasti strategi pelaksanaan yang sesuai bagi setiap aktiviti dalam modul latihan.

d) Mengenal pasti material yang sesuai bagi setiap aktiviti dalam modul latihan.

e) Menentukan kesahan draf modul latihan untuk meningkatkan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris berdasarkan pandangan pakar.

f) Menentukan kebolehpercayaan draf modul latihan untuk meningkatkan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris melalui kajian rintis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

g) Mengenal pasti penambahbaikan draf modul setelah menjalani pengesahan pakar dan kajian rintis.

Fasa III: Penilaian Modul

3. Mengenal pasti keberkesanan modul latihan untuk meningkatkan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak.
4. Mengenal pasti keberkesanan modul latihan untuk mengurangkan kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak.
   a) Mengenal pasti kesan modul latihan terhadap efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris sebelum dan selepas mengikuti modul latihan.
   b) Mengenal pasti kesan modul latihan terhadap kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris sebelum dan selepas mengikuti modul latihan.
5. Mengenal pasti kebolehgunaan modul latihan untuk meningkatkan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak.
   a) Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan modul latihan serta cara mengatasinya berdasarkan pandangan fasilitator.
   b) Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan modul latihan serta cara mengatasinya berdasarkan pandangan guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Persoalan Kajian

Bagi memenuhi objektif yang berkenaan, kajian pembangunan ini dijalankan bertujuan untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan-persoalan kajian seperti berikut:

Fasa I: Analisis keperluan modul.

1. Apakah keperluan membina modul latihan bagi guru pendidikan awal kanak-kanak dalam meningkatkan tahap efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris.
    a) Apakah tahap efikasi kendiri guru mengajar Bahasa Inggeris berdasarkan Teori Efikasi Kendiri Bandura.
    b) Apakah status pelaksanaan pengajaran Bahasa Inggeris menggunakan bahasa instruksi Bahasa Inggeris.
    c) Apakah halangan-halangan untuk menggunakan bahasa instruksi Bahasa Inggeris sewaktu pengajaran dan pembelajaran di kelas.
    d) Apakah cara yang guru lakukan untuk mengatasi permasalahan penggunaan bahasa instruksi dalam Bahasa Inggeris.
    e) Apakah tahap keperluan membina modul latihan untuk meningkatkan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak?

Fasa II: Reka Bentuk dan Pembangunan Modul.

2. Apakah reka bentuk modul latihan untuk meningkatkan efikasi kendiri guru mengajar Bahasa Inggeris berdasarkan Teori Efikasi Kendiri Bandura, Teori Pembelajaran Androgogi, Model ARSC Keller dan dapatan analisis keperluan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a) Apakah objektif modul latihan untuk meningkatkan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris yang sesuai.
b) Apakah isi kandungan modul latihan untuk meningkatkan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris.
c) Apakah strategi pelaksanaan yang sesuai bagi setiap aktiviti dalam modul latihan.
d) Apakah material yang sesuai bagi setiap aktiviti dalam modul latihan.
e) Apakah kesahan draf modul latihan untuk meningkatkan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris berdasarkan pandangan pakar.
f) Apakah kebolehpercayaan draf modul latihan untuk meningkatkan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris melalui kajian rintis.
g) Apakah penambahbaikan draf modul setelah menjalani pengesahan pakar dan kajian rintis?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fasa III: Penilaian Modul

3. Apakah tahap keberkesanan modul latihan untuk meningkatkan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak.
4. Apakah tahap keberkesanan modul latihan untuk mengurangkan kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak.
   a) Apakah kesan modul latihan terhadap efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris sebelum dan selepas mengikuti modul latihan.
   b) Apakah kesan modul latihan terhadap kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris sebelum dan selepas mengikuti modul latihan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5. Apakah tahap kebolehgunaan modul latihan untuk meningkatkan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak.
   a) Apakah kekuatan dan kelemahan modul latihan serta cara mengatasinya berdasarkan pandangan fasilitator.
   b) Apakah kekuatan dan kelemahan modul latihan serta cara mengatasinya berdasarkan pandangan guru.

1.6 Signifikan Kajian

Kajian tentang pembangunan modul yang bercorak ilmiah masih berkurangan di negara kita. Kebanyakan modul yang dibina hanya tertumpu kepada keperluan dan matlamat sesebuah organisasi tanpa memenuhi prosedur-prosedur pembinaan modul yang sebenar. Justeru itu ianya sukar untuk mengukur keberkesanan sesuatu modul itu. Kesignifikan daripada kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran dan garis panduan kepada guru pendidikan awal kanak-kanak serta mereka yang terlibat dengan perkembangan kanak-kanak untuk membina sesuatu modul berdasarkan prosedur pembinaan modul seterusnya dapat mengukur keberkesanan modul berkenaan.

Kajian boleh menyumbang kepada perkhidmatan dan amalan pengajaran guru pendidikan awal kanak-kanak. Modul ini adalah berbantukan fasilitator yang mana bertujuan untuk meningkatkan tahap efikasi kendiri guru dalam mengajar Bahasa Inggeris. Ia merupakan sebuah modul latihan yang dapat meningkatkan tahap efikasi kendiri guru mengajar Bahasa Inggeris dan secara langsung dapat mengurangkan tahap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kebimbangan guru mengajar Bahasa Inggeris. Ia amat berbeza dengan kursus-kursus atau program-program Bahasa Inggeris yang kebiasaannya dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia atau agensi-agensi kerajaan yang lebih memberi penekanan kepada peningkatan pengetahuan kandungan Bahasa Inggeris dan pengetahuan pedagogi dalam Bahasa Inggeris. Sebaliknya modul latihan yang dibangunkan lebih berbentuk kepada peningkatan motivasi guru.

Kajian ini relevan dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak khusus kepada latihan peningkatan profesionalisme guru pendidikan awal kanak-kanak dalam mengajar Bahasa Inggeris. Berdasarkan tujuan dan objektif, kajian yang dilaksanakan ini mempunyai signifikan dari aspek peningkatan efikasi kendiri guru mengajar Bahasa Inggeris dan pengurangan tahap kebimbangan guru dalam mengajar Bahasa Inggeris. Oleh itu, kajian ini dapat mengembangkan ilmu pengetahuan kepada guru pendidikan awal kanak-kanak berkaitan kepercayaan efikasi kendiri, amalan efikasi kendiri, tahap kebimbangan dalam mengajar Bahasa Inggeris dan juga perubahan sikap lebih positif terhadap pengajaran Bahasa Inggeris.

Di samping itu, keselarasan Teori Efikasi Kendiri Bandura, Teori Pembelajaran Andragogi dan Model ARCS Keller dapat menunjukkan tahap efikasi kendiri guru dalam mengajar Bahasa Inggeris yang tinggi dapat mempengaruhi sikap guru dari aspek kognitif, tingkah laku dan emosi agar menjadi lebih positif terhadap pengajaran Bahasa Inggeris. Kajian ini dapat menjelaskan kepentingan guru pendidikan awal kanak-kanak perlu mempunyai efikasi kendiri yang tinggi dalam mengajar Bahasa Inggeris supaya dapat melaksanakan pengajaran Bahasa Inggeris yang efektif di dalam kelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam pada itu, usaha pengkaji membangunkan sebuah modul latihan bagi meningkatkan profesionalisme guru pendidikan awal kanak-kanak dalam mengajar Bahasa Inggeris berpandukan kepada teori-teori dan model-model yang relevan dengan permasalahan dan tujuan kajian adalah penyumbang kepada penemuan dapatan kajian yang kukuh dan bermakna. Usaha pengkaji mengenal pasti gap utama kajian ini ialah kursus dan latihan berkaitan pengajaran Bahasa Inggeris tidak seharusnya hanya tertumpu kepada peningkatan tahap kecekapan guru dalam Bahasa Inggeris iaitu lebih kepada peningkatan pengetahuan dan kemahiran dalam kandungan subjek dan pedagogi Bahasa Inggeris, sebaliknya perlu diberikan juga latihan yang dapat meningkatkan aspek psikologikal guru seperti cara untuk mengatasi malu, bimbang, takut, tidak yakin, tidak minat dan sebagainya dalam mengajar Bahasa Inggeris supaya menjadi guru yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi dan bermotivasi dalam mengajar Bahasa Inggeris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penggunaan beberapa teori dan model utama dalam kajian ini yang dijadikan kerangka teoritikal diharapkan dapat menyumbang pengetahuan yang baru kepada bidang pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia khususnya bagi pengajaran Bahasa Inggeris. Di samping itu, hasil kajian ini dapat menyumbangkan sebuah modul latihan untuk meningkatkan efikasi kendiri guru dalam mengajar Bahasa Inggeris dan juga instrumen yang boleh diguna pakai untuk mengenal pasti beberapa faktor berkaitan efikasi kendiri guru dalam mengajar Bahasa Inggeris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Modul PEMBI ini turut disertakan dengan Buku Aktiviti Kendiri yang mana bertujuan untuk mendalami peluahan emosi dan amalan tingkah laku dalam pengajaran Bahasa Inggeris di kelas yang mana mempunyai objektif utama untuk meningkatkan pengetahuan mengenai efikasi kendiri guru. Latihan-latihan dalam Buku Aktiviti Kendiri dapat dilengkapkan oleh guru-guru sebagai pembelajaran kendiri walaupun tanpa bantuan dari fasilitator. Latihan kendiri sebegini dapat meningkatkan pengetahuan serta kemahiran guru yang mana dapat meningkatkan efikasi kendiri dan mengurangkan tahap kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris. Guru yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi dalam mengajar Bahasa Inggeris akan mampu menjalankan pengajaran Bahasa Inggeris dengan lebih berkesan. Pengajaran yang menarik dan berkesan dapat meningkatkan penguasaan dan pencapaian kanak-kanak dalam Bahasa Inggeris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pihak yang berkaitan dengan latihan guru seperti Bahagian Pendidikan Guru dan Bahagian Pendidikan Prasekolah boleh menggunakan modul ini bagi melatih guru-guru pendidikan awal kanak-kanak dalam perkhidmatan. Selain itu, pihak Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Agama Islam, Jabatan Perpaduan Negara (JPNIN), Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) dan tadika-tadika swasta juga boleh menggunakan modul latihan ini jika ingin meningkatkan profesionalisme guru tadika dalam mengajar Bahasa Inggeris khusus kepada perubahan personaliti dari aspek kognitif, afektif dan tingkah laku. Apa yang paling penting ialah kajian pembangunan modul ini dapat memberi sumbangan kajian dalam bidang ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Skop Dan Limitasi Kajian

Dapatan dalam kajian adalah terhad pada limitasi yang telah disenaraikan dan skop kajian yang dilaksanakan. Bagi Fasa Analisis Keperluan, kajian ini hanya terbatas kepada 90 orang guru Tabika KEMAS negeri Perak manakala bagi Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan, kajian hanya terbatas kepada 30 orang guru Tadika Islam dan Fasa Penilaian kajian ini hanya terbatas kepada 66 orang guru pendidikan awal kanak-kanak iaitu guru Tabika KEMAS negeri Perak yang dipilih secara rawak kelompok dan mengikut kriteria yang ditetapkan oleh pengkaji. Oleh itu, hasil kajian tidak boleh digeneralisasikan kepada semua guru pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia. Sebaliknya hasil dapatan hanya terbatas pada lingkungan subjek yang terlibat dalam kajian ini sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan modul latihan PEMBI untuk guru pendidikan awal kanak-kanak. Oleh yang demikian pengkaji telah memilih guru Tadika Islam dan Guru Tabika KEMAS sebagai subjek kajian kerana mereka berpengalaman dalam mengajar Bahasa Inggeris di kelas tadika. Mereka juga terlibat dengan perubahan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (2010) dan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan semakan 2017.

Sementara itu, penilaian tentang keberkesanan dan kebolehgunaan Modul PEMBI hanya melibatkan guru-guru Tabika KEMAS negeri Perak. Oleh sebab kajian ini bertujuan untuk mereka bentuk dan membangunkan Modul PEMBI bagi meningkatkan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris, maka pengkaji turut melihat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

proses pembangunan selepas mereka bentuk modul ini (Norlidah Alias, 2010). Kajian ini bergantung kepada kerjasama yang diberikan oleh peserta kajian.

Bagi tujuan penilaian keberkesanan modul, hanya 33 orang guru yang perlu mengikuti Bengkel Latihan Peningkatan Efikasi Kendiri Mengajar Bahasa Inggeris sebagai kumpulan rawatan. Hal ini kerana, ia melibatkan kos yang agak tinggi untuk pembiayaan makan, minum dan juga bahan-bahan keperluan latihan. Untuk mendapatkan komitmen penuh daripada guru-guru yang terlibat sebagai peserta bengkel latihan pengkaji telah memenuhi semua perbelanjaan bagi keperluan latihan tersebut.

Kajian ini melibatkan tujuh orang pakar dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak dan pengajaran Bahasa Inggeris untuk pengesahan soal selidik analisis keperluan, sembilan orang pakar dalam bidang pembangunan modul , psikologi, pendidikan awal kanak-kanak dan pedagogi bagi mengenal pasti reka bentuk dan membangunkan Modul PEMBI. Reka bentuk adalah berdasarkan kepada Teori Efikasi Kendiri Bandura, Teori Pembelajaran Androgogi, Model ARCS Keller dan dapatan analisis keperluan, kemudian pakar-pakar mengesahkan kandungan modul tersebut sama ada mempunyai kesahan kandungan yang tinggi atau rendah. Bagi soal selidik ujian pra dan pasca seramai tujuh orang pakar dipilih untuk menilai kandungan soal selidik yang juga merupakan pakar dalam bidang psikologi, pendidikan awal kanak-kanak dan pengajaran Bahasa Inggeris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, tempoh untuk melihat perubahan tingkah laku subjek bagi kajian ini adalah singkat iaitu hanya lebih kurang dua bulan. Walaupun tempoh yang lebih lama akan memberi dapatan yang lebih baik, namun memandangkan kekangan masa untuk melaksanakan kajian pada peringkat kedoktoran, tempoh yang lebih lama tidak dapat diperuntukkan. Begitu juga dengan faktor kewangan iaitu pengkaji perlu menanggung semua perbelanjaan untuk mengendalikan bengkel bagi melaksanakan modul yang telah dibangunkan, semakin lama masa pelaksanaan bengkel maka semakin banyak perbelanjaan wang. Batasan-batasan ini menyebabkan limitasi kepada kajian ini perlu dinyatakan dengan jelas.

1.8 Definisi Pemboleh Ubah Dalam Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Sidek Mohd Noah (2003) pemboleh ubah yang hendak dikaji perlu didefinisikan secara operasional. Oleh itu, bahagian ini menghuraikan definisi konseptual dan operasional bagi setiap pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini iaitu efikasi kendiri guru, kepercayaan efikasi kendiri, amalan efikasi kendiri dan kebimbangan.

1.8.1 Efikasi Kendiri Guru

Bandura (1997) menyatakan kepercayaan individu terhadap keupayaannya untuk menyelaras dan melaksanakan tindakan-tindakan yang diperlukan selaras dengan aras keupayaan yang dimiliki untuk mencapai hasil yang dikehendaki. Pengetahuan efikasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kendiri mengajar Bahasa Inggeris mempunyai dua unsur iaitu jangkaan efikasi kendiri (kepercayaan kepada keupayaan seseorang untuk mencapai hasil atau tingkah laku yang diingini) dan jangkaan hasil (kepercayaan bahawa pencapaian tingkah laku yang dikehendaki akan membawa kepada hasil yang diingini).

Dalam konteks kajian ini, efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris adalah merujuk kepada kemampuan, keyakinan diri dan kepercayaan tentang diri sendiri berkaitan dengan pelaksanaan pengajaran Bahasa Inggeris di kelas. Terdapat beberapa kajian yang menyatakan bahawa efikasi kendiri sebagai keyakinan diri dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris (Sabokrouh, 2014; Epstein &Willhite, 2015; Karbasi & Samani, 2016). Efikasi kendiri diukur menggunakan Soal Selidik Tahap Efikasi Kendiri Mengajar Bahasa Inggeris dan Soal Selidik Tahap Kebimbangan Mengajar Bahasa Inggeris telah diubah suai. Tujuan instrumen ini digunakan adalah untuk mengumpul data mengenai tahap keyakinan dan kepercayaan seseorang terhadap dirinya dalam mengajar Bahasa Inggeris. Terdapat dua aspek yang akan dilihat dalam soal selidik penilaian berkaitan dengan efikasi kendiri guru;

a) Kepercayaan Efikasi Kendiri

Dalam kajian ini kepercayaan efikasi kendiri merupakan jangkaan efikasi kendiri iaitu merujuk kepada kepercayaan guru untuk mencapai hasil atau tingkah laku yang diingini. Guru hanya percaya tetapi tidak melaksanakannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b) Amalan Efikasi Kendiri

Dalam kajian ini amalan efikasi kendiri merupakan jangkaan hasil iaitu merujuk kepada tingkah laku yang diingini akan membawa kepada hasil dalam pengajaran Bahasa Inggeris. Guru bertindak untuk melaksanakan amalan-amalan yang telah diperoleh untuk meningkatkan efikasi kendiri dalam mengajar Bahasa Inggeris. Amalan dalam kajian ini merujuk kepada kerja rumah yang telah diberikan kepada guru setelah mengikuti Bengkel Latihan Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris secara mingguan.

1.8.2 Kebimbangan

Kebimbangan ialah "perasaan tertekan, ketakutan, gementar dan bimbang yang boleh membangkitkan atau menimbulkan perasaan gementar secara automatik" (Horwitz, et al.,1986:125). Prince (2002) menjelaskan kebimbangan tidak seperti tanda-tanda stres yang lain kerana kebimbangan menghasilkan bahan toksik. Apabila dilanda kebimbangan seseorang akan hilang kawalan emosi. Dengan perkataan lain, kebimbangan dalam kajian membawa maksud satu perbezaan yang kompleks tentang persepsi diri, kepercayaan, perasaan dan tingkah laku berhubung dengan penggunaan bahasa kedua.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks kajian ini, kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris merujuk kepada sikap malu, takut, tidak yakin dan gagap sewaktu mengajar Bahasa Inggeris. Ia boleh dibahagikan kepada reaksi fisiologi seperti terketar-ketar, tergagap-gagap, berpeluh-peluh sewaktu mengajar Bahasa Inggeris dan kebangkitan emosi seperti malu, takut, bimbang, tidak minat dan tidak yakin mengajar Bahasa Inggeris.


1.9 Kerangka Konseptual

Pemboleh utama bagi kajian ini merupakan kerangka utama dalam kerangka konseptual kajian. Othman Talib (2013), kerangka konseptual kajian adalah kerangka yang mengandungi perkaitan antara variabel yang akan dikaji. Bagi fasa penilaian modul, perkaitan di antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar dinilai menerusi kuasi eksperimen. Mohd Majid (2005), matlamat reka bentuk kajian eksperimen adalah untuk menentukan kesan pemboleh ubah tidak bersandar pada pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah bersandar adalah hasil yang diukur untuk menentukan sama ada perlakuan berubah (Mohamad Najib, 1999). Pemboleh ubah tidak bersandar bagi kajian ini adalah Modul PEMBI dan pemboleh ubah bersandar adalah pengetahuan efikasi kendiri guru mengajar Bahasa Inggeris dan tahap kebimbangan guru mengajar Bahasa Inggeris. Dalam kajian ini terdapat kumpulan rawatan yang menerima latihan berdasarkan kandungan modul dan sebuah kumpulan kawalan yang tidak menerima latihan berdasarkan kandungan modul.

Rajah 1.1 di bawah menunjukkan hubungan di antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar yang terlibat dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.1. Kerangka konseptual kajian

Modul PEMBI merupakan modul latihan berbantukan fasilitator yang mengandungi enam strategi, 22 aktiviti yang perlu dijalankan selama 18 jam. Modul dilaksanakan dengan menjalankan Bengkel Latihan Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris. Modul ini dapat meningkatkan input mengenai pengetahuan dan pencapaian dalam Bahasa Inggeris, input pemodelan kendiri dalam Bahasa Inggeris, input mengenai penilaian kendiri dalam Bahasa Inggeris dan input mengenai pembangunan emosi diri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah di atas menunjukkan hubungan di antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar bagi kajian ini. Pemboleh ubah tidak bersandar mempengaruhi pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah tidak bersandar ialah modul latihan berbantukan fasilitator (Modul PEMBI) manakala pemboleh ubah bersandar ialah kepercayaan efikasi kendiri, amalan efikasi kendiri dan kebimbangan. Modul PEMBI meninggalkan kesan terhadap kepercayaan efikasi kendiri dan amalan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris serta kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris. Ramalan yang dijangkakan ialah Modul PEMBI dapat meningkatkan kepercayaan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris, meningkatkan amalan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris dan mengurangkan kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Rumusan

Bab ini membincangkan tentang permasalahan yang berkaitan dengan pelaksanaan pengajaran Bahasa Inggeris di prasekolah atau tadika. Pengkaji turut membincangkan mengenai efikasi kendiri guru dalam mengajar Bahasa Inggeris serta cabaran-cabaran dalam mengajar Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Dalam bab ini turut dibincangkan objektif kajian, soalan-soalan kajian dan kepentingan kajian. Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk membangunkan sebuah modul latihan peningkatan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris. Tumpuan kajian adalah untuk menyediakan latihan kepada guru pendidikan awal kanak-kanak bagi meningkatkan pengetahuan dalam efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris dan seterusnya mempengaruhi sikap guru terhadap pengajaran Bahasa Inggeris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab ini mengupas dan membincangkan teori secara kritis yang menjadi asas kepada kajian ini. Kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris dalam pendidikan awal kanak-kanak, efikasi kendiri dan domain afektif, efikasi kendiri guru, kebimbangan, efikasi kendiri dan latihan pembangunan guru dibincangkan. Sidek Mohd Noah (2003) menyatakan ulasan kajian literatur sangat penting kerana ia memberikan idea dan hala tuju mengenai pengkajian yang dijalankan. Analisis kajian lepas bertujuan untuk memahami dengan mendalam perkaitan dengan kajian yang ingin dikaji (Lambert, 2012). Terdapat beberapa teori atau model yang mendasari kajian ini iaitu Teori Efikasi Kendiri Bandura (TEKB), Teori Pembelajaran Androgogi (TPA) dan Model ARCS Keller (ARCS) yang menjelaskan pemboleh ubah yang dikaji. Manakala

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian-kajian lepas juga dibincangkan berdasarkan kepada kajian pembangunan modul dan latihan pembangunan guru serta pembentukan kerangka teoritikal kajian.

2.2 Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Inggeris Dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak

Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris bergantung pada beberapa aspek penting iaitu kurikulum, murid-murid dan juga guru. Kurikulum utama bagi pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia adalah juga Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Matlamat utama pembelajaran Bahasa Inggeris bagi kanak-kanak adalah untuk menjadikan mereka lebih berkeyakinan dengan pengggunaan Bahasa Inggeris sama ada di dalam atau di luar kelas dan mengatur transisi yang lancar untuk persediaan pembelajaran pada tahun satu. Ini kerana adalah sangat penting untuk membentuk sikap yang positif terhadap Bahasa Inggeris dan ia merupakan permulaan yang baik dalam pertuturan Bahasa Inggeris dan literasi awal Bahasa Inggeris agar mencapai tahap kecekapan yang khusus.

Majoriti kanak-kanak datang ke sekolah dengan sifar input terhadap Bahasa Inggeris dan menjadi satu keperluan penting memberikan mereka pengalaman bermakna mempelajari Bahasa Inggeris tanpa tekanan dan menggembirakan. Jadual 2.1 di bawah menunjukkan antara aktiviti-aktiviti dalam pengajaran Bahasa Inggeris berdasarkan KSPK semakan 2010 yang dapat meningkatkan penguasaan murid-murid terhadap Bahasa Inggeris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.1

Aktiviti-aktiviti dalam Pengajaran Bahasa Inggeris (KSPK, 2010)

Kemahiran mendengar dan bertutur	• Mendengar dan membezakan bunyi • Mendengar dan memahami maksud perkataan mudah • Memperoleh dan menggunakan frasa dan pernyataan • Mendengar dan mengikut arahan mudah • Mendengar dan menikmati "*nursery rhymes"*, lagu, puisi dan cerita • Menyanyi lagu dan melafazkan "*rhyme*" dan puisi. • Menceritakan cerita mudah • Melakonkan situasi-situasi dan cerita-cerita • Mempersembahkan pelbagai bentuk dan fungsi bahasa dalam konteks sosial • Bertanya soalan-soalan mudah
Kemahiran Pra-Bacaan	• Memahami bahawa bahan-bahan bercetak mempunyai makna • Memperoleh pengetahuan bercetak dan etika dalam bacaan
Kemahiran Membaca	• Mengenal pasti abjad • Membaca perkataan mudah dan memahaminya • Membaca frasa dan memahaminya • Membaca ayat mudah dan memahaminya • Membangunkan minat dalam membaca
Kemahiran Menulis	• Memperoleh kemahiran pra-tulis • Memperoleh kemahiran menulis

Merujuk jadual di atas, kanak-kanak perlu menguasai kemahiran-kemahiran yang telah dinyatakan di dalam KSPK. Namun begitu, penguasaan murid dalam Bahasa Inggeris masih tidak mencapai target yang diharapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Penguasaan murid yang kurang memuaskan dalam Bahasa Inggeris adalah berpunca dari guru pendidikan awal kanak-kanak itu sendiri yang tidak mahir dalam pengajaran Bahasa Inggeris dan tidak mahir bertutur dalam Bahasa Inggeris (Pejabat Pendidikan Daerah Larut Matang dan Selama, UKBIGP 2016 & 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Beberapa perubahan juga telah berlaku dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Semakan 2017 bagi Bahasa Inggeris. Jadual 2.2 di bawah menunjukkan antara aktiviti-aktiviti dalam pengajaran Bahasa Inggeris yang dapat meningkatkan penguasaan murid-murid terhadap Bahasa Inggeris.

Jadual 2.2

Aktiviti-aktiviti dalam Pengajaran Bahasa Inggeris (KSPK, 2017)

Kemahiran mendengar dan bertutur	• Mendengar dan mengenal pasti bunyi • Mendengar dan cuba memberi respons yang bersesuaian • Mendengar, memahami dan memberi respons dalam kandungan yang pelbagai
Kemahiran Membaca	• Menunjukkan kemahiran mengendalikan buku yang bersesuaian • Membunyikan huruf untuk mengenal perkataan • Menunjukkan pemahaman terhadap pelbagai teks dalam bentuk bercetak dan tidak bercetak • Membangunkan minat untuk membaca bagi mendapatkan maklumat dan keseronokan
Kemahiran Menulis	• Membentuk kemahiran pra-tulis • Membentuk kemahiran menulis

Walaupun terdapat beberapa perubahan, namun matlamat utama dalam pembelajaran Bahasa Inggeris adalah untuk meningkatkan penguasaan murid dalam empat kemahiran utama iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Beberapa kelemahan dalam KSPK bagi tunjang Bahasa dan Komunikasi (Bahasa Inggeris) yang telah menyebabkan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan. Justeru itu, dapat dilihat di sini bahawa kepentingan Bahasa Inggeris dalam kalangan kanak-kanak sangat dititik beratkan, namun begitu faktor utama untuk merealisasikan matlamat kejayaan kanak-kanak dalam KSPK (Bahasa Inggeris) sangat bergantung pada pelaksana kurikulum itu sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebelum pengkaji mengupas isu berkaitan individu yang bertanggungjawab sebagai pelaksana kurikulum iaitu guru. Permasalahan di dalam kurikulum yang menyebabkan berlaku beberapa isu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris perlu dilihat terlebih dahulu. Seterusnya aspek murid-murid prasekolah atau tadika itu sendiri. Isu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris adalah seperti murid tidak minat belajar Bahasa Inggeris, murid kurang bersedia untuk belajar Bahasa Inggeris, guru tidak yakin hendak mengajar Bahasa Inggeris, guru tidak tahu mengajar Bahasa Inggeris dan sebagainya. Apakah permasalahan yang berpunca dari kurikulum dan juga murid-murid itu sendiri?

Berdasarkan pandangan pakar yang terlibat dengan "*The Roadmap 2015-2025: English Language Education Reform in Malaysia"* (KPM, 2018), aktiviti-aktiviti yang dirancang dalam KSPK (Bahasa Inggeris) adalah tidak berpandukan kepada mana-mana kerangka teoritikal yang sesuai dengan pembelajaran awal bahasa atau literasi awal. Fonik adalah sangat penting tetapi tidak diberi penekanan dalam jadual di atas. Penggunaan bahasa secara interaktif bercampur dengan sastera bahasa. Hal ini telah menunjukkan bahawa konsep pembelajaran Bahasa Inggeris di prasekolah atau tadika mempunyai fokus pembelajaran kurang menepati perkembangan kanak-kanak itu sendiri.

Selain itu, terdapat kekurangan juga bagi penyusunan jadual pembelajaran kanak-kanak yang mana tidak membantu guru untuk menjadi seorang yang berkemahiran dalam Bahasa Inggeris kerana guru yang sama tetapi perlu menukar bahasa dalam kelas yang sama sebanyak beberapa kali. Ini menyebabkan kanak-kanak tidak bersedia untuk belajar Bahasa Inggeris secara berkesinambungan kerana Bahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Inggeris hanya digunakan sebagai bahasa alternatif di dalam kelas. Misalnya, rutin pagi pada hari Isnin dengan Selasa dilaksanakan dalam Bahasa Malaysia dan pada hari Rabu dan Khamis rutin dilaksanakan dalam Bahasa Inggeris. Oleh sebab kedua-dua bahasa diajar oleh guru yang sama, maka ia boleh menyebabkan kanak-kanak menjadi keliru. Bukan hanya kanak-kanak malah guru juga akan menjadi keliru dengan pelaksanaan pengajaran Bahasa Inggeris (KPM, 2018).

Apabila guru perlu mengikut jadual KSPK guru perlu menukar bahasa pertuturan di dalam kelas, sekejap Bahasa Malaysia sekejap Bahasa Inggeris dan akhirnya guru akan menggantikan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris dengan kemahiran-kemahiran asas Bahasa Malaysia. Guru akan mencari jalan penyelesaian yang mudah iaitu tidak melaksanakan pengajaran Bahasa Inggeris sebanyak 600 minit seminggu bagi sekolah kebangsaan dan 400 minit seminggu bagi sekolah jenis kebangsaan. Hal ini menjelaskan mengenai pelaksanaan sesuatu tugas, iaitu apabila individu rasa tidak berkemampuan melakukan sesuatu tugasan, maka individu tersebut tidak akan melakukannya (Karbasi & Samani, 2016).

Peruntukan masa dalam jadual juga tidak konsisten iaitu pelbagai dari 10 minit hingga 60 minit. Kekerapan perubahan dalam bahasa dan peruntukan masa yang tidak selaras menyebabkan kanak-kanak tidak melalui proses kemahiran berfikir dan menyebabkan kegagalan kanak-kanak menguasai Bahasa Inggeris dengan baik. Permasalahan utama ialah kanak-kanak memerlukan persekitaran yang berstruktur yang boleh menyediakan mereka kestabilan dan keselamatan. Kekerapan perubahan bahasa instruksi di dalam kelas menyebabkan kanak-kanak tidak menguasai Bahasa Inggeris. Guru yang telah berdepan dengan permasalahan tersebut mencari alternatif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang mudah iaitu terus tidak patuh pada aktiviti dan masa Bahasa Inggeris dalam KSPK dan terus menggunakan bahasa yang mudah bagi guru dan kanak-kanak yang mana kebiasaannya penggunaan bahasa ibunda bukannya bahasa kedua (Mazlina Che Mustafa et al., 2018).

Selain kelemahan dalam KSPK faktor murid-murid juga mempengaruhi kualiti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris di prasekolah atau tadika. Salah satu faktor yang menyebabkan pengajaran guru kurang efektif adalah disebabkan oleh murid-murid itu sendiri. Isu utama bagi guru yang mengajar Bahasa Inggeris adalah murid-murid tidak dapat memahami pengajaran yang dijalankan (Nur Nazuha Beevi Abdul Aziz & Nordin Mamat, 2017; Starinne & Kurniawati, 2019). Hal ini menyebabkan guru terpaksa mengajar dalam bahasa ibunda atau cuba menterjemahkan Bahasa Inggeris kepada bahasa ibunda bagi memastikan murid-murid faham dengan apa yang telah guru ajar. Ini secara tidak langsung mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris di dalam kelas dan juga menyebabkan guru kurang keyakinan diri.

Secara tidak langsung guru mempunyai persepsi bahawa amat susah untuk membuatkan murid-murid faham dengan Bahasa Inggeris apabila guru menggunakan bahasa pertuturan dalam Bahasa Inggeris (Mazlina Che Mustafa et al., 2018). Guru juga berasa sangat mencabar apabila perlu mengajar Bahasa Inggeris yang mana murid-murid sendiri tidak faham. Hal ini menyebabkan guru kurang patuh dengan penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa instruksi. Pernyataan-pernyataan di bawah merupakan salah satu isu yang berkaitan;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> "jika bercakap mengenai permasalahan, hanyalah satu. Murid-murid langsung tiada pendedahan dan tidak biasa dengan penggunaan Bahasa Inggeris" (Mazlina Che Mustafa, 2018)

Segelintir guru sangat memahami tentang kepentingan untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris jika ingin murid-murid menguasai bahasa tersebut, walaupun semangat berkobar-kobar untuk melakukan perubahan namun apabila waktu pelaksanaan semuanya tidak menjadi kerana murid-murid tidak fokus apabila tidak faham dengan apa yang guru sampaikan.

> "Ya. Mereka langsung tidak fokus terhadap apa yang saya tuturkan, seolah-olah mereka kelihatan "*blur*" (tidak jelas). Dengan itu mereka mula bercakap dan dengan kawan-kawan tanpa mempedulikan saya..." (Mazlina Che Mustafa et al.,2018)

Seterusnya, faktor utama yang menyebabkan kurang keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris di prasekolah atau tadika adalah berpunca dari guru pendidikan awal kanak-kanak itu sendiri (Rohaty Majzub, 2013; Nur Nazuha Beevi Abdul Aziz & Nordin Mamat, 2017; Mardziah Abdullah, Mariani Md Nor, Fonny Damaety & Jain Chee, 2017). Guru pendidikan awal kanak-kanak didapati mempunyai tahap kecekapan yang rendah dalam Bahasa Inggeris kerana majoriti dari mereka adalah bukan opsyen dalam Bahasa Inggeris. Hal ini telah mewujudkan satu perbezaan mengenai keperluan guru pendidikan awal kanak-kanak yang sepatutnya mempunyai kemahiran yang tinggi dalam Bahasa Inggeris yang mana menjadi suatu keperluan penting sejajar dengan pembangunan negara ke arah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perkembangan teknologi. Bahasa Inggeris merupakan bahasa antarabangsa dan setiap murid perlu menguasai bahasa tersebut demi menjamin masa hadapan mereka akan datang.

> "Guru pendidikan awal kanak-kanak yang berkemahiran dalam Bahasa Inggeris sangat diperlukan.." (Rohaty Majzub, 2013)

Guru yang mengajar literasi awal Bahasa Inggeris bukan hanya perlu pakar dalam pendekatan pedagogi untuk kanak-kanak belajar Bahasa Inggeris tetapi juga perlu pakar dalam kemahiran-kemahiran asas dalam Bahasa Inggeris. Ini kerana guru merupakan rol model kepada kanak-kanak itu sendiri. Namun begitu, bukti berdasarkan pemantauan pihak-pihak tertentu mendapati guru pendidikan awal kanak-kanak tidak mempunyai kelayakan tersebut (Rohaty, 2013). Dapatan temu bual beberapa kajian telah menunjukkan bahawa kecekapan guru dalam Bahasa Inggeris adalah pada tahap yang rendah, guru bimbang tidak dapat menjadi rol model yang baik kepada kanak-kanak dalam pembelajaran Bahasa Inggeris, guru takut melakukan kesalahan dari segi tatabahasa dan susunan ayat, guru tidak yakin menggunakan Bahasa Inggeris dan banyak lagi.

> "….Tetapi saya jarang melaksanakannya kerana saya sendiri tidak berkemahiran dalam Bahasa Inggeris.." (Mardziah Abdullah et al., 2017)

> "….Saya langsung tidak berkemahiran dalam Bahasa Inggeris, jadi bagaimana saya ingin mengajar Bahasa Inggeris?" (Mardziah Abdullah et al., 2017)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"….kebarangkalian pelaksanaan Bahasa Inggeris adalah rendah. Ini kerana saya tidak bagus dalam Bahasa Inggeris" (Mardziah Abdullah et al., 2017)

"….Kadang-kadang saya melaksanakannya tetapi amat sukar"
(Mardziah Abdullah et al., 2017)

"Tidak pasti sama ada "*pronunciation*" saya betul atau tidak semasa mengajar Bahasa Inggeris"(Mazlina Che Mustafaet al., 2018)

"Apabila saya "*stuck*" semasa bertutur dalam Bahasa Inggeris, saya akan meneruskannya dengan menggunakan Bahasa Melayu"
(Mazlina Che Mustafa et al., 2018)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun guru dikatakan perlu mempunyai tahap kecekapan yang tinggi dalam Bahasa Inggeris, namun realitinya guru pendidikan awal kanak-kanak masih memiliki tahap kecekapan dalam Bahasa Inggeris pada tahap yang rendah. Dalam kajian Mardziah Abdullah et al. (2017) hasil pemerhatian yang telah dijalankan mendapati guru pendidikan awal kanak-kanak tidak melaksanakan kemahiran-kemahiran asas dalam Bahasa Inggeris sebaliknya telah menggantikannya dengan kemahiran-kemahiran asas Bahasa Malaysia. Ini merupakan salah satu faktor yang menyebabkan kanak-kanak kurang berkemahiran dalam Bahasa Inggeris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, beliau mendapati guru masih menggunakan strategi berpusat kepada guru dan merupakan strategi yang paling kerap digunakan oleh guru prasekolah. Berdasarkan kajian dibuat pengajaran yang menggunakan strategi berpusatkan guru kurang menghasilkan keberkesanan yang positif dalam pembelajaran (Mazlina Che Mustafa & Maznah Ahmad, 2017; KPM, 2018). Kebanyakan pendekatan pengajaran yang digunakan oleh guru pendidikan awal kanak-kanak adalah berpusat kepada guru, tanpa memberi peluang kepada murid-murid untuk meneroka. Kajian ini mendapati pendekatan berpusat kepada guru membantu guru untuk mengawal tingkah laku murid-murid di dalam kelas. Di samping itu, guru yang kurang berkemahiran dalam Bahasa Inggeris berkemungkinan menghadapi kesukaran untuk mengajar menggunakan strategi berpusatkan murid.

Seterusnya Mazlina Che Mustafa dan Maznah Ahmad (2017) membuat kajian mengenai strategi-strategi interaksi yang efektif dalam pengajaran dan pembelajaran bagi kanak-kanak prasekolah. Dapatan kajian menunjukkan peluang yang guru wujudkan dalam kelas dan strategi-strategi yang efektif dapat meningkatkan interaksi di kalangan kanak-kanak prasekolah. Di samping itu, penggunaan pelbagai strategi yang efektif, kemahiran pedagogi guru dan pemberian peneguhan dan galakan dapat meningkatkan interaksi di dalam Bahasa Inggeris. Namun begitu kajian mendapati guru kurang mengamalkan strategi-strategi yang efektif dalam pengajaran Bahasa Inggeris dan seterusnya menyebabkan kelemahan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Apabila guru melaksanakan pembelajaran yang efektif (Axelrod, 2014; Jarett, Sutterby, DeMarie & Stenhouse, 2015) dan penggunaan teknik-teknik seperti drama dan bercerita (Soleimani & Akhbari, 2013) ia membolehkan perkembangan sikap yang positif terhadap penggunaan Bahasa Inggeris. Permasalahannya ialah guru masih menggunakan pendekatan pengajaran secara tradisional yang kurang berkesan, contohnya guru menterjemahkan setiap perkataan Bahasa Inggeris kepada bahasa ibunda, hal ini menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris terganggu. Murid juga tidak akan cuba mempelajari dan memahami kosa kata dalam Bahasa Ingeris kerana mereka tahu yang guru akan cuba menterjemahkan bahasa tersebut kepada bahasa ibunda (Mazlina Che Mustafa et al., 2018). Akhirnya murid rasa kurang bermotivasi untuk mempelajari Bahasa Inggeris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu disebabkan kurang pendedahan kepada bahasa kedua, guru tidak dapat menjadi rol model kepada kanak-kanak dan hal ini bertentangan dengan pendekatan imitasi yang mana sangat sesuai dengan perkembangan kanak-kanak untuk mempelajari bahasa kedua (Kite & Sakui, 2001; Met, 2004; Ojima, Nakamura, Matsuba-Kurita, Hoshino, & Hagiwara, 2011; Tedick, Christian & Fortune, 2011 dalam KPM, 2018) Kanak-kanak tidak berpeluang untuk belajar Bahasa Inggeris dalam interaksi sosial yang bermakna dengan individu yang kurang berpengetahuan dalam Bahasa Inggeris (Vygotsky, 1978).

Guru yang tidak boleh bertutur Bahasa Inggeris dengan baik dan kurang kemahiran-kemahiran mempelajari bahasa tidak sepatutnya menjadi individu pertama yang memperkenalkan kanak-kanak kepada Bahasa Inggeris. Kelemahan guru dari segi penyusunan tatabahasa dan salah sebutan akan menjadi ikutan kepada kanak-kanak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan menyebabkan susah untuk dibetulkan semula kesalahan tersebut (KPM, 2018). Namun begitu, usaha boleh dilakukan juga oleh guru yang berkeinginan untuk meningkatkan penguasaan dalam Bahasa Inggeris. Berdasarkan Teori Sosiobudaya Vygotsky yang menyatakan bahawa dalam pembelajaran perlu ada "*More Knowledgeable Other*" (MKO). Dalam situasi ini guru pendidikan awal kanak-kanak merupakan MKO dalam pengajaran Bahasa Inggeris. Sepatutnya MKO perlu lebih berpengetahuan dalam pengajaran Bahasa Inggeris supaya dapat membantu kanak-kanak menguasai Bahasa Inggeris dengan baik, namun hal sebaliknya yang berlaku.

Sharbawi (2010) menekankan betapa pentingnya latihan untuk guru yang akan mengajar Bahasa Inggeris kepada kanak-kanak. Latihan perlu berdasarkan kepada amalan perkembangan bersesuaian. Ng (2010) mendapati segelintir guru tidak memahami kurikulum dalam Bahasa Inggeris, dan kurangnya aktiviti-aktiviti menerusi bermain, nyanyian dan gerakan, pendekatan yang digunakan adalah berpusatkan guru yang mana kurang beri penekanan kepada kreativiti dan kemahiran menyelesaikan masalah. Melalui pemerhatian Kioko, Ndung'u, Njoroge & Mutiga (2014) terhadap pendidikan awal kanak-kanak di Kenya, sesetengah amalan pengajaran adalah jarang dipraktikkan dan menunjukkan guru dan kanak-kanak menghadapi kesukaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Bagi membuatkan kanak-kanak seronok menggunakan Bahasa Inggeris guru perlu merancang aktiviti pembelajaran yang sesuai dengan minat dan boleh merangsang perasaan ingin tahu kanak-kanak. Jika guru tidak dapat melaksanakan pengajaran Bahasa Inggeris yang berkesan maka guru akan menyalahkan isu karakter awal kanak-kanak, isu afektif termasuk kurang fokus, kurang bersedia dan kurang motivasi dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kalangan kanak-kanak dikatakan sebagai faktor penyebab kepada kurang keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran di kelas (Uztosun, 2016).

Bagi melahirkan kanak-kanak dengan mempunyai kemahiran asas dalam pertuturan memerlukan guru yang berkemahiran tinggi dalam Bahasa Inggeris tetapi masalahnya majoriti guru pendidikan awal kanak-kanak tidak mempunyai tahap kecekapan yang tinggi dalam Bahasa Inggeris (Mazlina Che Mustafa et al., 2018). Walaupun guru mempunyai pengetahuan dalam kemahiran membaca dan menulis dalam Bahasa Inggeris, namun apabila berkaitan dengan pelaksanaan penggunaan bahasa instruksi dalam Bahasa Inggeris, guru sangat perlu menguasai kemahiran dalam bertutur Bahasa Inggeris. Sangat penting untuk melengkapkan guru pendidikan awal kanak-kanak dengan kemahiran-kemahiran profesional yang fokus pada amalan bersesuaian perkembangan dan penggunaan bahasa instruksi dalam Bahasa Inggeris (Rohaty Majzub, 2013).

Selain tahap kecekapan guru yang rendah dalam Bahasa Inggeris, terdapat satu lagi aspek yang penting dalam menentukan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris iaitu keyakinan diri guru dalam mengajar Bahasa Inggeris (Ghasemboland, 2014; Thompson, 2016). Keyakinan diri guru merupakan salah satu aspek dalam psikologi dan aspek ini sering tidak diberi perhatian oleh perancang latihan pembangunan atau profesional guru dalam pengajaran Bahasa Inggeris. Guru yang mempunyai kurang keyakinan diri boleh menyebabkan guru tidak menggunakan bahasa instruksi dalam Bahasa Inggeris di kelas. Guru juga tidak dapat menjadi rol model yang baik kepada kanak-kanak bagi menunjukkan keperluan dan kepentingan untuk mempelajari Bahasa Inggeris. Ini kerana guru sendiri langsung tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berminat untuk menggunakan Bahasa Inggeris dan menyebabkan pengajaran Bahasa Inggeris di kelas juga menjadi tidak menarik.

> "Guru tidak memiliki tahap keyakinan diri yang tinggi untuk bertutur menggunakan Bahasa Inggeris." (Rohaty Majzub, 2013)

Rohaty Majzub (2013) dalam kajiannya menumpukan kepada tahap kecekapan guru yang rendah dalam Bahasa Inggeris dan kurang keyakinan diri untuk menggunakan Bahasa Inggeris di dalam kelas. Guru yang kurang keyakinan diri tidak dapat melaksanakan pengajaran menggunakan bahasa instruksi dalam Bahasa Inggeris. Selain itu, disebabkan kurang keyakinan diri maka guru mewujudkan persekitaran kelas yang tidak menyokong kepada penggunaan Bahasa Inggeris sebaliknya ini menyebabkan guru dan kanak-kanak lebih memilih untuk menggunakan bahasa ibunda.

Beberapa orang pengkaji telah menjalankan kajian berkaitan dengan pengajaran Bahasa Inggeris oleh guru pendidikan awal kanak-kanak. Di antaranya ialah Mazlina Che Mustafa et al. (2018) dengan kajian yang melihat sejauh mana halangan-halangan yang dihadapi oleh guru pendidikan awal kanak-kanak menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa interaksi dengan kanak-kanak. Dapatan menunjukkan guru mempunyai masalah untuk menggunakan Bahasa Inggeris disebabkan kurang berkemahiran dalam Bahasa Inggeris, guru kurang keyakinan diri, kanak-kanak kurang pemahaman dalam Bahasa Inggeris dan persekitaran yang tidak menggalakkan untuk penggunaan Bahasa Inggeris. Dalam kajian ini, pengkaji ingin menyatakan kepentingan aspek psikologi guru dalam membantu guru untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris yang berkesan. Aspek psikologi iaitu kurang keyakinan diri merupakan salah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

satu faktor yang menyebabkan halangan untuk guru menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa instruksi di kelas.

Keyakinan guru dalam mengajar Bahasa Inggeris sangat mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris. Guru yang mempunyai keyakinan diri yang tinggi dalam pengajaran Bahasa Inggeris dapat melaksanakan pengajaran dengan berkesan manakala guru yang mempunyai keyakinan diri yang rendah dalam pengajaran Bahasa Inggeris akan menghadapi masalah dalam pelaksanaan pengajaran Bahasa Inggeris di kelas. Walaupun isu berkaitan guru pendidikan awal kanak-kanak kurang keyakinan diri untuk mengajar Bahasa Inggeris telah dikenal pasti namun cara untuk mengatasinya kurang dilaksanakan kerana fokus hanya diberikan kepada guru kurang pengetahuan kandungan dan pedagogi dalam Bahasa Inggeris sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, dapat dilihat bahawa terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris iaitu kurikulum, murid-murid dan juga guru. Guru merupakan faktor yang paling penting bagi menentukan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris. Guru yang efektif tidak akan mengganggap faktor kurikulum dan faktor murid-murid sebagai penghalang untuk melaksanakan pengajaran Bahasa Inggeris yang berkesan. Apa yang menjadi permasalahan ialah tahap kecekapan guru yang rendah dan juga tahap keyakinan diri guru untuk mengajar Bahasa Inggeris juga rendah. Namun begitu, tahap kecekapan guru dalam Bahasa Inggeris boleh diatasi dengan cara meningkatkan pengetahuan guru dalam kandungan subjek dan juga pedagogi. Ini merupakan salah satu usaha-usaha yang telah dijalankan oleh KPM dan agensi-agensi pendidikan awal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kanak-kanak yang lain. Namun begitu, apakah usaha-usaha yang telah dijalankan bagi meningkatkan tahap keyakinan guru dalam mengajar Bahasa Inggeris?

KPM dan agensi-agensi sedar mengenai kepentingan penyediaan latihan pembangunan profesionalisme kepada guru pendidikan awal kanak-kanak khusus kepada peningkatan kualiti pengajaran Bahasa Inggeris. Hal ini dapat dilihat dengan kursus atau bengkel yang telah disediakan kepada guru-guru bagi meningkatkan tahap kecekapan mereka dalam Bahasa Inggeris. Penekanan kursus atau bengkel adalah berfokus kepada peningkatan pengetahuan dalam kandungan subjek dan pengetahuan pedagogi. Ia termasuklah penguasaan sebutan bahasa, intonasi bahasa, struktur tatabahasa, kosa kata, pembentukan ayat, strategi dan kaedah pengajaran berkesan dalam Bahasa Inggeris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ini dapat dilihat menerusi kursus atau bengkel yang pernah dihadiri oleh guru prasekolah KPM, guru Tabika KEMAS Perak dan guru tadika Islam Perak. Kursus Peningkatan Profesionalisme Bahasa Inggeris di kalangan guru prasekolah tahun 2013 dan tahun 2014, "*English for Preschool Teachers"* (EPT) 2019, Bengkel Peningkatan Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Bahasa Inggeris (2014), Bengkel Jurulatih Utama Bagi Subjek Bahasa Inggeris (2015), Kursus Fonik Bahasa Inggeris (2016), Kursus Fonik Bahasa Inggeris (2017), Bengkel Peningkatan Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Bahasa Inggeris (2018), Kursus Fonik Siri 1 (2016), Kursus Fonik Siri 2 (2017) dan Bengkel Peningkatan Mengajar Bahasa Inggeris Pejabat Agama Daerah (2018). Kesemua kursus atau bengkel yang disenaraikan lebih kepada meningkatkan pengetahuan kandungan dan pedagogi guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaubagaimana pun, sejauh mana keberkesanan kursus atau bengkel yang telah dihadiri, adakah guru mengaplikasikan input yang telah diperoleh sewaktu menghadiri kursus atau bengkel dalam proses pengajaran dan pembelajaran di kelas. Hal ini dapat dilihat menerusi kajian-kajian yang telah dijalankan terhadap guru pendidikan awal kanak-kanak berkaitan pengajaran Bahasa Inggeris, kurang tahap kecekapan dalam Bahasa Inggeris, kurang berminat dengan Bahasa Inggeris, kurang keyakinan diri dan sikap negatif terhadap Bahasa Inggeris (Mazlina Mustafa et al., 2018); guru memiliki tahap kecekapan yang rendah, tidak dapat bertutur dengan lancar, tidak ada keyakinan diri untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris (Rohaty, 2013), guru tidak patuh dengan kemahiran-kemahiran asas dalam pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua seperti yang termaktub dalam KSPK (Mardziah Abdullah, 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mengapakah guru-guru yang telah menghadiri kursus atau bengkel Bahasa Inggeris tidak mengaplikasikan input yang telah diperoleh di dalam kelas? Adakah kerana tidak ada satu dorongan dalaman yang kuat untuk mengarahkan guru-guru melaksanakan pengajaran dengan berkesan? Adakah disebabkan aspek psikologi yang menjadi penghalang untuk guru mengaplikasikan input-input baru yang telah diperoleh daripada kursus seperti kurang keyakinan diri, kebimbangan, malu, tertekan dan sebagainya? Sebenarnya ini merupakan isu yang pengkaji akan cuba kenal pasti dalam kajian ini. Pada pandangan pengkaji, penekanan harus juga diberikan kepada aspek psikologi dalam mengajar Bahasa Inggeris khususnya tahap keyakinan guru dalam mengajar Bahasa Inggeris. Hal ini kerana keyakinan diri yang rendah boleh mencetuskan beberapa permasalahan lain yang berkaitan dengan kurang keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris dan dapat dibuktikan oleh kajian-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian lepas (Rohaty Majzub, 2013; Mardziah Abdullah et al., 2017; Mazlina Che Mustafa & Maznah Ahmad, 2017; Mazlina Che Mustafa et al., 2018).

Pendek kata, permasalahan yang berlaku ialah tahap kecekapan guru dalam Bahasa Inggeris adalah rendah dan begitu juga dengan tahap keyakinan guru untuk mengajar Bahasa Inggeris. Secara langsung kelemahan guru telah menyebabkan pencapaian atau penguasaan murid-murid dalam Bahasa Inggeris juga tidak begitu memuaskan. Dengan ini, isu-isu yang berlaku terhadap pengajaran Bahasa Inggeris dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak perlu diberi perhatian yang serius oleh semua pihak yang terlibat seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Kemajuan Masyarakat, Jabatan Agama Islam dan lain-lain agensi yang berkenaan. Ini kerana isu yang berlaku di negara kita turut berlaku di luar negara iaitu permasalahan pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua seperti kajian Thompson (2016) di negara Jepun, Doungprom, Phusee-on dan Prachanant (2016) di negara Thailand, Uztosun (2016) di negara Turki dan Starinne dan Kurniawati (2019) di negara Indonesia.

Dalam kajian ini tujuan pembangunan Modul PEMBI adalah untuk meningkatkan efikasi kendiri (keyakinan diri) dalam mengajar Bahasa Inggeris. Hal ini kerana pengkaji berpendapat bahawa guru perlu diberikan latihan pembangunan berkaitan dengan peningkatan efikasi kendiri (keyakinan diri) dalam pengajaran Bahasa Inggeris selain daripada kursus atau bengkel untuk meningkatkan tahap pengetahuan kandungan dan pedagogi guru dalam Bahasa Inggeris. Apa yang paling penting ialah efikasi kendiri merupakan atribut utama yang akan menjadi pendorong dalaman individu untuk mencapai sesuatu kejayaan. Jika guru mempunyai efikasi kendiri yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tinggi jangkaan hasil bagi setiap perkara atau tugas yang perlu dilaksanakan akan lebih ke arah positif dan kejayaan.

Dalam kajian Karbasi dan Samani (2016), efikasi kendiri membawa maksud yang sama dengan keyakinan diri. Begitu juga Epstein dan Willhite (2015) dalam kajiannya menyatakan efikasi kendiri mempunyai maksud yang sama dengan keyakinan diri. Sabokrouh (2014) turut menyatakan bahawa efikasi kendiri mempunyai persamaan maksud dengan keyakinan diri. Pengkaji juga telah memberi maksud yang sama kepada efikasi kendiri guru iaitu keyakinan guru dalam mengajar Bahasa Inggeris. Oleh itu, pengkaji memilih untuk menggunakan pemboleh ubah efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris sebagai satu kuasa dalaman yang boleh mendorong individu atau guru menuju ke arah kejayaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Efikasi Kendiri dan Domain Pencapaian

Efikasi kendiri sering dikaitkan dengan pencapaian atau kejayaan berdasarkan aspek-aspek yang telah dikaji. Beberapa kajian menunjukkan terdapat hubungan di antara kepercayaan efikasi kendiri dan pencapaian yang ditunjukkan menerusi gred-gred kursus dalam Bahasa kedua (Mahyuddin et al., 2006; Mills, Pajares & Herron, 2006; Hsieh & Schallert, 2008) atau kecekapan di dalam domain yang spesifik dalam bahasa target iaitu membaca (Mills, Pajares & Herron 2006; Mills, Pajares & Herron, 2007) mendengar (Abedini & Rahimi, 2009; Mills, Pajares & Herron, 2006; Magogwe & Oliver, 2007; Tilfarlioglu & Ciftci, 2011). Dapatan di atas selari dengan kajian dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

domain yang lain seperti kepimpinan, kesejahteraan emosi, strategi-strategi pembelajaran, kecekapan guru dan pendidikan secara umum (Magogwe & Oliever, 2007; Skaalvik, 2010; Vesely, Saklofske & Leschied, 2013; Hallinger, Hosseingholizadeh, Hashemi & Kouhsari, 2018) yang mana menunjukkan efikasi kendiri menjadi peramal yang kuat kepada pencapaian.

Mills, Pajares dan Herron (2006) menjalankan tinjauan terhadap 95 orang pelajar kolej yang mengikuti kelas Bahasa Perancis sebagai bahasa kedua di Amerika Syarikat. Dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang positif di antara kepercayaan efikasi kendiri dalam membaca dan kecekapan membaca yang mana menunjukkan efikasi kendiri membaca mempunyai korelasi positif dengan kecekapan mendengar dalam kalangan pelajar perempuan. Hsieh dan Schallert (2008) menunjukkan dalam pelbagai jenis pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian sebagai peramal kepada pencapaian atau kejayaan, efikasi kendiri merupakan peramal yang paling kuat bagi pencapaian dalam Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar Korea Selatan.

Tilfarlioğlu dan Ciftci (2011) dengan tinjauan terhadap 250 pelajar universiti di Turki. Dapatan adalah selari dengan kajian Hsieh dan Schallert (2008). Merujuk kepada dapatan, terdapat hubungan yang positif di antara kejayaan akademik yang didefinisikan sebagai gred-gred dan kepercayaan efikasi kendiri pelajar. Dalam kajian lain, Abedini dan Rahimi (2009) juga menilai hubungan di antara efikasi kendiri dan pencapaian. Dapatan menunjukkan kepercayaan efikasi kendiri pelajar Iran adalah mempunyai korelasi secara positif dengan kecekapan mendengar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nariman-Jahan dan Rahimpour (2010) mendapati kepentingan efikasi kendiri pelajar dalam meramal pencapaian mereka. Sama seperti kajian terdahulu, dapatan kajian ini menunjukkan efikasi kendiri pelajar adalah secara signifikan berkaitan dengan pencapaian mereka dalam Bahasa Inggeris. Walaubagaimana pun, Anyadubalu (2010) dalam kajian yang melibatkan 318 pelajar di Thailand mendapati tiada hubungan secara signifikan di antara efikasi kendiri dengan pencapaian. Hal ini mungkin disebabkan sampel kajian yang digunakan adalah pelajar yang berumur 12 tahun dan faktor budaya masyarakat yang tidak menggalakkan pelajar untuk membuat keputusan sendiri.

Berdasarkan kajian-kajian lepas di atas, telah terbukti bahawa efikasi kendiri boleh mempengaruhi pencapaian atau kejayaan individu dalam sesuatu bidang. Efikasi kendiri merupakan satu pemboleh ubah yang dapat mempengaruhi pencapaian dan kejayaan seseorang individu dalam pelbagai aspek kehidupan. Hal ini merupakan salah satu faktor utama yang menyebabkan pengkaji memilih efikasi kendiri sebagai pemboleh utama dalam kajian ini.

2.4 Efikasi Kendiri dan Domain Afektif

Efikasi kendiri juga dikatakan mempunyai hubungan dengan domain afektif iaitu domain yang mempunyai perkaitan dengan aspek psikologikal individu. Di antara karakter-karakter dalam domain afektif adalah motivasi, kebimbangan, lokus kawalan, regulasi kendiri, sikap dan lain-lain. Beberapa orang pengkaji yang menyokong idea bahawa efikasi kendiri pelajar mempengaruhi motivasi untuk belajar (Pintrich & De

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Groot, 1990; Pajares, 2003; Schunk, 1991). Bilangan kajian yang mengkaji kesan efikasi kendiri terhadap motivasi dalam konteks pembelajaran bahasa kedua adalah sedikit. Terdapat beberapa kajian yang mengkaji berkaitan kesan efikasi kendiri ke atas kebimbangan (Mills, Pajares & Herron, 2006; Erkan & Saban, 2011; Anyadubalu, 2010; Cubukcu, 2008) dan sikap (Hsieh & Kang, 2010; Hsieh & Schallert 2008; Graham, 2006).

Kajian mendapati bahawa kepercayaan efikasi kendiri mempengaruhi sikap pelajar sama ada memperoleh kejayaan atau kegagalan pada tugas yang diberikan. Pelajar yang mempunyai tahap efikasi kendiri yang berbeza membawa kepada sikap yang berbeza kepada kejayaan atau kegagalan dalam pembelajaran bahasa kedua. Contohnya, Hsieh dan Schallert (2008) mengkaji efikasi kendiri dan sikap individu. Kajian dijalankan terhadap 500 pelajar yang mengikuti pembelajaran bahasa Perancis, Spanish dan Jerman sebagai bahasa kedua di Amerika Syarikat. Dapatan menunjukkan pelajar bahasa kedua yang mengakui kegagalan mereka kerana kekurangan usaha sebagai penyebab terkawal mempunyai efikasi kendiri yang tinggi berbanding dengan pelajar yang tidak mengaitkan kegagalan mereka untuk berusaha.

Kajian hampir sama iaitu mengkaji efikasi kendiri dan sikap (Hsieh & Kang, 2010) mendapati pelajar Korea yang memiliki efikasi kendiri yang tinggi dapat membuat lebih kawalan peribadi seperti usaha berbanding dengan pelajar yang memiliki efikasi kendiri yang rendah. Ini berbeza, pelajar yang mempunyai efikasi kendiri yang rendah membuat lebih atribusi luaran seperti menyalahkan guru atas kejayaan atau kegagalan mereka di dalam ujian. Graham (2007) juga dalam kajian kualitatif terhadap pelajar mengikuti Bahasa Perancis di United Kingdom, mendapati

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajar yang mempunyai efikasi kendiri yang rendah menyalahkan kegagalan mereka disebabkan kurang berkebolehan iaitu faktor yang di luar kawalan pelajar manakala pelajar yang memiliki efikasi kendiri yang tinggi menganggap kegagalan mereka atribusi kawalan seperti kekurangan usaha atau kelemahan dalam menggunakan strategi-strategi yang bersesuaian.

Sesetengah kajian mengkaji efikasi kendiri mempunyai perkaitan dengan kebimbangan. Erkan dan Saban (2013) membuat tinjauan terhadap 188 orang pelajar bahasa kedua di Turki untuk mengenal pasti hubungan di antara efikasi kendiri dan kebimbangan. Kajian tersebut mendapati terdapat hubungan yang negatif di antara kepercayaan efikasi kendiri dalam menulis dengan kebimbangan menulis. Mills, Pajares dan Herron (2006) cuba mengenal pasti perhubungan di antara efikasi kendiri dan kebimbangan. Dapatan menunjukkan efikasi kendiri pelajar mempunyai perkaitan negatif dengan kebimbangan membaca dan mendengar. Walaubagaimana pun, Cubukcu (2008) mendapati bahawa tidak terdapat hubungan di antara efikasi kendiri dan kebimbangan bahasa.

Merujuk kepada domain afektif, kebimbangan merupakan salah satu sumber yang berkait rapat dengan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Dalam kajian ini pengkaji ingin mengenal pasti sama ada efikasi kendiri guru yang tinggi dalam Bahasa Inggeris dapat mengurangkan tahap kebimbangan guru dalam mengajar Bahasa Inggeris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5 Efikasi Kendiri Guru

Efikasi kendiri merupakan konsep yang diperkenalkan dalam Teori Kognitif Sosial Bandura (Bandura, 1977) dan merujuk kepada kepercayaan terhadap kebolehan untuk mengurus ke arah tindakan yang membawa kepada pancapaian (Bandura, 1997). Menurut Bandura, kepercayaan efikasi kendiri berkaitan dengan kepercayaan individu terhadap kemampuan untuk mencapai kejayaan. Kepercayaan efikasi kendiri memainkan peranan dalam pembuatan keputusan individu untuk menghadapi situasi-situasi yang mencabar dalam mempengaruhi sesuatu tindakan untuk mengatasi perkara negatif seperti kegagalan, masalah dan tekanan (Bandura, 1977).

Setiap individu mempunyai kemampuan yang berbeza-beza dalam pelbagai bidang. Seseorang yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi dalam penulisan mungkin mempunyai efikasi kendiri yang rendah dalam pengucapan awam. Sesorang yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi dalam menyanyi mungkin mempunyai efikasi kendiri yang rendah dalam menjahit dan sebagainya. Bandura mencadangkan dua jenis jangkaan yang mana boleh mempengaruhi pilihan aktiviti-aktiviti dan usaha individu yang ditingkatkan untuk mencapai hasil-hasil tertentu, yang pertama ialah jangkaan hasil (andaian individu bahawa tingkah laku yang dipilih boleh membawa kepada hasil tertentu) dan yang kedua ialah jangkaan efikasi kendiri (keyakinan bahawa seseorang boleh menghasilkan tingkah laku yang diperlukan untuk membawa kepada hasil).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bandura (1997) membahagikan efikasi kendiri kepada tiga dimensi. Dimensi tersebut ialah a) "*magnitude"*, iaitu berkaitan dengan aras kesukaran sesuatu tugasan. Individu yang memiliki efikasi kendiri yang tinggi akan memiliki keyakinan berkemampuan menyelesaikan tugasan tersebut walaupun terpaksa menghadapi cabaran, b) "*generality"* iaitu dimensi yang berkaitan dengan tingkah laku. Individu yang memiliki efikasi kendiri yang tinggi memiliki keyakinan bahawa dia dapat menghadapi pelbagai jenis tugasan tidak hanya pada tugas-tugas tertentu sahaja, c) "*strength"* adalah dimensi yang berkait dengan keyakinan yang tinggi walaupun terpaksa menghadapi pelbagai halangan dalam menyelesaikan tugasan (Bandura, 1977).

Kepercayaan efikasi kendiri dibentuk berdasarkan kepada pengalaman lalu, pengalaman keberhasilan orang lain, pujukan lisan dan reaksi fisiologi dan emosi (Bandura, 2006). Individu yang memiliki efikasi kendiri yang tinggi lebih cenderung untuk menghadapi berbanding dengan individu yang memiliki efikasi kendiri yang rendah yang lebih cenderung untuk mengelak. Ini dapat dijelaskan bahawa apabila individu rasa mempunyai kemampuan untuk melakukan sesuatu maka individu tersebut akan melakukannya manakala apabila individu rasa tidak berkemampuan maka tugasan tersebut tidak akan dilakukannya.

Efikasi kendiri adalah berbeza dengan penghargaan kendiri. Efikasi kendiri merupakan penilaian terhadap kemampuan diri manakala penghargaan kendiri adalah penilaian terhadap nilai diri atau harga diri. Ia juga berbeza dengan konsep kendiri yang mana efikasi kendiri merujuk kepada kepercayaan terhadap apa individu boleh lakukan (Zimmerman & Clearly, 2006) dan konsep kendiri merupakan satu sikap.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.3

Perbezaan Di Antara Efikasi Kendiri, Penghargaan Kendiri Dan Konsep Kendiri

Efikasi kendiri	Penilaian kendiri terhadap kemampuan kendiri melakukan sesuatu
Penghargaan kendiri	Penilaian kendiri terhadap nilai diri
Konsep kendiri	Penilaian kendiri terhadap satu sikap

Terdapat tiga ciri utama yang membantu untuk menentukan perbezaan di antara efikasi kendiri dengan konsep yang hampir sama seperti penghargaan kendiri, lokus kawalan kendiri dan sebagainya (Schwarzer & Hallum, 2008). Pertama ialah efikasi kendiri merupakan atribusi dalaman (Saya merupakan penyebab kepada tindakan saya). Kedua ialah efikasi kendiri merupakan prospektif iaitu merujuk kepada tingkah laku di hadapan. Ketiga ialah ia merupakan konstruk yang operatif yang mana kognisi agak proksimal terhadap tingkah laku kritikal dan menjadi peramal yang baik terhadap tingkah laku sebenar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan huraian mengenai efikasi kendiri, ia menunjukkan betapa pentingnya individu memiliki efikasi kendiri yang tinggi kerana ia akan mempengaruhi pencapaian individu. Oleh itu pengkaji mencadangkan agar efikasi kendiri bagi guru diberikan perhatian, khususnya efikasi kendiri guru dalam mengajar bahasa kedua iaitu Bahasa Inggeris. Apa yang lebih penting ialah guru pendidikan awal kanak-kanak perlu mempunyai efikasi kendiri yang tinggi dalam mengajar Bahasa Inggeris kerana majoritinya adalah bukan opsyen dalam Bahasa Inggeris dan ini akan membantu guru untuk berusaha sehabis baik bagi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris dengan menarik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam bidang pendidikan, efikasi kendiri dikenali sebagai efikasi kendiri guru yang didefinisikan sebagai kepercayaan guru terhadap kemampuan untuk memberikan kesan positif terhadap pembelajaran murid (Ashton, 1986). Efikasi kendiri guru mempunyai persamaan juga dengan efikasi kendiri. Efikasi kendiri guru adalah kepercayaan guru terhadap kebolehan untuk menghadapi cabaran-cabaran dalam pendidikan seperti kesukaran dalam pengajaran dan murid-murid yang tidak bermotivasi (Bandura, 1986; Guskey, 1988; Tshannen-Moran, Hoy & Hoy, 1998).

Efikasi kendiri guru adalah berkaitan dengan pengukuran tahap kepercayaan sebagai guru yang efektif dalam aktiviti-aktiviti di sekolah seperti pengajaran, pembuat keputusan, penglibatan ibu bapa, mewujudkan iklim positif di sekolah dan sebagainya (Bandura, 1997). Woolfolk Hoy dan Spero (2005) mendefinisikan efikasi kendiri guru adalah keyakinan terhadap kebolehan guru dalam menggalakkan pembelajaran murid. Efikasi kendiri guru adalah kepercayaan bahawa guru berkemampuan memberi impak kepada pembelajaran murid-murid. Efikasi kendiri termasuklah keyakinan guru dalam pengajaran, pengurusan dan kemahiran kolaborasi (Epstein &Willhite, 2015).

Efikasi kendiri guru ditentukan dengan rasa mempunyai kecekapan dalam pengajaran dan rasa mempunyai keperluan tugasan dalam situasi-situasi pengajaran (Tschannen-Moran, Hoy & Hoy, 1998). Efikasi kendiri guru merupakan faktor utama yang dapat mempengaruhi keberkesanan pengajaran. Pelbagai kajian dijalankan untuk mengkaji peranan efikasi kendiri guru dalam mewujudkan amalan pengajaran yang efektif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Beberapa kajian yang telah menyediakan bukti empirikal terhadap kesan efikasi kendiri guru terhadap pencapaian murid (Ashton & Webb, 1986; Ross, 1992; Tschannen-Moran, Hoy & Hoy, 1998) jangkaan pencapaian murid (Midgley, Feldlaufer & Eccles, 1989; Khan, Fleva & Qazi, 2015), motivasi (Ashton & Webb, 1986), tekanan dalam pengajaran (Coladarci, 1992; Magnano, Santisi & Ramaci, 2014) dan efikasi kendiri murid (Ross, Hogaboam-Gray & Hannay, 2001). Tambahan pula, guru yang memiliki efikasi kendiri yang tinggi menunjukkan semangat yang tinggi dalam pengajaran (Guskey, 1988) dan lebih berminat untuk melaksanakan amalan-amalan pengajaran baru (Berman et al., 1977; Guskey, 1988; Guemri, Kacem, Naffeti & Bahloul, 2016). Justeru itu efikasi kendiri merupakan pemboleh ubah yang penting sebagai penentu kemampuan guru pendidikan awal kanak-kanak untuk mengajar Bahasa Inggeris dengan baik. Hal ini juga dapat dibuktikan menerusi kajian-kajian lepas yang telah mengenal pasti hubungan efikasi kendiri dengan pengajaran Bahasa Inggeris.

2.6 Efikasi Kendiri dan Pengajaran Bahasa Inggeris

Efikasi kendiri guru mempunyai hubungan yang kuat dengan tahap kecekapan guru dalam Bahasa Inggeris (Yilmaz, 2011). Guru yang memiliki efikasi kendiri yang tinggi dapat meningkatkan efikasi kendiri murid dan membantu murid mempunyai kepercayaan yang positif terhadap Bahasa Inggeris dan dapat memotivasikan murid (Gens, Kulassklı & Aydin, 2016). Kajian Genc et. al. (2016) mencadangkan agar kajian masa akan datang untuk menilai cara meningkatkan efikasi kendiri dalam Bahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Inggeris dan membantu mengembangkan kepercayaan positif terhadap proses pembelajaran bahasa.

Hal ini menunjukkan kepentingan efikasi kendiri dengan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris atau bahasa kedua. Ini turut dapat dilihat menerusi kajian Sabokrouh (2014) telah menjalankan kajian untuk mengenal pasti keyakinan guru dalam pengajaran Bahasa Inggeris di samping itu menilai sikap guru terhadap Bahasa Inggeris dan juga tahap kecekapan guru dalam Bahasa Inggeris. Efikasi kendiri guru didapati memberi kesan yang mendalam terhadap pelbagai aspek pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris.

Kajian untuk mengenal pasti peranan kepercayaan efikasi kendiri guru dalam kemahiran interaksi di antara guru dan kanak-kanak. Dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan korelasi yang kuat di antara kepercayaan efikasi kendiri guru prasekolah dengan kemahiran interaksi guru dan kanak-kanak dalam Bahasa Inggeris (Ata-Aktürk &Demircan, 2017). Dapatan kajian ini turut menunjukkan kepentingan efikasi kendiri dalam pengajaran Bahasa Inggeris dan hampir sama dengan kajian Ata-Aktürk dan Demircan (2017). Kajian beliau melihat hubungan di antara kepercayaan efikasi kendiri guru dengan kemahiran berkomunikasi dengan murid-murid, dapatan kajian menunjukkan kepercayaan efikasi kendiri guru mempunyai hubungan yang tinggi dengan kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, efikasi kendiri juga mempengaruhi strategi-strategi yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris. Raoofi et al. (2012) cuba mengkaji sama ada strategi-strategi dan strategi latihan dapat meningkatkan efikasi kendiri individu dalam bahasa kedua. Beliau mendapati strategi-strategi latihan dapat meningkatkan efikasi kendiri individu dalam bahasa kedua. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh beberapa orang pengkaji, penggunaan strategi latihan berhubungan secara signifikan dengan kepercayaan efikasi kendiri (Graham, 2007; Chularut & DeBacker, 2004; Chan & Lam, 2008; Shang, 2010; Khajavi & Ketabi, 2012; Goker, 2006; Zheng et al., 2009). Sebuah kajian jangka panjang telah dijalankan terhadap 480 pelajar Botswana yang belajar Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Dapatan kajian tersebut adalah selari dengan kajian di atas iaitu terdapat hubungan yang signifikan di antara penggunaan strategi pelajar Botswana dengan kepercayaan efikasi kendiri mereka (Magogwe & Oliver, 2007).

Di Taiwan, Su dan Duo (2012) telah menjalankan kajian terhadap 200 pelajar, dan mendapati strategi-strategi pengajaran mempunyai perkaitan dengan kepercayaan efikasi kendiri. Wong (2005) telah menemu bual enam orang responden dari Malaysia untuk meneroka strategi-strategi pembelajaran yang digunakan dalam bahasa kedua dan kepercayaan efikasi kendiri. Individu yang memiliki efikasi kendiri yang tinggi mereka cenderung menggunakan pelbagai strategi dalam bahasa kedua. Wang Li (2010) menemui efikasi kendiri dalam membaca mempunyai korelasi positif dengan strategi-strategi pembacaan seperti metakognitif, strategi social atau affektif dan kognitif. Individu yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi menggunakan pelbagai strategi dalam pembacaan berbanding dengan individu yang memiliki efikasi kendiri yang rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ini selari dengan kajian Yilmaz (2010) yang mendapati individu yang memiliki kepercayaan efikasi kendiri yang tinggi menunjukkan penggunaan pelbagai jenis strategi-strategi dalam bahasa kedua. Kajian dijalankan terhadap 160 pelajar Turki dan mendapati kesemua jenis strategi pembelajaran iaitu strategi memori, penggantian, kognitif, metakognitif, sosial dan afektif yang mempunyai hubungan yang kuat dengan kepercayaan efikasi kendiri. Dalam kajian kualitatif, Matthews (2010) mendapati faktor-faktor seperti sesi tutor bersemuka, persoalan yang mendalam, penjelasan yang mendalam terhadap peraturan struktur dan menganggap bahasa kedua sebagai model boleh belajar, kesemuanya mempengaruhi efikasi kendiri pelajar.

Kajian yang dijalankan ke atas 32 orang pelajar di Cyprus, Goker (2006) mendapati latihan bimbingan rakan dapat meningkatkan efikasi kendiri bagi kumpulan rawatan. Graham (2007) mengkaji kesan strategi latihan terhadap efikasi kendiri kemahiran mendengar ke atas 12 orang pelajar mempelajari Bahasa Perancis sebagai bahasa kedua di United Kingdom. Dapatan menunjukkan pelajar yang menerima maklum balas mempunyai tahap efikasi kendiri yang tinggi dalam kemahiran mendengar walaupun perbezaan dengan pelajar yang tidak menerima maklum balas tidak begitu baik. Khajavi dan Ketabi (2012) mengkaji sama ada konsep strategi pemetaan dapat memperbaiki efikasi kendiri individu dan mendedahkan pelajar Iran yang belajar bahasa kedua yang menerima konsep strategi pemetaan menunjukkan efikasi kendiri yang lebih baik berbanding dengan kumpulan kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, efikasi kendiri menyumbang kepada pelbagai pencapaian atau kejayaan dalam sesuatu bidang. Hal ini termasuklah efikasi kendiri dengan pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, efikasi kendiri dapat membantu meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris. Hal ini telah membuka mata pengkaji bahawa efikasi kendiri sangat diperlukan sebagai isi kandungan utama latihan kepada pembangunan guru pendidikan awal kanak-kanak dalam pengajaran Bahasa Inggeris untuk mengatasi permasalahan-permasalahan dari aspek kurang keyakinan diri dan bimbang untuk mengajar Bahasa Inggeris.

2.7 Kebimbangan

Merujuk kepada Klusman, Kunter, Trautwein, Lüdtke dan Baumert (2008), kejayaan seorang guru adalah bergantung kepada kedua-dua faktor iaitu kualiti pengajaran dan kesejahteraan diri guru itu sendiri. Usaha yang berterusan telah dilakukan bagi menambahbaik keberkesanan kualiti pengajaran guru di dalam kelas, sebaliknya kesejahteraan diri guru tidak begitu menjadi aspek yang dititik beratkan (Aelterman, Engels, Van Petegem & Verhaeghe, 2007; Liu, Song, & Pei, 2018; Milfont, Denny, Ameratunga, Robinson & Merry, 2008; Spilt, Koomen & Thijs, 2011). Kesejahteraan guru bukan hanya penting kepada individu tetapi juga didapati sangat memberi kesan terhadap komitmen dalam organisasi, keberkesanan menjalankan tugas dan prestasi kerja (Diener, Suh, Lucas & Smith, 1999; Maslach, Schaufeli & Leiter, 2001; Mclnerney, Korpershoek, Wang & Morin, 2018). Kesejahteraan guru dipengaruhi oleh karakter-karakter peribadi seperti pengawalan emosi, regulasi kendiri dan fleksibel (Klusman et al., 2008; Mclnerney et al., 2018; Yin, Huang, & Wang, 2016). Dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian ini kesejahteraan guru merujuk kepada tahap kebimbangan guru dalam mengajar Bahasa Inggeris dan aspek pengawalan emosi dan regulasi kendiri telah dimasukkan ke dalam aktiviti-aktiviti yang disediakan dalam Modul PEMBI.

Kebimbangan merupakan penyebab utama yang melemahkan segala proses pembelajaran termasuk dengan penggunaan bahasa kedua iaitu Bahasa Inggeris. Menurut Horwitz, Horwitz dan Cope (1986) mendefinisikan kebimbangan bahasa sebagai perbezaan yang kompleks terhadap persepsi, perasaan dan tingkah laku yang berhubungan dengan pembelajaran bahasa yang wujud daripada keunikan proses pembelajaran bahasa. Kebimbangan terdiri daripada tiga faktor yang saling berkaitan iaitu komunikasi yang tidak lancar, takut dengan penilaian yang negatif dan ujian kebimbangan. Komunikasi yang tidak lancar merujuk kepada malu yang berpunca daripada ketakutan atau bimbang untuk berkomunikasi dengan orang lain. Komponen kedua ialah ketakutan terhadap penilaian yang negatif merujuk kepada "bimbang mengenai penilaian orang lain, pengelakan terhadap situasi yang akan menimbulkan penilaian dan jangkaan bahawa orang lain akan membuat penilaian yang negatif terhadap diri. Ujian kebimbangan pula merujuk kepada sejenis kebimbangan prestasi yang berpunca dari ketakutan kegagalan menerusi keputusan ujian atau penilaian.

Kajian yang dijalankan oleh Liu (2007) serta Liu dan Jackson (2008) menyatakan bahawa kebimbangan terhadap bahasa asing membawa kesan yang negatif terhadap kesanggupan individu untuk berkomunikasi. Selain itu, kajian mendapati faktor-faktor seperti kurang kosa kata, kurang kemahiran dalam Bahasa Inggeris dan gangguan memori menyebabkan kebimbangan. Hal ini menyebabkan guru tidak menggunakan bahasa instruksi dalam Bahasa Inggeris di kelas. Kajian ini telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menunjukkan salah satu punca kegagalan guru pendidikan awal kanak-kanak untuk mengajar Bahasa Inggeris menggunakan bahasa instruksi dalam Bahasa Inggeris adalah disebabkan oleh kebimbangan.

Kebimbangan didefinisikan sebagai keadaan penyataan emosi, ketakutan yang kabur yang hanya secara tidak langsung dikaitkan dengan objek (Scovel, 1978; Alsaqqaf, Swanto, Din, Bidin & Shabdin, 2017). Fenomena 'kebimbangan' telah dikaji secara mendalam oleh beberapa orang pengkaji. Brown (2000) membahagikan kebimbangan kepada dua iaitu sifat kebimbangan dan keadaan kebimbangan. Sifat kebimbangan bermaksud berada dalam kecenderungan yang lebih berpotensi ke arah kebimbangan manakala keadaan kebimbangan merupakan pengalaman dalam hal sesuatu peristiwa atau keadaan tertentu (Salehi & Marefat, 2014). Oxford (1999) menyatakan terdapat dua jenis kebimbangan iaitu melemahkan dan membina. Kebimbangan yang membina merujuk kepada peluang untuk meningkatkan prestasi individu dalam tugasan tertentu sebaliknya kebimbangan yang melemahkan hanya melemahkan prestasi individu (Gabarre, Din, Shah & Abdul Karim, 2016)

Kebimbangan mengajar bahasa merupakan salah satu minat pengkaji untuk membuat kajian berkaitan dengan keadaan emosi guru khususnya guru yang perlu mengajar bahasa yang bahasa tersebut bukan bahasa ibunda mereka. Menurut Horwitz (1996), pembelajaran bahasa tidak pernah selesai dan semua guru bahasa asing merupakan pelajar lanjutan dari bahasa yang mereka ajar walaupun mereka ditempatkan dalam tahap kemahiran bahasa yang tinggi. Apabila individu mempunyai perasaan kekurangan dalam bahasa sasaran agak kerap dan tidak berkaitan dengan penilaian kompetensi yang realistik, reaksi terhadap kebimbangan yang selari seperti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajar yang tidak berpengalaman dalam pembelajaran bahasa (Horwitz et al.,1986). Sebenarnya pengalaman kebimbangan yang dialami oleh guru yang mengajar bahasa akan mempengaruhi perasaan dan keyakinan diri mereka, penggunaan bahasa sasaran dan keputusan dalam pengajaran (Horwitz, 1996). Sammephet dan Wanphet (2013), personaliti guru sendiri, konteks pengajaran guru dan jenis-jenis penyeliaan yang diberikan merupakan faktor utama yang menyebabkan guru mengalami kebimbangan. Ada juga kajian berkaitan guru novis iaitu guru yang mengajar Bahasa Inggeris didapati mengalami kebimbangan dalam penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing (Tum, 2012) dan tahap kebimbangan pengajar bahasa asing yang berpengalaman lebih rendah berbanding dengan guru novis.

Berdasarkan satu kajian yang bertujuan mengenal pasti tahap efikasi kendiri guru prasekolah di daerah Larut Matang dan Selama (Nur Nazuha Beevi Abdul Aziz & Nordin Mamat, 2017), dapatan menunjukkan purata min yang rendah adalah bahagian Tahap Kebimbangan Mengajar Bahasa Inggeris iaitu M = 2.57. Hal ini menunjukkan ramai guru berasa tertekan apabila mengajar Bahasa Inggeris, malu untuk mengajar Bahasa Inggeris, takut untuk mengajar Bahasa Inggeris, berpeluh-peluh apabila mengajar Bahasa Inggeris dan panik apabila dipantau sewaktu mengajar Bahasa Inggeris.

Merc (2015) memberi cadangan bagi kajiannya, cara untuk mengurangkan kebimbangan dalam Bahasa Inggeris adalah dengan membuat lebih praktis atau latihan, perlu mendapatkan lebih maklum balas, perlu ada strategi latihan untuk pembangunan kendiri dan cara mengatasi kebimbangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kebimbangan bahasa dipengaruhi oleh faktor psikologi iaitu perasaan, penghargaan kendiri dan keyakinan diri. Individu yang tertekan dengan pembelajaran bahasa kedua menyebabkan individu berasa bimbang dan terbentuk emosi negatif terhadap penggunaan bahasa kedua (Tran, 2012). Berdasarkan Teori Horwitz, Horwitz dan Cope, kebimbangan merangkumi kepada tiga aspek iaitu (i) kebimbangan komunikasi (ii) ujian kebimbangan dan (iii) takut pada maklum balas yang negatif (Horwitz et al., 1986)

Dalam kajian berkaitan dengan pemboleh ubah peramal terhadap kebimbangan bertutur dalam Bahasa Inggeris, pengkaji mendapati efikasi kendiri adalah pemboleh ubah tersebut. Peranan peramal bagi kebimbangan dalam bertutur dan efikasi kendiri dalam Bahasa Inggeris menunjukkan korelasi yang kuat. Kajian menunjukkan terdapat hubungan peramal yang positif di antara efikasi kendiri dengan bertutur Bahasa Inggeris. Kajian lain yang menyokong ialah efikasi kendiri memberi kesan secara langsung terhadap kebimbangan dalam bertutur (Anyadubalu, 2010). Efikasi kendiri dan kebimbangan dalam bertutur memainkan peranan penting sebagai peramal dalam kebimbangan mempelajari atau menggunakan Bahasa Inggeris.

2.8 Efikasi Kendiri dan Latihan Pembangunan Guru

Latihan pembangunan guru merujuk kepada program-program yang dijalankan seperti kursus, bengkel atau seminar dan lain-lain bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru untuk peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Dalam pengajaran Bahasa Inggeris kursus atau bengkel dijalankan bagi menambahkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengetahuan kandungan dan pedagogi dalam pengajaran Bahasa Inggeris. Namun begitu, dalam kajian ini pengkaji juga mencadangkan supaya latihan pembangunan guru dijalankan untuk meningkatkan efikasi kendiri guru dalam mengajar Bahasa Inggeris. Kajian Rose dan Bruce (2007) menyatakan bahawa keperluan untuk mempelajari bagaimana pembangunan profesional dapat memberikan impak kepada efikasi kendiri guru. Sebaliknya pengkaji berpendapat latihan pembangunan yang mengkhusus kepada pembentukan efikasi kendiri guru dalam mengajar Bahasa Inggeris perlu dijalankan bukan dengan menjalankan latihan pembangunan peningkatan pengetahuan Bahasa Inggeris seterusnya meningkatkan efikasi kendiri guru.

Walaupun ada kajian yang menyatakan efikasi kendiri guru boleh dipengaruhi oleh pengalaman masteri menerusi penggunaan pengetahuan yang diperoleh dari pembangunan profesional guru (Carleton, Pitch & Knockover, 2008). Namun, pengkaji berpendapat pembangunan profesional guru untuk meningkatkan efikasi kendiri guru dalam mengajar Bahasa Inggeris perlu lebih spesifik dan berfokus. Mengapa pengkaji berpendapat sedemikian? Jawapannya dapat dilihat dalam kajian Rose dan Bruce (2007) yang telah menjalankan latihan pembangunan profesional guru berdasarkan empat sumber dalam Teori Efikasi Kendiri Bandura iaitu pengalaman masteri, pengalaman keberhasilan orang lain, pujukan lisan dan reaksi fisiologi dan emosi.

Rose dan Bruce (2007) menyatakan terdapat perubahan pada pengalaman masteri guru selepas mengikuti pembangunan profesional. Kajian beliau adalah penilaian kepada pembangunan profesional guru, untuk mengenal pasti sama ada pembangunan profesional yang diikuti guru dapat meningkatkan efikasi kendiri guru atau tidak. Guru dibahagikan kepada kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kumpulan rawatan diberikan latihan pembangunan profesional berdasarkan kepada empat sumber dalam Teori Efikasi Kendiri Bandura yang boleh mempengaruhi efikasi kendiri individu manakala kumpulan kawalan tidak menerima sebarang latihan pembangunan profesional sehingga kajian selesai. Keberkesanan dapat dilihat dalam kumpulan rawatan yang menerima latihan berdasarkan empat sumber dalam pembentukan efikasi kendiri.

Selain itu, kajian yang hampir sama dijalankan oleh Watson (2014) iaitu kajian pembangunan profesional berdasarkan perspektif Teori Pembelajaran Sosial. Komponen utama dalam Teori Pembelajaran Sosial adalah efikasi kendiri yang sering dikaitkan dalam kajian pendidikan guru. Teori tersebut mengintegrasikan pandangan berkaitan pembelajaran, personaliti individu, aspek kognitif dalam pembelajaran seperti pengetahuan dan kepercayaan. Kajian ini mendapati Teori Pembelajaran Sosial merupakan pendekatan yang sangat berpotensi dalam konteks pembelajaran profesional guru kerana ia dapat meningkatkan efikasi kendiri guru dalam pengajaran.

Doungprom et al. (2016) membangunkan sebuah program latihan untuk guru bukan opsyen dalam Bahasa Inggeris tetapi perlu mengajar Bahasa Inggeris di sekolah luar bandar Thailand. Latihan guru merangkumi pengenalan kepada kaedah dan amalan bagi meningkatkan efikasi kendiri dan kualiti pengajaran. Pengkaji mencadangkan enam kaedah yang dapat membangunkan profesionalisme guru dalam mengajar Bahasa Inggeris; (i) Latihan secara langsung, (ii) Pembelajaran kendiri, (iii) Rangkaian di kalangan guru, (iv) Bimbingan dan pementoran, (v) Perjumpaan dan perbincangan dan (vi) Lawatan ke sekolah. Pengkaji menilai skor ujian pra dan skor ujian pasca untuk melihat keberkesanan latihan yang telah diberikan. Peratus sebanyak 23.33 bagi ujian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pra telah meningkat sebanyak 67.08 peratus bagi ujian pasca. Kesemua kaedah di atas dapat membantu guru yang bukan opsyen dalam Bahasa Inggeris yang memiliki keyakinan diri yang rendah dan tahap kompetensi dalam berkomunikasi yang rendah supaya menjadi lebih efektif dalam pengajaran. Jika dilihat kajian ini tidak menggunakan empat sumber dalam efikasi kendiri namun kaedah yang digunakan merupakan inti pati utama yang terdapat dalam sumber-sumber mempengaruhi efikasi kendiri guru.

Chaves dan Guapacha (2016) telah melakukan penambahbaikan latihan kepada guru Bahasa Inggeris di Columbia menerusi program pembangunan profesional guru bagi meningkatkan kualiti guru Bahasa Inggeris. Dapatan kajian menunjukkan terdapat lima elemen bagi keperluan profesional guru-guru iaitu (i) pengetahuan – guru perlu tambah baik kecekapan dalam Bahasa Inggeris, metodologi (pengetahuan terhadap pendekatan yang lebih moden) dan pandangan tentang pembelajaran Bahasa Inggeris (ii) amalan – guru perlu kekuatan dalam rancangan pengajaran, memotivasikan murid-murid, pengurusan kelas, penggunaan sumber-sumber, pelaksanaan kaedah atau pendekatan moden dan penilaian (iii) imej – perlu tingkatkan motivasi guru, sikap, nilai dan membina hubungan dengan murid-murid, rakan sekerja, ibu bapa dan komuniti di sekolah. Tahap kelayakan guru, pengalaman kecekapan Bahasa Inggeris dan metodologi perlu untuk penambahbaikan bagi penerimaan diri dan orang lain (iv) kesedaran – walaupun guru sedar kekuatan dan kelemahan diri, melakukan refleksi yang sistematik, pengkajian tentang konteks yang amat perlu untuk perkenalkan perubahan dalam situasi. (v) halangan situasi – kekangan sumber, ketidakcekapan pengurusan masa, saiz kelas yang besar, murid tidak bermotivasi, kurang sokongan dari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ibu bapa, pentadbir sekolah, kurang program pembangunan profesional mengikut keperluan, masa tidak mencukupi.

Apa yang penting ialah selain penekanan kepada peningkatan pengetahuan, aspek psikologi juga sangat dititik beratkan dalam latihan pembangunan guru bagi peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris. Kejayaan program pembangunan profesional bukan semata-mata kepada peningkatan pengetahuan metodologi dan kandungan tetapi perlu fokus kepada sikap seperti motivasi, komitmen, bersedia untuk berubah, berfikiran terbuka dan berani mencuba benda baru. Thompson (2016) menegaskan dalam kajian beliau bahawa faktor efikasi kendiri perlu dimasukkan sebagai program latihan guru Bahasa Inggeris di Jepun. Hal ini sependapat dengan pandangan pengkaji iaitu guru pendidikan awal kanak-kanak perlu diberikan latihan pembangunan untuk meningkatkan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris.

Kajian melihat empat sumber dalam Teori Efikasi Kendiri Bandura yang mana paling mempengaruhi latihan guru. Hasil kajian menunjukkan ketiga-tiga sumber iaitu pengalaman masteri, pengalaman keberhasilan orang lain dan pujukan lisan adalah signifikan dan mempunyai korelasi positif serta merupakan peramal yang kuat terhadap pembentukan efikasi guru. (Clark & Newberry, 2019). Justeru itu, pengaruh sumber-sumber dalam Teori Efikasi Kendiri Bandura adalah sangat kuat dan sememangnya dapat membantu meningkatkan efikasi kendiri guru dalam bidang yang difokuskan. Penilaian yang mendalam berkaitan sumber-sumber yang mempengaruhi pembentukan efikasi kendiri adalah amat penting yang mana boleh dilaksanakan dalam pembangunan profesional guru (Selbie, 2015). Hal ini yang telah menyebabkan pengakaji memilih Teori Efikasi Kendiri Bandura sebagai salah satu teori utama bagi mereka bentuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Modul Latihan Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak. Mengapa perlu latihan pembangunan efikasi kendiri guru?

Jika guru hanya diberikan latihan pembangunan untuk meningkatkan pengetahuan dan pedagogi dalam Bahasa Inggeris, kebarangkalian untuk guru mengaplikasikan input yang telah diperoleh dari latihan tersebut adalah rendah. Ini dapat dilihat dalam kajian Ata-Aktürk et al. (2017). Walaupun guru memiliki tahap kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris yang tinggi tetapi guru menghadapi masalah dalam sesetengah topik seperti bagaimana untuk memberi respons terhadap kanak-kanak, menjadi empati terhadap kanak-kanak dan menunjukkan perasaan yang negatif. Penyelesaiannya, perlu ada latihan pembangunan untuk guru bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan terhadap interaksi guru dengan kanak-kanak. Kajian ini menunjukkan kepentingan kepercayaan efikasi kendiri dalam membantu guru untuk meningkatkan kemahiran komunikasi guru. Justeru itu, adalah perlu juga latihan pembangunan kepada guru untuk meningkatkan tahap efikasi kendiri guru yang mana secara langsung dapat memperbaiki kemahiran komunikasi guru.

2.9 Latar Belakang Teori

Teori yang menjadi rujukan dalam kajian ini adalah Teori Efikasi Kendiri Bandura, Teori Pembelajaran Androgogi dan Model ARCS Keller yang digunakan sebagai asas dalam pembinaan modul latihan guru dan menjelaskan pemboleh ubah efikasi kendiri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengajar Bahasa Inggeris dan kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris yang digunakan sebagai pemboleh bersandar.

2.9.1 Teori Kognitif Sosial

Dalam teori ini, terdapat beberapa aspek yang menjadi komponen utama iaitu kognitif, vikarius, regulasi kendiri dan proses refleksi kendiri (Bandura, 2006). Bandura menyatakan individu yang tahu pengurusan diri, proaktif, melakukan refleksi kendiri dan mempunyai regulasi kendiri merupakan organisma reaktif yang mendapat dorongan dalaman dan peristiwa persekitaran. Berdasarkan kepercayaan masyarakat, individu yang mempunyai tahap efikasi kendiri yang tinggi berupaya untuk mengawal segala peristiwa dalam kehidupan mereka dan merupakan elemen yang penting. Jika individu percaya bahawa mereka boleh membawa pengaruh yang berfaedah dan mengelakkan pengaruh yang tidak berfaedah melalui pencapaian, mereka akan mempunyai motivasi untuk bertindak.

Bandura (2006) menyatakan bahawa kepercayaan efikasi kendiri mempengaruhi cara individu berfikir sama ada secara positif atau negatif, jenis matlamat yang akan mereka capai dan juga komitmen mereka untuk mencapai keputusan atau hasil di atas usaha mereka. Individu yang memiliki tahap efikasi kendiri yang tinggi boleh memotivasikan diri untuk mempunyai matlamat yang tinggi dan mereka dapat menghadapi sebarang cabaran atau halangan dan mereka akan melakukan tugasan dengan baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Barnyak dan McNelly (2009) menyatakan Teori Kognitif Sosial membawa kepada kepercayaan individu berdasarkan kemampuan mereka dan dapat membentuk matlamat dalam kehidupan. Tambahan pula, kepercayaan yang individu dapat mengenai kemampuan mereka akan bawa kepada kejayaan bagi sesetengah situasi.

Hal ini dapat dijelaskan bahawa apabila individu tidak memahami sesuatu, mereka berfikir untuk mengambil peluang terhadap proses pembelajaran dalam turutan untuk meningkatkan pemahaman jika mereka bermotivasi. Ia juga menjelaskan bahawa tahap efikasi kendiri yang tinggi dengan matlamat yang spesifik dapat menentukan tahap kejayaan bagi setiap matlamat. Kesimpulannya, pengkaji berpendapat efikasi kendiri guru dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru untuk meningkatkan efikasi kendiri dalam mengajar Bahasa Inggeris dan mengurangkan kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9.2 Teori Efikasi Kendiri Bandura (TEKB)

Efikasi kendiri merupakan salah satu komponen yang terdapat dalam Teori Kognitif Sosial Bandura (Bandura, 1997). Pemikiran, motivasi dan tindakan individu adalah dipengaruhi oleh efikasi kendiri yang kebetulannya dengan elemen-elemen lain dalam teori. Efikasi kendiri yang dirasakan merupakan kepercayaan terhadap kemampuan seseorang untuk mengurus dan menjalankan tindakan yang mana diperlukan untuk menghasilkan kejayaan atau pencapaian (Bandura, 1997). Kajian efikasi kendiri bukan hanya fokus terhadap pencapaian murid tetapi juga kesan terhadap guru-guru. Efikasi kendiri guru boleh didefinisikan sebagai kemampuan guru dalam mempengaruhi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran dan penglibatan murid terutamanya kepada murid yang lemah atau tidak bermotivasi (Pajares & Urdan, 2005). Penentu yang penting kepada motivasi, kesejahteraan dan rasa kejayaan individu adalah kepercayaan efikasi kendiri. Individu tidak akan bermotivasi menghadapi situasi-situasi yang sukar melainkan mereka dapat tahu perkara yang akan dilakukan akan berakhir dengan keputusan yang menguntungkan (Pajares, Johnson & Usher, 2007).

Teori Bandura (1977) disokong oleh beberapa kajian yang praktikal yang menunjukkan efikasi kendiri guru berhubungan dengan usaha yang guru lakukan dalam proses pengajaran, penetapan matlamat dan resiliensi kendiri apabila perkara yang tidak diingini berlaku (Tschannen-Moran, Woolfolk Hoy& Hoy, 1998). Teori Efikasi Kendiri yang telah diaplikasikan dalam bidang pendidikan telah menunjukkan kepercayaan efikasi kendiri mempunyai hubungan dengan pencapaian dan juga hasil yang akan diperoleh (Tschannen-Moran et al., 1998). Motivasi, tindakan dan pemikiran individu dikawal oleh proses-proses dalam efikasi kendiri seperti kognitif, afektif, motivasi dan selektif. Keempat-empat aspek mempengaruhi cara manusia berfikir, bertindak dan bermotivasi dan ia juga tidak berfungsi secara sendirian kerana adanya saling timbal balik untuk memastikan kefungsian individu terus berjalan (Bandura, 1997). Perlu diingat bahawa efikasi kendiri adalah berdasarkan konstruk motivasi dan ia merupakan persepsi kendiri terhadap kecekapan dan bukannya tahap kecekapan yang sebenar, maka tindakan dan tingkah laku individu dapat diramal oleh kepercayaan bukannya pencapaian sebenar (Barnyak & McNelly, 2009).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Viel-Ruma, Houchins, Jolivette dan Benson (2010) mendapati efikasi kendiri individu dapat membentuk tindakan dan keputusan. Guru dapat merasakan tahap kecekapan mereka sama ada tinggi atau rendah berbanding dengan penilaian luaran terhadap kemahiran pengajaran, sangat bermanfaat jika guru dapat meningkatkan kemahiran pengajaran mereka yang sebenar seperti bersemangat untuk menambahkan usaha dalam mengatasi cabaran yang mana dapat membantu mereka untuk meningkatkan kemahiran dan kebolehan (Bandura, 1977; Tschannen-Moran et al., 1998).

Justeru itu, efikasi kendiri boleh mempengaruhi amalan pengajaran guru (Bandura, 1997; Pajares, 1992; Pajares & Urdan, 2006). Menurut Bandura (1997), kepercayaan efikasi kendiri dalam pengajaran boleh mempengaruhi persekitaran pembelajaran yang guru cipta bagi pembelajaran murid. Guru yang memiliki tahap efikasi kendiri yang tinggi berpendapat bahawa murid yang mencabar boleh diajar jika guru menambahkan usaha yang lebih manakala guru yang memiliki tahap efikasi kendiri yang rendah percaya murid yang tidak bermotivasi tidak boleh diajar (Gibson & Dembo, 1984). Bagi guru yang merasakan mereka mempunyai kemampuan yang tinggi menyediakan pembelajaran murid membantu dalam pengalaman masteri mereka manakala bagi guru yang ragu-ragu dengan efikasi kendiri dalam pengajaran akan mewujudkan penghakiman negatif terhadap murid-murid menghadapi kesukaran dari aspek pemikiran dan perkembangan kognitif (Bandura, 1997).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Efikasi kendiri guru menentukan timbal balik kerana ia boleh mempengaruhi tindakan atau tingkah laku pedagogi guru termasuk pandangan terhadap keputusan atas tindakan yang diambil. Kajian efikasi kendiri memberi perhatian bagaimana kepercayaan efikasi kendiri mempengaruhi usaha guru dalam situasi yang sukar dan boleh meramal penglibatan guru dalam penetapan matlamat, pengujian, perancangan dan pengurusan. Keberkesanan dapat ramal keseluruhan motivasi guru dalam pengajaran (Bandura, 1997; Tschannen-Moran et al., 1998)

2.9.2.1 Sumber-Sumber Pembentukan Efikasi Kendiri

Pengkajian tentang faktor-faktor yang memberi impak terhadap perkembangan kepercayaan efikasi kendiri, hanya sedikit bilangan kajian telah dijalankan dalam bidang bahasa kedua yang menggunakan empat sumber pembentukan efikasi kendiri berpandukan Bandura (1997). Dapatan kajian menunjukkan aspek luaran dan dalaman seperti minat, pengalaman kejayaan, pengalaman kejayaan rakan-rakan, pengetahuan kandungan dalam bahasa kedua, maklum balas positif dari orang lain, konteks sosial dan budaya, kesemuanya mempengaruhi perkembangan kepercayaan efikasi kendiri individu.

Cakır dan Devrim (2009) mendapati pengalaman kejayaan lalu dan pujukan lisan merupakan pemboleh ubah yang sangat penting yang dapat mempengaruhi efikasi kendiri individu. Kajian tersebut juga menunjukkan persepsi pelajar terhadap efikasi kendiri mereka adalah tinggi berbanding dengan penilaian guru atau pengajar berkaitan efikasi kendiri pelajar mereka. Ada kajian yang menerangkan pelbagai faktor dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempengaruhi kepercayaan efikasi kendiri. Dalam kajian kualitatif Wang dan Pape (2007) mengkaji faktor yang mempengaruhi perkembangan efikasi kendiri terhadap tiga orang pelajar berbangsa Cina di Amerika Syarikat yang sedang mengikuti kelas Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

Moghari et al. (2011), dalam kajian tinjauannya terhadap 741 pelajar Iran yang mengikuti kelas Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, mendapati penekanan akademik dan kepercayaan guru terhadap ibu bapa dan pelajar membawa kesan yang positif terhadap efikasi kendiri pelajar dalam Bahasa Inggeris. Di samping itu, Egel (2009) menjalankan temu bual terhadap 20 orang pelajar Turki tentang kepercayaan efikasi kendiri. Apa yang menarik dapatan kajian mendapati efikasi kendiri guru dan kebolehan memberi kesan terhadap efikasi kendiri dalam Bahasa Inggeris. Greta (2009) juga melaporkan suasana persekitaran kelas, interaksi di kalangan pelajar dan juga interaksi di antara guru dan pelajar mempengaruhi efikasi kendiri pelajar.

Efikasi kendiri adalah tahap keyakinan pada kemampuan diri sendiri untuk melakukan sesuatu pekerjaan atau tugasan. Menurut Bandura (1997) efikasi kendiri dipengaruhi oleh beberapa faktor, antaranya yang pertama ialah pengalaman individu (*Mastery Experience*). Ia merujuk kepada penilaian individu terhadap kejayaan yang dicapai individu pada masa lalu yang mana akan mempengaruhi efikasi kendiri. Individu yang melakukan sesuatu tugas akan menilai hasil yang dicapai dan persepsi tersebut akan mempengaruhi kemampuan dirinya pada tugasan yang akan datang. Jika guru mempunyai pengalaman mengajar Bahasa Inggeris dengan cemerlang maka pengajaran guru pada masa-masa akan datang juga akan cemerlang. untuk menjadi guru yang efektif dalam mengajar Bahasa Inggeris di kelas guru perlu mempunyai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penguasaan yang baik dalam pengetahuan pedagogi dan pengetahuan subjek kandungan Bahasa Inggeris. Begitu juga sebaliknya, jika guru mempunyai pengalaman pengajaran Bahasa Inggeris yang kurang berkesan dan kurang berjaya, kegagalan tersebut akan terus mempengaruhi efikasi kendiri guru pada waktu-waktu seterusnya.

Faktor kedua ialah pengalaman keberhasilan orang lain (*Vicarious Experience*) yang merupakan proses peniruan rol model atau belajar dari orang lain yang mana akan mempengaruhi efikasi kendiri. Guru perlu melihat guru lain yang berjaya dalam mengajar Bahasa Inggeris dengan efektif dan cuba meniru kelebihan guru tersebut dalam melaksanakan pengajaran. Guru boleh melihat pengajaran guru tadika lain, guru Bahasa Inggeris di sekolah dan juga menerusi laman sesawang. Efikasi kendiri individu akan meningkat apabila dipengaruhi model yang relevan pengalaman orang lain menentukan persepsi akan keberhasilan atau kegagalan individu.

Faktor ketiga ialah pujukan lisan (*Verbal Persuasion*) merujuk kepada pengaruh lisan yang dilakukan oleh individu-individu tertentu yang dapat meningkatkan efikasi kendiri. Pujukan lisan yang mempengaruhi bahawa diri memiliki kemampuan untuk melakukan sesuatu tugas menyebabkan individu semakin bermotivasi untuk menyelesaikan tugas tersebut. Guru perlu mendapat maklum balas hasil dari pelaksanaan pengajaran Bahasa Inggeris yang telah dijalankan. Maklum balas merujuk kepada apakah kelebihan yang ada pada dirinya sewaktu melaksanakan pengajaran dalam Bahasa Inggeris dan kelemahan yang ada pada dirinya sewaktu melaksanakan pengajaran dalam Bahasa Inggeris. Bagi maklum balas yang negatif, ada kemungkinan akan menyebabkan efikasi kendiri guru menjadi rendah, maka maklum balas yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

positif lebih cenderung membantu peningkatan efikasi kendiri guru dalam mengajar Bahasa Inggeris.

Faktor keempat adalah keadaan fisiologi dan emosi (*Physiological and Affective State*), individu akan melihat keadaan fisiologi dan emosi dalam menilai kemampuan, kekuatan dan kelemahan dari ketidakfungsian tubuh. Keadaan emosi yang sedang dihadapi individu akan mempengaruhi keyakinan individu dalam menjalankan tugas. Kebanyakan guru pendidikan awal kanak-kanak mempunyai rasa takut, rasa malu, berdebar-debar, tidak yakin, berpeluh-peluh dan bimbang sewaktu melaksanakan pengajaran dalam Bahasa Inggeris (Nur Nazuha Beevi Abdul Aziz & Nordin Mamat, 2017). Jika guru dapat mengatasi atau mengawal reaksi fisiologi dan emosi diri maka efikasi kendiri juga akan meningkat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sumber-sumber pembentukan efikasi kendiri boleh dijadikan sebagai panduan untuk meningkatkan efikasi dalam sesuatu bidang. Jika ingin meningkatkan efikasi dalam pengajaran Matematik maka sumber-sumber efikasi kendiri perlu berdasarkan kepada pengetahuan dan kemahiran dalam Matematik. Begitu juga, jika ingin meningkatkan efikasi kendiri dalam mengajar Bahasa Inggeris maka sumber-sumber pembentukan efikasi perlu lebih ke arah pengetahuan, kemahiran dan motivasi guru. Keempat-empat sumber dalam efikasi kendiri memainkan peranan yang sangat penting bagi pembentukan efikasi kendiri individu. Oleh itu, dalam pembangunan Modul PEMBI pengkaji telah menggunakan keempat-empat sumber iaitu pengetahuan dan pengalaman lepas, pengalaman keberhasilan orang lain, pujukan lisan, reaksi fisiologi dan emosi sebagai isi kandungan utama modul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9.3 Model ARCS Keller (ARCS)

Menurut Keller (1987), motivasi merujuk kepada kecenderungan manusia untuk membuat pilihan tentang pengalaman, matlamat yang ingin diterokanya dan membuat pilihan tentang kuantiti usaha yang perlu dijana untuk mencapai pilihan tersebut. Model motivasi yang diutarakan oleh Keller dikenali sebagai model ARCS. Reka bentuk motivasi dalam konteks pembelajaran merujuk kepada strategi, prinsip, proses dan taktik untuk merangsang dan mengekalkan matlamat berorientasi tingkah laku peserta (Keller, 2009). Ia tidak terpisah daripada proses-proses reka bentuk pengajaran dan reka bentuk persekitaran pembelajaran tetapi merupakan subset kepada disiplin tersebut. Komponen yang terlibat dalam model ini ialah '*Attention'* (Perhatian), '*Relevance'* (Relevan), '*Confidence'* (Keyakinan) dan '*Satisfaction'* (Kepuasan). Setiap atribut merupakan strategi spesifik untuk merangsang motivasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setiap atribut yang terlibat dalam model ARCS memainkan peranan yang penting dalam memotivasikan pelajar ketika proses pembelajaran. Model ARCS telah digunakan secara meluas dalam penghasilan bahan instruksi kerana teori motivasi sangat berkait rapat dengan pembangunan instruksi dan proses pembangunan (Cheng & Huang, 2015). Komponen dalam model ARCS digunakan untuk meningkatkan motivasi individu yang terlibat dengan pembelajaran. Kejayaan penggunaan reka bentuk motivasi adalah pemahaman mendalam terhadap kumpulan sasaran, kandungan program dan aplikasi kandungan program terhadap tugas. Individu akan bermotivasi apabila mereka tahu yang pembelajaran mereka mempunyai makna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"*Attention*" (Perhatian) merujuk kepada respons pelajar untuk memulakan pembelajaran berdasarkan bahan instruksi yang disediakan. Sangat penting bagi pembangun modul supaya mereka bentuk suatu permulaan pembelajaran yang menarik dan efektif kepada pelajar untuk mendapatkan perhatian pelajar. "*Relevance*" (Relevan) membantu pelajar mengaitkan pengetahuan sedia ada mereka dengan pengetahuan yang dipersembahkan dalam bahan instruksi. Ia juga membantu pelajar memahami pengetahuan dan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran mereka pada masa hadapan. "*Confidence*" (Keyakinan), menekankan nilai positif pelajar terhadap tugasan yang disediakan. Pengalaman yang bermakna membantu meningkatkan keyakinan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran. "*Satisfaction*" (Kepuasan) akan diperoleh apabila pelajar dapat mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran mereka dan mereka menerima respons yang baik untuk meneruskan pembelajaran mereka. Di sini pelajar akan menerima peneguhan untuk mengekalkan pembelajaran mereka. Jadual 2.4 di bawah menerangkan setiap komponen dengan lebih terperinci.

Jadual 2.4

Komponen Model ARCS

A	*"Attention"* (Perhatian): Membangkitkan dan mengekalkan perasaan ingin tahu dan minat peserta bengkel latihan.
Komponen	Strategi
Rangsangan Persepsi	Menggunakan unsur kejutan atau situasi yang tidak pasti untuk mewujudkan perasaan ingin tahu dan minda yang tertanya-tanya.
Rangsangan Inkuiri	Memupuk cabaran dalam berfikir dan menghasilkan pertanyaan bagi mencipta permasalahan untuk cuba diselesaikan.
Kebolehubahsuaian	Penggunaan pelbagai kaedah pengajaran untuk mengekalkan minat peserta bengkel latihan.

(*Bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.4 (*Sambungan*)

R	*"Relevance"* (Relevan): Mengaitkan dengan keperluan, minat dan peserta bengkel latihan
Komponen	Strategi
Orientasi Matlamat	Menerangkan bagaimana pengetahuan dapat membantu guru pada masa kini dan di masa hadapan.
Pemadanan Motif	Menilai keperluan dan sebab mengapa guru perlu mengikuti bengkel latihan dan menyediakan pilihan dalam kaedah pembelajaran mereka yang sesuai dengan kepentingan untuk mempunyai efikasi kendiri yang tinggi dalam mengajar Bahasa Inggeris.
Pengalaman Lepas	Melaksanakan aktiviti-aktiviti berdasarkan pengalaman guru dengan menyediakan contoh-contoh yang berkaitan dengan tugasan guru untuk pengajaran.
C	*"Confidence"* (Keyakinan): Membangunkan jangkaan positif dalam mencapai kejayaan
Komponen	Strategi
Keperluan Prestasi	Menyediakan standard pembelajaran dan kriteria penilaian untuk mewujudkan jangkaan positif dan kepercayaan dalam diri peserta bengkel latihan.
Peluang Kejayaan	Gaya persembahan yang pelbagai dan cabaran-cabaran kepada peserta bengkel untuk pengalaman kejayaan.
Kawalan Peribadi	Penggunaan teknik-teknik yang membolehkan peserta bengkel memperoleh kejayaan berdasarkan kebolehan diri atau usaha yang tekun.
S	*"Satisfaction"* (Kepuasan): Menyediakan peneguhan dan ganjaran untuk peserta bengkel latihan
Komponen	Strategi
Peneguhan Intrinsik	Menggalakkan dan menyokong kepuasan intrinsik dalam pengalaman pembelajaran.
Peneguhan Ekstrinsik	Menyediakan peneguhan positif dan maklum balas yang boleh merangsang motivasi peserta bengkel.
Kesamarataan	Mengekalkan standard dan akibat yang konsisten untuk berjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penggunaan Model ARCS Keller dalam kajian ini lebih kepada pembentukan atau pemilihan strategi dan material yang bersesuaian. Strategi atau material yang dipilih perlu merangkumi komponen perhatian, relevan, keyakinan dan kepuasan. Jadual di bawah menunjukkan perkaitan strategi dan meterial dengan atribut ARCS Keller.

Jadual 2.5

Perkaitan Strategi dan Material Dengan Atribut ARCS Keller

Strategi/Material	Perkaitan dengan atrribut ARCS
Strategi	
Bimbingan Pembelajaran	Fasilitator sentiasa peka dengan keadaan peserta, tahu bagaimana untuk menarik perhatian peserta.
"*Brainstorming"*	Peneguhan disediakan untuk memastikan peserta fokus terhadap aktiviti
Demonstrasi	Peserta perlu mengisi atau menyiapkan aktiviti di dalam Buku Aktiviti Kendiri, ini dapat merangsang inkuiri peserta untuk terlibat.
Penulisan Refleksi	Aktiviti yang disediakan adalah berkaitan dengan pengalaman diri.
Main peranan	Aktiviti dapat menyelami perasaan dan emosi peserta. Ini dapat membantu menarik dan mengekalkan perhatian peserta.
Pengajaran Mikro	Menyediakan kepelbagaian dalam pengalaman pembelajaran untuk menyokong dan mengekalkan perhatian peserta.
Interaksi Perkongsian Pengalaman	Penilaian dilakukan membolehkan peserta menguji pemahaman mereka dalam suasana selamat, membina keyakinan dan jangkaan positif untuk kejayaan.
Peluahan emosi	Maklum balas membuatkan peserta yakin dan hasil yang positif atas usaha peserta boleh memberikan kepuasan.

(*Bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.5 (*Sambungan*)

Strategi/Material	Perkaitan dengan atrribut ARCS
Material	
Penggunaan multimedia (video, internet – '*Youtube'*)	Slaid power point – adalah ringkas, padat dan menarik serta merangsang persepsi visual peserta. Nota yang disediakan dapat menambahkan pemahaman peserta dan untuk mengelakkan bebanan kognitif yang berat, ini dapat menjadikan pembelajaran lebih berkesan. Nota efikasi kendiri – merangsang inkuiri peserta kerana efikasi kendiri merupakan input baru kepada peserta, mewujudkan jangkaan positif terhadap kejayaan dan dapat membina keyakinan peserta. Video "*Youtube*" – fasilitator menetapkan matlamat, peserta tahu akan hasil positif yang akan diperoleh.

2.9.4 Teori Pembelajaran Androgogi (TPA)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Chan (2010), isu mengenai perbandingan di antara pembelajaran kanak-kanak dan dewasa telah lama wujud sekian lama. Pedagogi merujuk kepada penyediaan bimbingan dalam pendidikan yang mana menunjukkan perbezaan di antara pendidikan kanak-kanak dengan pendidikan dewasa (Ekoto & Gaikwad, 2015). Namun begitu, kedua-dua kumpulan pelajar diandaikan untuk belajar di bawah satu falsafah yang sama.

Hal ini berbeza dengan pandangan Knowles yang menyatakan androgogi adalah pendekatan yang terkenal untuk menanggani keperluan pelajar dewasa yang berbeza. Menurut beliau androgogi adalah seni dan sains untuk memberi sokongan kepada orang dewasa belajar yang mana seni dan sains dibina berpandukan kepada dua faktor utama iaitu pelajar yang belajar melalui pembelajaran kendiri dan autonomi. Faktor kedua

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ialah peranan guru sebagai fasilitator pembelajaran dan bukan penyampai isi kandungan semata-mata. Berdasarkan pandangan Knowles terhadap androgogi, maka pandangan beliau telah disebar luas ke seluruh dunia oleh pendidik-pendidik.

Beberapa faktor utama menjadi penyebab kepada perbezaan di antara pembelajaran orang dewasa dan kanak-kanak, di antaranya ialah faktor seperti umur, kematangan dan pengalaman (Clapper, 2010). Pembelajaran dewasa yang telah dinilai oleh beberapa pengkaji termasuklah Knowles (1984) yang telah mengemukakan lima andaian. Andaian-andaian tersebut ialah (1) konsep kendiri iaitu sebagai manusia yang matang konsep kendiri mereka telah berubah dari seorang yang mempunyai personaliti bergantung pada orang lain kepada individu yang mempunyai hala tuju kendiri (2) Pengalaman pembelajaran dewasa iaitu sebagai seorang individu yang matang mempunyai bermacam-macam pengalaman dalam kehidupan yang menjadi sumber kekuatan untuk pembelajaran (3) Kesediaan untuk belajar iaitu sebagai seorang yang matang kesediaan untuk belajar menjadi semakin berorientasi kepada tugas perkembangan peranan sosialnya (4) Orientasi untuk belajar iaitu sebagai seorang yang matang berlaku perubahan dari seorang yang suka bertangguh-tangguh untuk pengetahuan kepada seorang yang ingin meningkatkan pengetahuan dan berorientasi kepada penyelesaian sesuatu permasalahan dan (5) motivasi untuk belajar iaitu sebagai individu yang telah matang motivasi untuk belajar lahir dari dalaman bukannya disebabkan faktor luaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tujuan utama pendidikan androgogi adalah untuk meningkatkan potensi individu ke peringkat yang tertinggi. Dalam Teori Keperluan Maslow, peringkat tertinggi dalam kehidupan adalah aktualisasi kendiri yang berada di puncak piramid keperluan Maslow yang mana memerlukan keseimbangan aspek emosi, psikologi dan intelektual. Dengan keseimbangan emosi, psikologi dan intelektual maka menerusi pendidikan orang dewasa dapat mencapai aktualisasi diri (*self-actualization*). Androgogi adalah kaedah pengajaran yang digunakan untuk mencapai tujuan ini. Knowles menganggap guru adalah seorang fasilitator yang membantu orang dewasa menjalani pembelajaran kendiri dan pembelajaran dewasa perlu sesuai dengan keperluannya untuk mempelajari sesuatu perkara.

Pada tahun 1984, Knowles mencadangkan empat prinsip yang boleh diaplikasikan dalam pembelajaran dewasa. Pertama ialah individu perlu dilibatkan dalam perancangan dan penilaian pengajaran atau latihan mereka. Kedua, pengalaman (termasuk kesilapan) menjadikan asas kepada aktiviti pembelajaran. Ketiga, individu sangat berminat dengan subjek yang mempunyai kerelevanan dan kesan terhadap pekerjaan serta kehidupan peribadi mereka. Keempat, pembelajaran dewasa adalah berpusatkan kepada masalah berbanding dengan berorientasi kepada kandungan (Kearsley, 2010).

Pengetahuan dan kemahiran sedia ada perlu diambil kira dalam proses pembelajaran (Siti Hajar, Shukri & Mohd Razha, 2012). Pembelajaran orang dewasa perlu memberi tumpuan yang lebih kepada proses berbanding kandungan yang diajar. Ini dapat melahirkan kreativiti dalam proses pembelajaran. Knowles (1984) menekankan bahawa pembelajaran orang dewasa adalah terarah kendiri di mana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka bertanggungjawab terhadap susuatu keputusan. Hal ini menunjukkan program-program pembelajaran dewasa perlu menitik beratkan perkara asas ini.

Faktor keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran androgogi ialah tenaga pengajar perlu memainkan peranan sebagai pemudahcara atau medium dalam kelicinan pengajaran. Menurut Knowles (1984), di antara pendekatan yang sesuai digunakan dalam androgogi ialah kajian kes, main peranan, simulasi dan penilaian kendiri yang mana pendekatan ini menerapkan peranan pengajar hanya sebagai pemudah cara. Pelajar dewasa perlu diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam merancang pembelajaran mereka sendiri. Hal ini dapat membuktikan keberkesanan dalam pembelajaran jika pelajar dilibatkan dalam perancangan kurikulum.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model androgogi adalah proses yang berkaitan dengan menyediakan prosedur dan sumber untuk membantu pelajar mendapatkan maklumat dan kemahiran. Pendidik atau guru (fasilitator) menyediakan satu set prosedur untuk melibatkan pelajar dalam proses yang termasuk (a) mewujudkan iklim yang kondusif untuk belajar, (b) mewujudkan satu mekanisme untuk proses perancangan bersama, (c) membuat analisis atau diagnosis keperluan, (d) merumuskan objektif program (kandungan) yang akan memenuhi keperluan ini, (e) merancang corak pengalaman pembelajaran (f) mengendalikan pengalaman pembelajaran dengan teknik dan bahan yang sesuai dan (g) menilai hasil pembelajaran dan mendiagnosis semula keperluan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembangunan sesebuah modul latihan perlu melibatkan guru dalam proses mengenal pasti keperluan mereka. Hal ini dapat meningkatkan motivasi intrinsik guru untuk mengikuti pembelajaran. Menurut Sunhaji (2013) terdapat beberapa perkara yang perlu di ambil kira dalam menyediakan latihan kepada guru-guru dalam perkhidmatan iaitu penggunaan kaedah atau strategi penyampaian yang pelbagai dan fleksibel. Di samping itu, perkara yang penting juga ialah komunikasi dua hala. Interaksi dalam pembelajaran perlu dua hala supaya peserta guru diberi peluang memberi pendapat atau maklum balas dalam proses pembelajaran. Penglibatan aktif peserta guru perlu digalakkan melalui kaedah penyampaian yang bersesuaian.

Proses belajar berdasarkan pengalaman adalah lebih sesuai untuk pembelajaran dewasa kerana mereka bukan sahaja kaya dengan pengalaman kehidupan harian malah pengalaman dalam menjalankan tugas mendidik (Brookfield, 1986; Chinnasamy, 2013). Pengalaman guru berkaitan pengajaran Bahasa Inggeris di kelas juga perlu dijadikan sumber pengajaran selain daripada bahan sumber yang disediakan. Perkara ini bukan sahaja menambahkan sumber pengajaran malah turut dapat meningkatkan motivasi guru kerana isi kandungan latihan melibatkan pengetahuan dan kemahiran sedia ada mereka.

Sehubungan dengan itu pengetahuan dan kemahiran guru perlu dipertingkatkan melalui latihan (Worden, 2015). Shulman (1987) menghuraikan pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan pedagogi membentuk pengetahuan isi kandungan. Pengetahuan pedagogi isi kandungan ialah bagaimana seorang guru mengubah pengetahuan isi kandungan yang dimilikinya agar sesuai dengan pengajaran serta sesuai dengan kebolehan dan latar belakang pelajar. Kefahaman dan keupayaan guru mengajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

secara berkesan bergantung pada pengetahuan guru berkenaan dengan pedagogi yang berkaitan dengan subjek tertentu untuk pelajar yang khusus iaitu kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun. Maka modul latihan yang dibina perlu mengambil kira hal ini iaitu perlu ada pengisian tentang isi kandungan dan latihan penyampaian pengajaran Bahasa Inggeris untuk kanak-kanak prasekolah.

Berdasarkan konsep-konsep pembelajaran dewasa yang dibincangkan maka proses merancang modul latihan meningkatkan efikasi kendiri guru mengajar Bahasa Inggeris perlu melibatkan guru-guru pendidikan awal kanak-kanak. Perkara ini diperoleh melalui Fasa Analisis Keperluan, seterusnya Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan modul yang melibatkan pakar-pakar dalam bidang yang berkaitan dan guru pendidikan awal kanak-kanak untuk memberi input. Pelaksanaan dan penilaian modul memberi ruang kepada guru untuk turut serta dalam latihan yang mana memberikan ruang maklum balas bagi penambahbaikan modul. Tujuan utama penggunaan Teori Pembelajaran Androgogi adalah untuk membentuk strategi yang berkesan bagi pelaksanaan Modul PEMBI. Rajah di bawah menunjukkan karakter pembelajaran androgogi berkaitan dengan strategi dalam Modul PEMBI.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.1. Perkaitan karakter pembelajaran androgogi dengan strategi Modul PEMBI

2.10 Kajian-kajian Berkaitan Pembangunan Modul dan Latihan Pembangunan Guru

Pembangunan modul yang baik hendaklah mengambil kira pelbagai peraturan dan prosedur bagi menghasilkan kesan terbaik (Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad, 2005). Peraturan dan prosedur merupakan asas kepada pembangunan sesuatu modul bagi memastikan modul yang dihasilkan berasaskan kepada sumber yang sah dan boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dipercayai. Terdapat beberapa pendekatan dalam pembangunan modul yang diperkenalkan oleh beberapa orang pengkaji antaranya Sharifah Alwiah Alsagoff (1981), Russell (1974), *Design and Development Research* –DDR (Richey Klein & Nelson, 2001) dan Model Pembinaan Modul Sidek – MPMS (Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad, 2005).

Kajian reka bentuk dan pembangunan telah digunakan secara meluas dalam kajian-kajian yang ingin membangunkan sesebuah produk seperti model, modul, program dan sebagainya. Alijah Ujang (2016) menjalankan kajian untuk membangunkan sebuah modul pembelajaran Webquest Pendidikan Kesihatan untuk guru pelatih murid bermasalah pembelajaran. Bagi fasa analisis, pengkaji menggunakan kaedah tinjauan dan temubual terhadap 63 orang pelatih secara persampelan bertujuan. Fasa 2 pengkaji menggunakan Fuzzy Delphi dengan mengambil pandangan 20 orang pakar. Fasa 3 pengkaji menggunakan kaedah temu bual terhadap 10 orang guru.

Ngu (2016) membangunkan sebuah modul kurikulum intergenerasi berasaskan perkongsian kemahiran di antara pelajar dengan golongan warga emas. Bagi fasa 1 pengkaji menggunakan kaedah tinjauan dengan memberikan soal selidik kepada 618 orang warga emas dan Fasa 2 pengkaji menjalankan Fuzzy Delphi terhadap 21 orang pakar manakala Fasa 3 pengkaji menggunakan kaedah temu bual terhadap 10 orang pelajar dan 7 orang warga emas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Zanariah Ahmad (2017) membangunkan sebuah modul pedagogi kelas berbalik berasaskan pembelajaran reflektif untuk pelajar politeknik. Dalam Fasa 1 pengkaji menggunakan kaedah tinjauan dengan memberikan soal selidik kepada 200 orang pelajar, manakala Fasa 2 seramai 23 orang panel pakar dipilih untuk menjalankan Fuzzy Delphi dan Fasa 3 kaedah kuasi eksperimental digunakan iaitu 35 orang pelajar sebagai kumpulan dan 35 orang lagi sebagai kumpulan kawalan.

Shahriza Said (2017) membangunkan sebuah modul latihan pendidikan seksualiti untuk guru program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) peringkat sekolah rendah. Pengkaji menggunakan kaedah tinjauan dengan memberikan soal selidik kepada 634 orang guru PPKI bagi fasa 1. Di fasa 2 pengkaji juga menggunakan Fuzzy Delphi dengan melibatkan seramai 42 orang pakar dan fasa 3 pengkaji menguji kebolehgunaan modul dengan melihat markah skor ujian pra dan ujian pasca terhadap 31 orang guru serta temu bual terhadap 5 orang guru.

Kajian Tee (2018), pembangunan modul permainan kreatif awal sains prasekolah. Fasa pertama soal selidik, temu bual dan pemerhatian, fasa kedua adalah Delphi Tiga Pusingan dan Fasa ketiga menerusi pemerhatian dan temu bual dijalankan. Kajian Zainuddin Ibrahim (2017), yang membangunkan modul pembelajaran seni reka grafik untuk pelajar bermasalah pendengaran. Fasa pertama menggunakan soal selidik dan temu bual separa berstruktur, fasa kedua adalah Fuzzy Delphi dan Fasa ketiga adalah kuasi eksperimen dan penilaian kebolehgunaan melalui retrospeksi penggguna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Nazeera Ahmad Bazari (2017) membangunkan sebuah modul dalam talian berasaskan penyelesaian masalah untuk pengajaran penulisan Bahasa Inggeris. Bagi Fasa 1 kaedah tinjauan digunakan dengan memberikan soal selidik kepada 121 orang guru dan Fasa 2 Fuzzy Delphi dengan melibatkan 18 orang pakar dilaksanakan. Manakala bagi Fasa 3 pengkaji mengambil markah ujian pra dan ujian pasca, tinjauan, temu bual dan penulisan reflektif dijalankan.

Aliza Ali (2016) membangunkan sebuah modul berasaskan bermain bagi meningkatkan kemahiran dalam Bahasa Melayu terhadap kanak-kanak prasekolah. Bagi Fasa 1 kaedah temu bual dijalankan terhadap 10 orang guru manakala Fasa 2 kandungan modul perlu mendapatkan penilaian pakar seramai 20 orang panel dan dirintis kepada seorang guru. Dalam Fasa 3 pengkaji melaksanakan pemerhatian dan menilai rekod anekdot serta hasil kerja murid.

Zainuddin Ibrahim (2017) membangunkan sebuah modul pembelajaran seni reka grafik berasaskan teknologi dan gaya pembelajaran pelajar bermasalah pendengaran. Fasa 1, kaedah tinjauan dan temu bual dijalankan iaitu 58 orang pelajar diberikan soal selidik dan 5 orang pelajar ditemu bual. Bagi Fasa 2 Fuzzy Delphi dijalankan dengan melibatkan 24 orang pakar. Fasa 3 markah ujian pos dan ujian pasca dinilai untuk menguji keberkesanan modul terhadap 15 orang pelajar, manakala 10 orang pelajar ditemu bual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Syafrimen (2010) membangunkan sebuah modul EQ untuk latihan kecerdasan emosi guru-guru di Malaysia. Bagi fasa pertama pengkaji menjalankan tinjauan dengan memberikan soal selidik kepada 112 orang guru. Tujuannya adalah untuk menentukan tahap kompetensi asas EQ guru yang perlu diberikan latihan. Dalam fasa kedua kajian kes dijalankan dengan temu bual secara mendalam terhadap lapan orang guru dan temu bual berkumpulan terhadap 24 orang guru serta analisis dokumen. Bagi fasa ketiga pengkaji menilai skor ujian pra dan ujian pasca dengan melibatkan sampel seramai 33 orang. Pengkaji mengenal pasti tahap EQ sebelum mengikuti bengkel latihan selama 4 hari dan selepas mengikuti bengkel. Sampel yang dipilih seramai 33 orang dalam fasa ketiga merupakan guru yang dipilih daripada 112 orang guru yang memberikan respons terhadap soal selidik bagi fasa pertama kajian. Dapatan kajian menunjukkan latihan yang telah diberikan dapat meningkatkan rasa positif terhadap diri, meningkatkan kesedaran tentang perubahan yang dialami dalam diri, bertingkah laku ke arah lebih positif dan pemahaman lebih mendalam berkaitan emosi.

Contoh kajian menggunakan Model Pembinaan Modul Sidek, Mohd Izwan Mahmud, Sidek Mohd Noah, Jamaludin Ahmad dan Wan Marzuki Wan Ahmad (2016) membangunkan sebuah Modul Kesediaan Kerjaya (MKK) berdasarkan Teori Kognitif Pemprosesan Maklumat. Draf modul tersebut dirangka dan disedia berasaskan tiga domain utama teori "*Cognitive Information Processing*" (CIP) yang mempunyai tiga domain yang utama. Domain tersebut ialah Domain Pengetahuan, Domain Kemahiran Membuat Keputusan Dan Domain Pemprosesan Eksekutif. Persediaan draf modul berdasarkan tiga domain tersebut yang dikenali sebagai sub modul. Sementara 8 sub domain yang juga dikenali sebagai unit yang menghasilkan 14 aktiviti secara keseluruhannya. Dengan menetapkan teori dan pemboleh ubah yang akan digunakan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengkaji dibantu dalam membina objektif secara umum dan khusus mengikut tema-tema dalam setiap sub modul. Oleh itu, pembinaan modul latihan yang baik hendaklah berdasarkan kepada model pembinaan yang sesuai.

Modul pengurusan Stres dibangunkan untuk memberikan satu panduan pengurusan stres kerja kepada guru yang menghadapi tekanan agar dapat berdaya tindak dengan masalah stres kerja dan seterusnya dapat mengurangkan stres yang dihadapi. Modul dibangunkan berdasarkan kepada model pembangunan modul Meyer (1988) dan model pembangunan modul Sidek (2005). Hal ini menunjukkan penggunaan kaedah reka bentuk pembangunan modul yang betul dapat menghasilkan sebuah modul yang menepati ciri kesahan dan kebolehpercayaan yang jitu dan berkualiti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebuah kajian yang dijalankan di Jakarta, Indonesia yang berkaitan dengan sebuah program latihan dalam memperbaiki sikap guru sekolah rendah terhadap pendidikan inklusif (Rianta & Kurniawati, 2019) . Keberkesanan program latihan yang dinamakan Program Latihan Sekolah Ramah Inklusi (SERASI) dinilai menggunakan kaedah kuasi esperimen. Ujian pra dijalankan dengan menjawab soal selidik sebelum guru mengikuti program latihan selama 8 jam iaitu latihan secara bersemuka dan ujian pasca diberikan selepas guru tamat mengikuti program latihan. Tujuan utama adalah untuk mengenal pasti tahap efikasi kendiri guru dalam memperbaiki sikap guru terhadap pendidikan inklusif. Dapatan menunjukkan terdapat peningkatan skor min bagi ujian pasca. Cadangan pengkaji adalah untuk menjalankan program latihan dalam tempoh jangka panjang dan cuba menjalankan penilaian terhadap guru dengan membuat pemerhatian di dalam kelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebuah kajian Watson (2014) yang membangunkan latihan profesional untuk guru Matematik berdasarkan kepada Teori Pembelajaran Sosial Bandura. Tujuan utama adalah untuk menilai perubahan kepercayaan efikasi kendiri guru dan perubahan amalan guru. Bagi menguji keberkesanan latihan profesionalisme tersebut pengkaji menjalankan kuasi eksperimen. Seramai lapan orang guru dipilih untuk ditemu bual dan tiga orang guru juga dipilih untuk pelaksanaan pemerhatian di dalam kelas. Dapatan menunjukkan guru lebih yakin menggunakan strategi-strategi yang telah diperoleh semasa mengikuti latihan profesionalisme.

Altmisdort (2017) mengkaji keberkesanan program Bahasa Inggeris yang telah dibangunkan untuk peningkatan kualiti pengajaran Bahasa Inggeris dalam kalangan guru dan pelajar di universiti Turki. Tedapat beberapa langkah dalam membangunkan program tersebut iaitu (i) persediaan kursus – menjalankan analisis keperluan, matlamat ke arah proses pengajaran yang ingin dibentuk, keperluan peserta atau pelajar (ii) proses kursus – fokus kepada kemahiran tertentu, relevan, material yang interaktif, persekitaran pembelajaran yang merangsang motivasi, metodologi yang berbeza, penggunaan multimedia atau internet (iii) penilaian kursus – penilaian sebelum, semasa dan selepas, penilaian untuk menentukan sama ada objektif tercapai atau tidak.

Hasil kajian, beberapa cadangan penambahbaikan telah dilakukan bagi membentuk kursus yang lebih efektif iaitu a) perlu jalankan analisis keperluan, isi kandungan adalah berdasarkan kepada analisis keperluan b) menerusi analisis keperluan, objektif program dapat ditentukan c) pada peringkat awal program, draf program perlu disediakan dan perlu jalankan ujian rintis d) material merupakan faktor penting untuk memastikan pencapaian kepada target program e) peserta program perlu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menerima maklumat berkaitan latihan, proses-proses seperti perkembangan program, kaedah, jadual, aktiviti-aktiviti, material, pengukuran dan penilaian f) penilaian perlu dibuat pada peringkat persediaan, proses dan penilaian program.


Berdasarkan semua kajian lepas yang telah dinyatakan, ia menunjukkan bahawa terdapat pelbagai pendekatan dan kaedah dalam pembangunan modul dan pembangunan latihan profesional guru. Perbezaan dapat dilihat dari segi kaedah kajian, pemilihan sampel kajian, cara membuat penilaian keberkesanan modul atau latihan pembangunan dan sebagainya. Dalam kajian pembangunan modul latihan ini, pengkaji telah memilih beberapa contoh mengikut kesesuaian kajian ini.

2.11 Kerangka Teoritikal

Rajah 2.2 menerangkan mengenai beberapa teori dan model yang telah digunakan bagi tujuan pembangunan Modul PEMBI. Teori utama kajian adalah Teori Efikasi Kendiri Bandura yang mengandungi empat sumber utama untuk mempengaruhi efikasi kendiri iaitu pengetahuan dan pencapaian, pengalaman keberhasilan orang lain, pujukan lisan dan reaksi fisiologi dan emosi. Teori dan model sampingan yang digunakan ialah Teori Pembelajaran Androgogi dan Model ARCS Keller.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.2. Kerangka Teoritikal Kajian

Berdasarkan kerangka teoritikal kajian di Rajah 2.2 menunjukkan terdapat beberapa teori dan model diperlukan bagi membangunkan Modul PEMBI yang mempunyai enam strategi dan 22 aktiviti. Teori utama dalam kajian ini ialah Teori Efikasi Kendiri Bandura yang mempunyai empat sumber dalam mempengaruhi efikasi kendiri individu iaitu pengetahuan dan pencapaian, pengalaman keberhasilan orang lain, pujukan lisan dan reaksi fisiologi dan emosi. Teori sampingan yang lain ialah Teori Pembelajaran Androgogi yang menetapkan beberapa ciri-ciri utama pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

orang dewasa iaitu hala tuju kendiri, pengalaman, berorientasi matlamat, kerelevanan, berasaskan masalah dan praktikal. Model ARCS Keller juga digunakan bagi meningkatkan motivasi individu dalam pembelajaran yang mengandungi empat prinsip utama iaitu perhatian, relevan, keyakinan dan kepuasan.

Teori Efikasi Kendiri Bandura digunakan untuk mereka bentuk isi kandungan Modul PEMBI. Manakala Model ARCS Keller dan Teori Pembelajaran Androgogi digunakan untuk membuat pemilihan strategi-strategi yang bersesuaian dan juga material yang membantu proses latihan menggunakan Modul PEMBI.

2.12 Rumusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rumusannya, kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa efikasi kendiri sangat membantu guru untuk mencapai sesuatu kejayaan di dalam tugas. Efikasi kendiri juga sangat penting untuk membantu guru melaksanakan pengajaran Bahasa Inggeris dengan berkesan. Berdasarkan permasalahan-permasalahan yang wujud dalam pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak. Pengkaji merumuskan keperluan terhadap latihan guru dalam meningkatkan efikasi kendiri dalam mengajar Bahasa Inggeris. Hal ini adalah kerana efikasi kendiri sangat mempengaruhi faktor-faktor psikologikal guru dalam mengajar Bahasa Inggeris seperti motivasi dan keyakinan diri. Hal ini secara langsung dapat membantu guru mengurangkan tahap kebimbangan dalam mengajar Bahasa Inggeris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan kaedah pengkajian yang digunakan untuk menjalankan kajian bagi membangunkan modul yang dapat meningkatkan efikasi kendiri guru mengajar Bahasa Inggeris dan mengurangkan tahap kebimbangan guru mengajar Bahasa Inggeris. Tumpuan telah diberikan terhadap reka bentuk kajian, kerangka kajian, persampelan, instrumen kajian, cara pengumpulan dan penganalisisan data dalam kajian ini. Menurut (Cohen, Manion & Morrison, 2011) tujuan sesuatu metodologi dalam pengkajian adalah untuk membantu para pengkaji memahami secara lebih terperinci tentang proses kajian yang sedang dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Reka Bentuk Kajian

Pemilihan reka bentuk oleh pengkaji dalam sesuatu pengkajian adalah bergantung kepada tujuan kajian dan masalah kajian yang ingin diselesaikan (Sidek Mohd Noah, 2003). Reka bentuk kajian ini adalah gabungan kajian deskriptif dan eksperimen. Kajian berbentuk deskriptif bertujuan untuk mengenal pasti tahap efikasi kendiri guru mengajar Bahasa Inggeris dan menguji kesahan kandungan serta kebolehpercayaan modul dan juga kebolehgunaan modul. Sementara kajian berbentuk eksperimen bertujuan untuk menentukan keberkesanan Modul PEMBI ke atas peningkatan tahap efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris dan pengurangan tahap kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris. Reka bentuk eksperimen adalah pengkajian di mana pengkaji secara sengaja dan sistematik memperkenalkan olahan atau *'treatment'* kepada kumpulan yang diambil secara pembahagian rawak dan mencerap rentetan perubahan yang berlaku pada kumpulan tersebut (Kirk, 2013).

Manakala, Fraenkel et al. (2012) menyatakan keunikan kajian eksperimen adalah suatu reka bentuk pengkajian yang secara langsung mencuba untuk mempengaruhi sesuatu pemboleh ubah dan jenis yang terbaik untuk menguji hipotesis tentang hubungan sebab-kesan. Sementara itu, Kirk (2013) menyatakan reka bentuk eksperimen membolehkan kajian dilakukan untuk menguji hipotesis antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar dengan memanipulasi pemboleh ubah bebas. Kajian jenis ini merupakan kaedah saintifik kerana terdapat unsur pembinaan rawatan dan mengkaji kesan serta membuat interpretasi yang jelas dan konkrit. Sementara Sidek Mohd Noah (2003) pula menjelaskan bahawa reka bentuk kajian eksperimen dijalankan bertujuan untuk menyiasat hubungan sebab dan kesan dengan mendedahkan satu atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lebih kumpulan-kumpulan percubaaan kepada satu atau lebih rawatan dan membuat bandingan terhadap keputusan kepada satu atau lebih kumpulan kawalan yang tidak menerima sebarang rawatan.

Pengkaji telah menggunakan pendekatan kajian reka bentuk dan pembangunan "*design and developmental research*" (DDR) yang telah diasaskan oleh Richey dan Klein pada tahun 2007. Modul PEMBI yang dibina telah mengikuti beberapa peraturan. Peraturan-peraturan itu memerlukan seseorang pembina modul membuat pembacaan, kajian penelitian, penyemakan, pemahaman, penerokaan terhadap pelbagai perkara. Antaranya adalah yang berkaitan dengan struktur dan bentuk modul (Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad, 2005). Pemilihan reka bentuk DDR ini dibuat kerana ia sesuai digunakan dalam merangka kurikulum baru seperti Modul PEMBI (Norlidah Alias, Saedah Siraj, Mohd Nazri Abdul Rahman & Dewitt, 2013).

Kajian reka bentuk dan pembangunan (Richey & Klein, 2007) yang diaplikasikan dalam pembangunan modul ini ialah satu pendekatan pengkajian yang boleh menghasilkan maklumat yang boleh dipercayai dan berguna kepada para pengkaji dalam bidang pembangunan profesionalisme guru pendidikan awal kanak-kanak. Kajian yang sistematik ini memberi tumpuan kepada proses pembangunan produk dan melibatkan analisis konteks, kandungan dan situasi serta penilaian produk tersebut. Produk yang dihasilkan daripada kajian ini boleh merupakan sebuah model, teknik, modul ataupun program latihan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian reka bentuk dan pembangunan (DDR) telah didefinisikan sebagai "*the systematic study of design, development and evaluation process with the aim of establishing an empirical basis for a creation of instructional and non-instructional products and tools and new or enhanced models that govern their development*" (Richey & Klien, 2007, hlm.1)

Mereka juga telah mengenal pasti dua jenis kajian reka bentuk dan pembangunan iaitu kajian bagi membangunkan produk dan perkakasan serta kajian bagi membangunkan model. Fokus bagi kedua-dua jenis kajian DDR ini adalah berbeza daripada fokus masing-masing. Perbezaan tersebut ditunjukkan seperti dalam Jadual 3.1.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1

Bentuk dan Pendekatan Kajian Pembangunan

	Bentuk Kajian I (Kajian Produk dan Perkakasan)	Bentuk Kajian II Kajian Model
Penekanan	Kajian mengenai produk / reka bentuk program yang spesifik, pembangunan dan penilaian projek.	Kajian proses peralatan / model reka bentuk pembangunan / penilaian.
Produk/ Dapatan	Pengajaran yang didapati daripada membangunkan produk yang spesifik dan menganalisis keadaan yang memudahkan penggunaan produk tersebut, kesimpulan yang spesifik.	Prosedur dan / atau model reka bentuk, pembangunan dan penilaian yang baru dan situasi yang menyokong penggunaannya, kesimpulan umum.
Pendekatan Kajian	Penilaian formatif dan sumatif, kajian kualitatif dan kajian kes	Kajian kualitatif, kajian kes dan kaedah soal selidik

Sumber: Richey, Klien & Nielson (2004)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian DDR jenis pertama melibatkan situasi iaitu proses pembangunan produk yang digunakan dalam sesuatu konteks, dijelaskan, dianalisis dan akhirnya dinilai (Norlidah et al., 2013). Menurut Richey dan Klein (2007), kajian DDR jenis pertama ini adalah pengkajian formatif. Penilaian formatif dan sumatif dijalankan sebagai intervensi semasa pembangunan produk tersebut. Sementara itu kajian DDR jenis kedua pula melibatkan proses reka bentuk umum, pembangunan dan penilaian.

Kajian pembangunan sering distrukturkan secara berperingkat-peringkat atau mengikut beberapa fasa (Richey & Klien, 2007). Merujuk kepada kajian reka bentuk dan pembangunan yang dibincangkan, pengkaji mendapati kajian pembangunan Modul PEMBI ini ialah kajian jenis I. Kajian pembangunan jenis I ialah penekanan mengenai produk atau reka bentuk program yang spesifik, pembangunan dan, atau penilaian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sesuatu produk atau reka bentuk program dilaksanakan dalam Fasa Analisis Keperluan, Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan, Fasa Pelaksanaan dan Penilaian. Menurut Richey et al. (2004) kajian pembangunan berkecenderungan untuk menjadi metodologi yang kompleks kerana kerumitan situasi kehidupan sebenar atau reka bentuk dan proses pembangunan itu sendiri. Akibatnya kajian ini cenderung untuk menggunakan sama ada pendekatan kaedah campuran kuantitatif dan kualitatif atau pelbagai kaedah.

Penggabungan dua pendekatan kuantitatif dan kualitatif membolehkan pengkaji mendapatkan data yang lebih komprehensif bagi tujuan pembangunan modul yang menjadi matlamat utama kajian ini (Creswell, 2007). Penggabungan dua pendekatan ini juga dapat memberikan gambaran yang lebih terperinci tentang masalah yang dikaji

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Creswell, 2007). Penggunaan kaedah gabungan ini mempunyai kelebihan tersendiri dalam mengumpul dan menganalisis data yang dapat menghasilkan sesebuah pengkajian yang lebih kukuh dan berkualiti.

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan reka bentuk kajian pembangunan dalam tiga fasa. Kajian ini melibatkan (1) Fasa Analisis Keperluan, (2) Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan, dan (3) Fasa Pelaksanaan dan Penilaian. Peringkat-peringkat ini selaras dengan Model ADDIE dan model kajian pembangunan oleh Cohen, Manion dan Morrison (2007) serta model oleh Ellis dan Levy (2010). Pengkaji-pengkaji terdahulu juga menggunakan reka bentuk kajian ini dalam pembangunan modul atau kurikulum.

Cavanaugh dan Dawson (2010) membangunkan modul melalui beberapa peringkat iaitu peringkat analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian. Pengkaji-pengkaji tempatan juga mengaplikasikan peringkat-peringkat yang sama dalam pembangunan modul (Contoh: Fadzilah, 2007; Ahmad Sobri, 2009; Chin, 2009; Norlidah, 2010; Zulkifli, 2013). Dalam konteks kajian ini pembangunan modul dilaksanakan dalam tiga fasa iaitu (1) Fasa Analisis Keperluan, (2) Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan, dan (3) Fasa Pelaksanaan dan Penilaian. Hubungan fasa-fasa dalam kajian dengan peringkat pembangunan modul ditunjukkan dalam jadual 3.2.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.2

Hubungan Fasa-Fasa Kajian dengan Peringkat-Peringkat Pembangunan Modul

Pembangunan Modul	Fasa Kajian
Fasa I	Analisis keperluan bagi mendapatkan input untuk reka bentuk modul. Dilaksanakan sebelum mereka bentuk modul.
Fasa II	Pembangunan selepas mendapat input dari analisis keperluan dan digabungkan dengan teori atau model yang berkaitan. Modul dibina dan disahkan oleh pakar, seterusnya dijalankan kajian rintis.
Fasa III	Pelaksanaan dan penilaian modul dalam *setting* sebenar.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan kajian pembangunan jenis pertama yang melibatkan 3 fasa iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan dan fasa penilaian. Sebanyak tiga fasa telah dijalankan dalam kajian ini. Hubungan antara fasa-fasa dalam kajian dengan peringkat-peringkat pembangunan modul ini, ditunjukkan seperti Rajah 3.1.



*Rajah 3.1.*Proses Pembangunan Modul PEMBI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Kerangka Kajian

Peringkat analisis keperluan ialah proses penentuan serta mengenal pasti masalah dengan mencari punca atau faktor yang berkaitan masalah tersebut. Pengkaji mendapatkan maklumat tentang masalah dan keperluan guru pendidikan awal kanak-kanak dalam pengajaran Bahasa Inggeris bagi Fasa Analisis Keperluan. Maklumat berkaitan pengetahuan dan tahap efikasi kendiri guru dalam mengajar Bahasa Inggeris turut dikaji bagi menentukan apakah aspek yang perlu diberi perhatian untuk menyediakan latihan yang bersesuaian. Kutipan data dibuat melalui soal selidik dan juga temu bual bagi menjawab soalan kajian analisis keperluan iaitu:

a) Apakah tahap efikasi kendiri guru mengajar Bahasa Inggeris berdasarkan Teori Efikasi Kendiri Bandura.
b) Apakah status pelaksanaan pengajaran Bahasa Inggeris menggunakan bahasa instruksi Bahasa Inggeris.
c) Apakah halangan-halangan untuk menggunakan bahasa instruksi Bahasa Inggeris sewaktu pengajaran dan pembelajaran di kelas.
d) Apakah cara yang guru lakukan untuk mengatasi permasalahan penggunaan bahasa instruksi dalam Bahasa Inggeris.
e) Apakah tahap keperluan pembangunan modul latihan untuk meningkatkan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Data yang diperoleh melalui analisis keperluan digunakan dalam fasa berikutnya iaitu Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan. Pada peringkat ini, pengkaji akan menentukan objektif, pemilihan isi kandungan, pemilihan strategi dan pemilihan material yang bersesuaian berdasarkan kepada dapatan analisis keperluan, teori dan model. Teori utama kajian ini adalah Teori Efikasi Kendiri Bandura manakala teori atau model sampingan ialah Model ARCS Keller dan Teori Pembelajaran Androgogi. Data dalam fasa ini dikutip bagi menjawab soalan kajian berikut: Apakah objektif modul latihan untuk meningkatkan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris yang sesuai.

a) Apakah objektif modul latihan untuk meningkatkan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris.
b) Apakah isi kandungan modul latihan untuk meningkatkan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris.
c) Apakah strategi pelaksanaan yang sesuai setiap aktiviti dalam modul latihan.
d) Apakah material yang sesuai bagi setiap aktiviti dalam modul latihan.
e) Apakah kesahan draf modul latihan untuk meningkatkan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris berdasarkan pandangan pakar.
f) Apakah kebolehpercayaan draf modul latihan untuk meningkatkan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris melalui kajian rintis.
g) Apakah penambahbaikan draf modul setelah menjalani pengesahan pakar dan kajian rintis?

Setelah isi kandungan draf modul telah dibentuk, maka pengkaji perlu mendapatkan kesahan kandungan modul dengan meminta beberapa orang pakar bidang yang berkaitan untuk membuat penilaian dan memberi komen supaya penambahbaikan dapat dilakukan. Selepas melakukan penambahbaikan berdasarkan komen-komen

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pakar, maka draf modul tersebut perlu diuji kebolehpercayaan dengan menjalankan kajian rintis. Penambahbaikan kali kedua dilakukan kepada draf modul dan akhirnya terhasil sebuah modul latihan sebenar yang akan digunakan dalam Fasa Pelaksanaan dan Penilaian.


Selanjutnya dalam peringkat pelaksanaan pula modul ini diuji keberkesanan dan kebolehgunaannya. Kutipan data dalam Fasa Pelaksanaan dan Penilaian dibuat bertujuan untuk menjawab soalan kajian berikut:

a) Apakah kesan modul latihan terhadap efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris sebelum dan selepas mengikuti modul latihan.
b) Apakah kesan modul latihan terhadap kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris sebelum dan selepas mengikuti modul latihan.
c) Apakah kekuatan dan kelemahan modul latihan serta cara mengatasinya berdasarkan pandangan fasilitator.
d) Apakah kekuatan dan kelemahan modul latihan serta cara mengatasinya berdasarkan pandangan guru.

Modul ini diuji ke atas sekumpulan kecil guru-guru Tabika KEMAS negeri Perak. Borang soal selidik menguji keberkesanan modul dari aspek peningkatan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris dan pengurangan kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris diedarkan sebelum dan selepas mengikuti modul. Temu bual dilaksanakan untuk mengenal pasti kekuatan, kelemahan dan cadangan penambahbaikan modul dari pandangan fasilitator dan juga guru. Penganalisisan data dilakukan bagi membekalkan maklumat untuk penambahbaikan modul. Pelaksanaan keseluruhan kajian ditunjukkan dalam Rajah 3.2.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



*Rajah 3.2.*Kerangka kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fasa-Fasa Dalam Kajian


Pelaksanaan kajian ini melibatkan tiga fasa iaitu Fasa Analisis Keperluan, Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan dan ketiga ialah Fasa Pelaksanaan dan Penilaian. Setiap fasa dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan yang berbeza-beza dalam aspek kaedah, persampelan, prosedur, instrumen dan analisa data.

3.4 Fasa Analisis Keperluan

Pengkaji perlu menjalankan analisis keperluan dalam fasa ini bagi mengetahui adakah membangunkan Modul PEMBI ini merupakan satu keperluan kepada guru-guru pendidikan awal kanak-kanak. Aktiviti yang berlaku dalam fasa ini ditunjukkan seperti Rajah 3.3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.3. Carta Alir Fasa Analisis Keperluan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.1 Persampelan Kajian Fasa Analisis Keperluan

Persampelan bagi kajian kuantitatif adalah berbeza daripada persampelan kajian kualitatif. Sampel kajian kuantitatif diambil bagi mewakili populasi atau tempat pengkajian tetapi sampel bagi kajian kualitatif dipilih secara bertujuan mengikut kriteria yang menepati kriteria yang telah ditetapkan dalam kajian. Persampelan rawak biasanya digunakan dalam kajian tinjauan melalui soal selidik bagi mendapatkan maklumat untuk tujuan mengenal pasti ciri-ciri sesebuah populasi.

Populasi kajian bagi fasa ini ialah guru-guru pendidikan awal kanak-kanak iaitu guru Tabika KEMAS di negeri Perak. Terdapat seramai 867 orang guru Tabika KEMAS negeri Perak (Bahagian Perancangan Strategik, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, 2018). Pengkaji menggunakan kaedah persampelan rawak kelompok di mana populasi guru Tabika KEMAS dikelompokkan mengikut 24 Parlimen di negeri Perak. Di antaranya ialah Gerik, Lenggong, Parit Buntar, Bagan Serai, Larut, Bukit Gantang, Taiping, Padang Rengas, Kuala Kangsar, Sungai Siput, Tambun, Ipoh Barat, Ipoh Timur, Batu Gajah, Kampar, Gopeng, Parit, Pasir Salak, Beruas, Lumut, Bagan Datuk, Teluk Intan, Tapah dan Tanjung Malim.

3.4.1.1 Saiz Sampel Kajian Fasa Analisis Keperluan

Kerap kali saiz sampel yang lebih besar dikatakan lebih menepati populasi sebenar tetapi menurut Noraini Idris (2013) ciri sampel adalah lebih penting kerana bukannya saiz tetapi sejauh mana sampel itu mewakili populasi. Kajian terdahulu dalam analisis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keperluan menunjukkan kepelbagaian jumlah sampel. Kajian analisis keperluan Aliza Ali (2016) hanya menggunakan 10 orang guru sebagai sampel, Zainuddin Ibrahim (2017) menggunakan sampel seramai 58 orang pelajar, Alijah Ujang (2016) menggunakan sampel seramai 63 orang pelatih, Nazeera Ahmad Bazari (2017) seramai 121 orang guru, Zanariah Ahmad (2017) seramai 200 orang pelajar, Ngu (2016) menggunakan sampel seramai 618 orang warga emas, Shahriza Said (2017) menggunakan sampel seramai 634 orang guru pendidikan khas,

Dalam fasa ini instrumen soal selidik mengenal pasti mengenai latar belakang guru, latar belakang pendidikan awal kanak-kanak, tahap pengetahuan dalam pengajaran Bahasa Inggeris, tahap efikasi kendiri guru dalam pengajaran Bahasa Inggeris dan keperluan untuk pembangunan modul latihan bagi meningkatkan efikasi kendiri guru mengajar Bahasa Inggeris. Untuk mendapatkan data, analisis keperluan ini dijalankan melibatkan guru-guru Tabika KEMAS negeri Perak dan kaedah persampelan kluster digunakan.

Persampelan kluster boleh dijalankan bila elemen-elemen dalam populasi adalah heterogeneus (Chua, 2011) di mana terdapat ketidakseragaman elemen-elemen dalam kelompok tetapi terdapat keseragaman antara semua kelompok. Elemen-elemen heterogeneus ialah jantina, umur, pengalaman mengajar, tahap pendidikan dan lain-lain lagi. Namun begitu semua kelompok adalah terdiri daripada guru-guru yang mengajar kanak-kanak berumur lima hingga enam tahun dan menggunakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan sebagai panduan asas dalam pengajaran Bahasa Inggeris. Pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik kepada guru-guru Tabika KEMAS mengikut parlimen.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebanyak 120 soal selidik telah diedarkan kepada guru-guru Tabika KEMAS. Disebabkan bilangan guru Tabika KEMAS adalah tidak sekata maka pengkaji menghantar lima borang soal selidik ke setiap parlimen Tabika KEMAS negeri Perak melalui penyelia Tabika KEMAS. Sebanyak 111 telah diterima. Pengkaji mengeluarkan soal selidik yang tidak lengkap dan 90 soal selidik dianalisis.

3.4.1.2 Pemilihan Sampel Kajian Fasa Analisis Keperluan

Semasa kajian analisis keperluan di fasa satu, pengkaji telah menggunakan persampelan bertujuan iaitu memilih sampel berdasarkan pengetahuan pengkaji dan tujuan khusus pengkajian (Noraini Idris, 2013). Mereka merupakan kelompok responden yang mewakili populasi yang hendak dikaji (Noraini Idris, 2013; Richey & Klien, 2007). Persampelan rawak kelompok turut digunakan begi memilih sampel mengikut parlimen. Sampel adalah melibatkan guru Tadika Islam negeri Perak 30 orang untuk tujuan kajian rintis. Bagi kajian sebenar seramai 90 orang guru Tabika KEMAS negeri Perak telah dipilih. Manakala bagi mendapatkan data kualitatif sebagai data sokongan seramai lapan orang guru telah ditemu bual secara ringkas. Oleh kerana ada penggunaan instrumen maka seramai tujuh orang pakar telah dipilih sebagai kesahan kandungan soal selidik. Pakar tersebut berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak, pengajaran Bahasa Inggeris dan pedagogi. Jadual 3.3 menunjukkan pemilihan secara rawak kelompok mengikut parlimen tabika KEMAS negeri Perak;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.3

Pemilihan sampel kajian fasa analisis keperluan

Bil	ParlimenTabika KEMAS Negeri Perak	Jumlah Sampel
1.	Gerik	5 orang
2.	Lenggong	5 orang
3.	Parit Buntar	5 orang
4.	Bagan Serai	5 orang
5.	Larut Matang & Selama	5 orang
6.	Bukit Gantang	5 orang
7.	Taiping	5 orang
8.	Padang Rengas	5 orang
9.	Kuala Kangsar	5 orang
10.	Sungai Siput	5 orang
11.	Tambun	5 orang
12.	Ipoh Barat	5 orang
13.	Ipoh Timur	5 orang
14.	Batu Gajah	5 orang
15.	Kampar	5 orang
16.	Gopeng	5 orang
17.	Parit	5 orang
18.	Pasir Salak	5 orang
19.	Beruas	5 orang
20.	Lumut	5 orang
21.	Bagan Datuk	5 orang
22.	Teluk Intan	5 orang
23.	Tapah	5 orang
24.	Tanjung Malim	5 orang
	Jumlah	120 orang

Sumber: Data Asas Kementerian Pembangunan Luar Bandar (2018)

Kriteria utama pemilihan sampel adalah guru yang telah mengikuti kursus atau bengkel berkaitan dengan pengajaran Bahasa Inggeris yang telah dianjurkan oleh KEMAS. Di antaranya ialah Bengkel Peningkatan Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Bahasa Inggeris (2014), Bengkel Jurulatih Utama bagi Subjek Bahasa Inggeris (2015) dan Bengkel Fonik Bahasa Inggeris (2017). Guru perlu menggunakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan sebagai panduan pengajaran Bahasa Inggeris. Menurut Ahmad Munawar Ismail dan Mohd Nor Shahizan Ali (2015), prosedur persampelan bertujuan menghendaki pengkaji menetapkan ciri-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ciri tertentu yang hendak dipilih sebagai responden kajian. Pemilihan responden-responden tersebut adalah berdasarkan tujuan dan kehendak objektif kajian. Hasil kajian hanya digeneralisasikan kepada kumpulan subjek kajian sahaja.

3.4.2 Prosedur Kajian Fasa Analisis Keperluan

Kajian ini dimulakan dengan Fasa Analisis Keperluan yang melibatkan guru-guru Tabika KEMAS negeri Perak. Untuk tujuan ini pengkaji telah mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Kemajuan Masyarakat Negeri Perak. Seterusnya pengkaji mendapatkan kebenaran untuk menjalankan kajian rintis bagi soal selidik yang dibina daripada Jabatan Agama Islam Negeri Perak. Berdasarkan analisis data kajian rintis penambahbaikan dibuat sebelum instrumen digunakan dalam kajian.

Dalam kajian sebenar pengkaji mengedarkan borang soal selidik secara pos bagi kelas tabika yang jauh. Manakala bagi kelas tabika yang berhampiran pengkaji mengedarkan sendiri borang-borang soal selidik. Tempoh dua minggu diberikan kepada guru-guru Tabika KEMAS untuk melengkapkan soal selidik dan dihantar semula kepada pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.3 Instrumen Fasa Analisis Keperluan

Dalam Fasa I pengkaji telah menggunakan Soal Selidik Analisis Keperluan Pembangunan Modul PEMBI yang mengandungi soalan yang menggunakan skala Likert 5. Bagi Bahagian II hingga Bahagian V, 1 – Hampir Tidak Pernah, 2 – Hampir Sekali Skala, 3 – Kadang-Kadang, 4 – Kerap dan 5 – Sangat Kerap. Manakala bagi Bahagian VI, 1 – Sangat Tidak Setuju, 2 – Tidak Setuju, 3 – Tidak Pasti, 4 – Setuju dan 5 – Sangat Setuju. Soal selidik ini telah diubahsuai dari soal selidik "*Teacher Sense Efficacy Scale*" (Tschannen-Moran, 2001). Soal selidik ini mempunyai lima bahagian dan mengandungi 56 item dan dinamakan Soal Selidik Analisis Keperluan Pembangunan Modul PEMBI. Bahagian I adalah latar demografi responden, Bahagian II merupakan Pengetahuan dan Pencapaian Dalam Bahasa Inggeris yang mengandungi 25 item, Bahagian III merupakan Pemodelan Kendiri Dalam Pengajaran yang mengandungi 7 item, Bahagian IV merupakan Penilaian Kendiri Dalam Pengajaran yang mengandungi 7 item, Bahagian V adalah Pembangunan Emosi Diri yang mengandungi 7 item dan Bahagian VI merupakan Keperluan Pembangunan Modul PEMBI yang mengandungi 10 item.

Bagi Bahagian II sehingga Bahagian V, ia merupakan empat sumber utama yang boleh mempengaruhi tahap efikasi kendiri guru dalam mengajar Bahasa Inggeris berdasarkan Teori Efikasi Kendiri Bandura. Manakala Bahagian VI bertujuan untuk menilai keperluan latihan profesionalisme dalam pengajaran Bahasa Inggeris seperti guru memerlukan kursus Bahasa Inggeris, bengkel motivasi dan modul untuk meningkatkan keyakinan diri dalam mengajar Bahasa Inggeris. Instrumen ini telah melalui proses kesahan oleh beberapa orang pakar. Begitu juga dengan soalan temu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bual yang digunakan untuk mengenal pasti status pelaksanaan pengajaran Bahasa Inggeris menggunakan bahasa instruksi dalam Bahasa Inggeris, permasalahan untuk menggunakan bahasa instruksi dalam Bahasa Inggeris sewaktu pengajaran dan cara untuk mengatasi permasalahan tersebut.

Pengkaji mendapatkan kesahan kandungan instrumen dari beberapa orang pakar yang mempunyai kelayakan yang telah ditetapkan. Ini sejajar dengan Fraenkel dan Wallen (2012) yang menyatakan pengkaji perlu merujuk kepada beberapa orang pakar bagi menentukan kesahan instrumen untuk melihat ketepatan kandungan item yang dibina.

Seramai 30 orang guru Tadika Islam negeri Perak telah diberi soal selidik dan menjawabnya sebagai kajian rintis untuk memastikan kebolehpercayaan item-item. Kajian rintis ini berupa permulaan percubaan (*preliminary trial*) sebelum item-item daripada kajian sebenar diuji kepada sampel sebenar (Chua, 2016). Chua menyatakan sekiranya tujuan sesuatu kajian rintis itu dijalankan hanya untuk menilai arahan yang diberikan bagi menjawab soalan-soalan, format soal selidik atau kemudahan-kemudahan pentadbiran ujian maka sampel responden seramai 10 orang atau kurang daripada itu adalah memadai. Walau bagaimanapun sekiranya tujuan kajian rintis itu dijalankan untuk mendapatkan nilai *internal consistency* atau *test-retest reliability*, mengakses kemampuan item untuk menilai atau membuat penambahbaikan instrumen maka saiz sampel yang kecil adalah tidak mencukupi. Menurut Othman Talib (2013), sampel seramai 30 orang adalah mencukupi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis bagi menentukan kebolehpercayaan item dalam soal selidik ini mendapati nilai alpha Cronbach bagi instrumen soal selidik tersebut adalah .944 iaitu mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Walau bagaimanapun proses membuat penambahbaikan instrumen telah dilakukan ke atas beberapa soalan yang disarankan sebagai "*correction item"*. Setelah itu, instrumen soal selidik analisis keperluan ini diedarkan kepada 90 orang guru Tabika KEMAS negeri Perak.

3.4.4 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Kesemua item-item soal selidik disemak secara terperinci dari sudut ketepatan bahasa dan kefahamannya. Soal selidik diberikan kepada beberapa orang guru untuk dinilai ketepatan bahasa dan kefahaman oleh subjek guru. Berdasarkan pandangan dan cadangan dari para guru maka pengubahsuaian dilakukan terhadap beberapa struktur ayat dan istilah dalam soal selidik kajian. Seterusnya tiga khidmat pakar bahasa dari sekolah telah menyemak, memberi cadangan untuk memperbaiki item-item dalam soal selidik ini dari segi ketepatan bahasa dan struktur ayat. Berdasarkan cadangan dan pembetulan dari pakar-pakar bahasa yang diperoleh, pengkaji telah membaiki semula item-item ini agar lebih tepat dan bersesuaian.

Soal selidik yang telah dibangunkan perlu melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan. Menurut Wiersma (2000), dua ciri penting yang dapat menentukan kesesuaian dan kegunaan sesuatu instrumen kajian ialah kesahan dan kebolehpercayaan instrumen tersebut. Kesahan instrumen kajian merujuk kepada sejauh mana instrumen itu dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur (Gay & Airasian, 2003, Wiersma,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2000). Kesahan isi kandungan dilakukan bagi memastikan item-item yang dimasukkan sebagai instrumen kajian dapat mengukur isi kandungan yang hendak dikaji.

Kebolehpercayaan instrumen kajian pula ditakrifkan sebagai ketekalan atau konsistensi sesuatu instrumen untuk mengukur apa yang sepatutnya diukur (Gay & Airasian, 2003; Wiersma, 2000; Mohd Majid, 2005). Ketekalan dalam sesuatu instrumen kajian pada umumnya boleh diukur dengan menggunakan pekali atau koefisien korelasi seperti "*alpha Cronbach"* (Ebel & Frisbie, 1991). Nilai kebolehpercayaan alpha Cronbach digunakan sebagai ukuran terhadap konsistensi dalaman instrumen kajian (Mohd Majid, 2005). Instrumen kajian dianggap mempunyai konsistensi dalaman yang boleh diterima sekiranya nilai pekali "*alpha Cronbach"* bagi setiap skala dalaman instrumen melebihi 0.70 (nilai $\alpha > 0.70$) (George & Mallery, 2003) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.4.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.4

Taksiran ke atas Nilai Pekali "Alpha Cronbach"

Nilai alfa Cronbach, (α)	Tafsiran
$\alpha > 0.90$	Sangat Baik
$\alpha > 0.80$	Baik
$\alpha > 0.70$	Diterima
$\alpha > 0.60$	Dipersoalkan
$\alpha > 0.50$	Lemah
$\alpha < 0.50$	Tidak Diterima

Sumber: George dan Mallery (2003)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.4.1 Kesahan Instrumen

Bagi tujuan kesahan instrumen, pengkaji telah meminta tujuh orang pakar bagi menyemak isi kandungan soal selidik sebelum menjalankan kajian rintis. Pakar yang dipilih adalah bersesuaian dengan kajian yang ingin dilaksanakan iaitu individu yang pakar dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan pengajaran Bahasa Inggeris. Jadual 3.5 di bawah menyatakan senarai pakar yang terlibat dalam menyemak dan mengesahkan soal selidik yang telah dibuat.

Jadual 3.5

Senarai Pakar untuk Kesahan Instrumen

Jawatan	Bidang	Ulasan Pakar
Pensyarah Akademik Kanan	Pendidikan Awal Kanak-Kanak	Secara keseluruhannya, boleh digunakan dengan syarat semua teguran diambil kira untuk penambahbaikan.
Pengasas & Pelaksana Program Kanak-Kanak 4-10 Tahun	Bahasa Inggeris & Pendidikan Awal Kanak-Kanak	Bersesuaian dan boleh digunakan tetapi memerlukan pemurnian dalam beberapa aspek seperti yang dinyatakan.
Pensyarah Kanan	Pendidikan Awal Kanak-Kanak & Bahasa Inggeris	Soalan-soalan yang relevan dan menepati kehendak tinjauan. Penulisan soalan yang baik mempamerkan satu kemahiran dalam setiap item agar lebih jelas dan berkesan.
Pensyarah	Pendidikan Awal Kanak-Kanak	Soal selidik ini perlu dibaiki seperti yang disarankan.
Guru Bahasa Inggeris	Bahasa Inggeris	Soal selidik ini sesuai namun perlu diperbaiki terlebih dahulu.
Guru Prasekolah	Prasekolah	Soal selidik ini sesuai setelah melakukan beberapa pembetulan.
Guru Prasekolah	Prasekolah	Bersesuaian dan memerlukan sedikit pembetulan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selepas mendapat ulasan dari pakar, pengkaji telah melakukan beberapa pembetulan seperti yang disarankan oleh pakar-pakar. Apabila pengkaji telah membuat pembetulan ke atas instrumen, Soal Selidik Analisis Keperluan Pembangunan PEMBI Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak telah dinilai oleh pakar sekali lagi untuk mendapat peratus kesahan instrumen.

Data-data yang diperoleh dengan mendapatkan pengesahan pakar adalah secara manual. Pakar-pakar tersebut akan meletakkan item-item yang dianalisis pada skala 1 hingga 10 iaitu pangkatan yang diwakili sangat tidak memuaskan hingga sangat memuaskan. Keadaan ini boleh dianggap memiliki kesahan yang tinggi apabila majoriti skala pada tahap 7 hingga 10. Dalam menentukan kesahan soal selidik ini, jumlah skor pakar (x) yang diberikan dikira dan dibahagikan kepada jumlah skor sebenar (y) dan didarabkan dengan 100. Hasil keputusan adalah dalam bentuk peratusan (Sidek & Jamaludin, 2005) sepertimana dalam Rajah 3.4.

$$\frac{\text{Jumlah skor pandangan pakar (x)}}{\text{Jumlah keseluruhan skor (y)}} \times 100 = \text{Skor Kesahan Kandungan}$$

Rajah 3.4. Formula Kesahan Kandungan Sidek dan Jamaludin (2005)

Kesahan kandungan soal selidik menurut pandangan pakar adalah tinggi sekiranya pekali kesahan .70 ke atas atau menghasilkan 70 peratus ke atas (Sidek Noah & Jamaludin Ahmad, 2005; Jamaludin Ahmad, 2002; Tuckman & Harper, 2012). Berdasarkan Jadual 3.6, Soal Selidik Analisis Keperluan Pembangunan PEMBI Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak memperoleh nilai kesahan yang tinggi iaitu indeks

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pekali .95. Ianya diperolehi melalui dengan keseluruhan jumlah skor Likert yang diberi oleh tujuh orang pakar dibahagi dengan jumlah skor sebenar dan kemudian didarabkan dengan seratus bagi mendapatkan jumlah dalam peratusan. Hasil tersebut merupakan tahap kesahan bagi soal selidik tersebut.

Jadual 3.6

Kesahan Soal Selidik Analisis Keperluan Pembangunan Modul PEMBI

Perkara	Peratus/Pekali Kesahan	Pandangan Pakar
Soal Selidik Efikasi kendiri Pengajaran Bahasa Inggeris	95% (.95)	Diterima

Jadual 3.6 pula menjelaskan tentang dapatan kajian mengenai kesahan kandungan soal selidik mengikut subskala. Hasil kajian mendapati subskala Maklum Balas Penilaian Pengajaran Bahasa Inggeris memperoleh 92.0% (.92) iaitu subskala yang memperoleh peratusan paling tinggi. Manakala subskala Penguasaan Isi Kandungan Bahasa Inggeris pula adalah sebanyak 78.0% (.78) yang merupakan pekali terendah yang diperolehi berbanding lima subskala yang lain.

Menurut Abu Bakar (1995), telah menyatakan bahawa aras penguasaan atau pencapaian 70 peratus dianggap telah menguasai atau mencapai tahap pencapaian yang tinggi dan sesuai digunakan. Manakala bagi keenam-enam subskala yang dibina juga diterima dan sesuai serta boleh digunakan oleh pengkaji. Hal ini disokong oleh Gay dan Airasian, 2003 serta Wiersma, 2000, iaitu kesahan instrumen kajian merujuk kepada sejauh mana instrumen itu dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur. Kesahan isi kandungan dilakukan bagi memastikan item-item yang dimasukkan dalam instrumen kajian dapat mengukur isi kandungan yang hendak dikaji. Pernyataan di atas telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membuktikan bahawa Soal Selidik Analisis Keperluan Pembangunan Modul PEMBI telah menepati proses kesahan kandungan yang betul dan tepat. Jadual 3.7 di bawah menunjukkan dapatan kesahan kandungan Soal Selidik Analisis Keperluan Pembangunan Modul PEMBI mengikut subskala.

Jadual 3.7

Kesahan Kandungan Subskala Soal Selidik Analisis Keperluan Pembangunan Modul PEMBI

Perkara	Peratus/Pekali Kesahan	Pandangan Pakar
Subskala Pengetahuan dan Pencapaian Dalam Bahasa Inggeris	87.0% (.87)	Diterima
Subskala Pemodelan Kendiri Dalam Pengajaran	78.0% (.78)	Diterima
Subskala Penilaian Kendiri Dalam Pengajaran	90.0% (.90)	Diterima
Subskala Pembangunan Emosi Diri	92.0% (.92)	Diterima
Subskala Keperluan Pembangunan Modul PEMBI	90.0% (.90)	Diterima

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.4.2 Kebolehpercayaan Instrumen

Kebolehpercayaan dalaman instrumen telah diuji dengan menggunakan kaedah alpha Cronbach. Secara keseluruhannya, kebolehpercayaan instrumen adalah tinggi dan boleh diguna pakai. Kebolehpercayaan Soal Selidik Analisis Keperluan Pembangunan Modul PEMBI ini telah diuji secara keseluruhan dan didapati mempunyai nilai koefisien alfa melebihi dari 0.70. Justeru itu, Soal Selidik Analisis Keperluan Pembangunan Modul PEMBI ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi melebihi nilai alfa 0.80 seperti yang disarankan oleh Mohd Najib (2005). Jadual 3.8 di bawah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menunjukkan hasil dapatan kajian rintis yang telah dijalankan terhadap 30 orang guru Tadika Islam negeri Perak.

Jadual 3.8

Taksiran ke atas Nilai Pekali Alpha Cronbach

Pemboleh ubah	Bilangan item	Nilai alfa Cronbach, (α)	Tafsiran
Bahagian II (Pengetahuan & Pencapaian Dalam Bahasa Inggeris)	25	0.96	Sangat Baik
Bahagian III (Pemodelan Kendiri Dalam Bahasa Inggeris)	7	0.91	Sangat Baik
Bahagian IV (Penilaian Kendiri Dalam Pengajaran)	7	0.93	Diterima
Bahagian V (Pembangunan Emosi Diri)	7	0.86	Baik
Bahagian VI (Keperluan Pembangunan Modul PEMBI)	10	0.92	Sangat Baik
Keseluruhan Item	56	0.95	Sangat Baik

3.4.5 Pengujian Normaliti Pemboleh Ubah Utama Kajian

Bagi memastikan taburan data yang normal dalam soal selidik, ujian normaliti juga dilakukan. Taburan data Skewness dan Kurtosis menunjukkan taburan yang normal jika nilai dalam lingkungan -1.96 hingga 1.96, manakala ujian Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk data bertaburan normal jika ujian tidak signifikan iaitu aras signifikan > .05 (Razali & Wah, 2011; Shapiro & Wilk, 1965).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi Bahagian II iaitu Pengetahuan dan Pencapaian Dalam Bahasa Inggeris, Skewness 0.374 (SE = 0.254),Kurtosis 0.188 (SE = 0.503), taburan data dianggap normal. Bagi Bahagian III iaitu Pemodelan Kendiri Dalam Bahasa Inggeris, Skewness -0.356 (SE = 0.254), Kurtosis 0.422 (SE = 0.503), taburan data dianggap normal. Bagi Bahagian IV iaitu Penilaian Kendiri Dalam Pengajaran, Skewness -0.152 (SE = 0.254), Kurtosis -0.783 (SE = 0.503), taburan data dianggap normal. Bagi Bahagian V iaitu Pembangunan Emosi Diri, Skewness -0.065 (SE = 0.254), Kurtosis -0.457 (SE = 0.503), taburan data dianggap normal. Bagi Bahagian VI iaitu Keperluan Pembangunan Modul PEMBI, Skewness -0.316 (SE = 0.254) , Kurtosis -0.304 (SE = 0.503), taburan data dianggap normal. Secara keseluruhannya, taburan data bagi Soal Selidik Aanalisis Keperluan Pembangunan Modul PEMBI adalah normal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.6 Penganalisisan Data Kajian Fasa Analisis Keperluan

Data-data soal selidik analisis keperluan dari fasa 1 diproses dengan menggunakan "*Statistical Packages fot the Social Sciences*" (SPSS) versi 23 untuk mencari nilai alpha Cronbach. Statistik deskriptif telah digunakan untuk menghuraikan data latar belakang responden. Data daripada soal selidik dianalisis dalam bentuk purata min bagi memberi maklumat secara keseluruhan tentang keperluan untuk membangunkan modul dan mengenal pasti tahap efikasi kendiri guru pendidikan awal kanak-kanak dalam mengajar Bahasa Inggeris menerusi empat aspek dalam Teori Efikasi Kendiri Bandura iaitu pengetahuan dan pengalaman dalam Bahasa Inggeris, pengalaman keberhasilan orang lain, penilaian terhadap pengajaran Bahasa Inggeris dan tahap kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris. Di samping itu, pengkaji juga cuba mengenal pasti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keperluan pembangunan modul latihan untuk meningkatkan tahap efikasi kendiri dan mengurangkan tahap kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris bagi guru pendidikan awal kanak-kanak. Bagi soalan terbuka untuk temu bual, pengkaji menggunakan analisis tematik untuk mencari tema-tema yang tepat. Jadual di bawah menunjukkan interpretasi skor min yang digunakan bagi menentukan tahap skor min yang diperoleh bagi setiap item;

Jadual 3.9

Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 1.80	Sangat Rendah
1.90 – 2.60	Rendah
2.70 – 3.40	Sederhana
3.50 – 4.20	Tinggi
4.30 – 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Kamaruzaman (2009)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan

Dalam fasa kedua ini, reka bentuk Modul PEMBI ditentukan berdasarkan dapatan analisis keperluan, Teori Efikasi Kendiri Bandura, Model ARCS Keller dan Teori Pembelajaran Androgogi. Teori dan model yang dipilih adalah untuk membentuk kandungan dan aktiviti modul. Di samping itu membantu dalam pemilihan strategi dan material yang bersesuaian. Fasa Dua ini mempunyai dua peringkat iaitu peringkat reka bentuk dan peringkat pembangunan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Peringkat Reka Bentuk

Pada peringkat ini pengkaji membentuk isi kandungan modul berdasarkan kepada Teori Efikasi Kendiri Bandura dan dapatan analisis keperluan. Manakala strategi, kaedah penyampaian dan material yang digunakan dalam modul berdasarkan Teori Pembelajaran Androgogi dan Model ARCS Keller. Berdasarkan Teori Efikasi Kendiri Bandura, terdapat empat sumber utama yang boleh mempengaruhi efikasi kendiri individu iaitu pengetahuan dan pengalaman lepas, pengalaman keberhasilan orang lain, pujukan lisan dan reaksi fisiologi dan emosi. Pengetahuan dan pengalaman menjadi sub modul kedua iaitu Pengetahuan dan Pencapaian Dalam Bahasa Inggeris, pengalaman keberhasilan orang lain menjadi sub modul ketiga iaitu Pemodelan Kendiri Dalam Pengajaran, pujukan lisan menjadi sub modul keempat iaitu Penilaian Kendiri Dalam Pengajaran dan reaksi fisiologi dan emosi menjadi sub modul kelima iaitu Pembangunan Emosi Diri. Cara reka bentuk kandungan modul ini adalah sama dengan pendapat Mohammad Aziz Shah (2018) yang menyatakan bahawa untuk reka bentuk pembangunan modul perlu ada teori atau model utama yang berkaitan dengan pemboleh utama kajian.


2. Peringkat Pembangunan

Setelah selesai proses reka bentuk kandungan modul, draf Modul PEMBI dapat dihasilkan. Draf modul disemak kesahannya oleh beberapa orang pakar. Pengkaji telah memilih sembilan orang pakar untuk menyemak kesahan kandungan Modul PEMBI. Kepakaran panel pakar adalah dalam bidang pembangunan modul, bidang psikologi,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bidang pendidikan awal kanak-kanak dan bidang pedagogi. Kemudian, untuk menentukan kebolehpercayaan modul satu kajian rintis dijalankan terhadap 30 orang guru Tadika Islam. Rajah 3.5 menunjukkan carta alir fasa reka bentuk dan pembangunan Modul PEMBI.



Rajah 3.5. Carta Alir Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan Modul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.1 Persampelan Kajian Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan

Sembilan orang pakar dilibatkan sebagai peserta kajian bagi mendapatkan input berkaitan reka bentuk dan kandungan modul. Pakar-pakar ini terdiri daripada ahli akademik dan profesional dari universiti dan institut pendidikan guru. Pemilihan peserta kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan iaitu teknik pemilihan subjek kajian dengan mengambil kira pertimbangan-pertimbangan tertentu. Pertimbangan dimaksudkan dalam kajian ini adalah subjek yang dipilih dianggap pakar dalam bidang kajian yang dijalankan dan subjek yang dipilih dijangkakan dapat memberikan data secara komprehensif. Selain itu subjek ini juga memberi persetujuan untuk melibatkan diri dalam kajian ini secara sukarela.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.1.1 Saiz Sampel Kajian Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan

Kajian ini menggunakan kaedah kesahan pakar untuk menilai kandungan draf Modul PEMBI. Pengkaji mengepos surat perlantikan pakar, draf Modul PEMBI, Soal Selidik Kesahan Kandungan Berdasarkan Kandungan Russell (1974) dan Soal Selidik Kesahan Kandungan Kesesuaian Aktiviti Berdasarkan Mohammad Aziz Shah (2010) kepada panel pakar yang terpilih. Pakar akan menyemak dan menilai draf Modul PEMBI dan memberikan maklum balas berkaitan kekuatan, kelemahan dan cadangan penambahbaikan modul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bilangan pakar seramai tiga hingga empat orang adalah terlalu kecil lantas tidak dapat membantu dalam memberikan maklum balas bagi sesuatu isu yang dikaji manakala jumlah pakar yang terlalu ramai akan menimbulkan implikasi negatif terhadap perbelanjaan, masa dan tenaga (Jamaludin Ahmad, 2002). Isu yang penting dalam pemilihan pakar bukan sahaja tertumpu pada saiz semata-mata tetapi bergantung pada kepakaran panel-panelnya (Wiersma & Jurs, 2009). Modul latihan yang baik perlu ada penglibatan daripada pakar dalam bidang tersebut.

Beberapa pengkaji tempatan memilih jumlah pakar yang berbeza-beza untuk kesahan kandungan modul. Kajian Kartini et al. (2009) telah menggunakan tiga orang pakar, Jamariah Muhamad (2020) hanya menggunakan pakar seramai lima orang pakar, Nurul Huda Kasim dan Che Nidzam Che Ahmad (2018) menggunakan seramai lima orang pakar untuk kesahan pakar, Zahri Ramlan (2017) menggunakan seramai enam orang pakar untuk kesahan modul, Nor Hashimah (2016) telah menggunakan tujuh orang pakar Nazeera Ahmad Bazari (2017) seramai 18 orang pakar, Alijah Ujang (2016) menggunakan panel pakar seramai 20 orang, Ngu (2016) seramai 21 orang pakar, Aliza Ali dan Zamri Mehamod (2016) seramai 20 orang pakar, Zainuddin Ibrahim (2017) seramai 24 orang pakar, Shahriza Said (2017) menggunakan seramai 42 orang pakar.

Kajian fasa reka bentuk dan pembangunan modul ini memilih sembilan orang pakar untuk menyemak dan menilai set draf modul yang lengkap adalah mencukupi untuk kajian ini memandangkan pakar yang dipilih mempunyai kepakaran yang bertepatan dengan bidang kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.1.2 Pemilihan Sampel Kajian Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan

Kesahan dengan menggunakan kaedah pengkritik luar "*external critism*". Kaedah ini telah dilaksanakan oleh Mohammad Aziz Shah (2010), Nur Liyana (2016) dan Mariah Kamarudin (2017) berdasarkan Cresswell (2005). Kaedah ini dilakukan dengan memperoleh nilai pekali kesahan bagi setiap panel pakar, kemudian nilai kesahan yang diperoleh akan diambil secara purata daripada skor kumulatif yang terkumpul.

Pemilihan pakar untuk kajian ini adalah berdasarkan kepada tiga kriteria iaitu mempunyai kepakaran dalam pembangunan modul, psikologi, pengajaran Bahasa Inggeris dan pendidikan awal kanak-kanak. Pakar juga telah berkhidmat melebihi 10 tahun ke atas. Kredibiliti kajian akan terjejas sekiranya pakar yang dipilih kurang arif tentang isu kajian (Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Zaharah Hussin, Nurul Rabihah Mat Noh, Ahmad Arifin Sapar & Norlidah Alias, 2013). Oleh itu, beberapa ciri yang digariskan bagi menentukan panel benar-benar pakar dalam bidang pembangunan modul, psikologi, pendidikan awal kanak-kanak dan pedagogi ialah;

- Berkhidmat melebihi 10 tahun dalam bidang tersebut.
- Guru / pensyarah cemerlang dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak.
- Guru / pensyarah cemerlang dalam bidang pembangunan modul / psikologi
- Guru / pensyarah cemerlang dalam bidang pedagogi / kurikulum
- Memberi latihan / kursus mengenai bidang tersebut.

Pakar-pakar yang dinyatakan adalah terdiri daripada:

i. Pensyarah cemerlang dalam pembangunan modul / psikologi
ii. Pensyarah cemerlang dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Pensyarah cemerlang bidang pedagogi / kurikulum

Semasa kajian dalam Fasa Dua iaitu pembangunan modul seramai sembilan orang pakar telah dilibatkan untuk menyemak kesahan kandungan Modul PEMBI sebelum modul menjalani kajian rintis untuk mendapatkan kebolehpercayaan modul. Jumlah pakar tersebut adalah mencukupi, menurut Muhammad Aziz Shah (2018) mencadangkan bilangan pakar yang relevan untuk kesahan kandungan modul adalah minimum tiga orang. Semakin ramai jumlah bilangan pakar maka semakin tinggi kesahan modul tersebut. Agihan dan kriteria panel fasa dua iaitu pembangunan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.10.

Jadual 3.10

Agihan Panel Pakar: Pembangunan Modul PEMBI

Bil.	Kepakaran	Bidang	Bilangan
1	Pendidikan Awal Kanak-Kanak	Pensyarah pakar pendidikan awal kanak-kanak	4 orang
2	Pembangunan Modul	Kaunseling / Psikologi	2 orang
3	Pengajaran dan Pembelajaran	Pedagogi	3 orang

Bagi tujuan kajian rintis untuk menguji kebolehpercayaan draf modul, seramai 30 orang guru Tadika Islam negeri Perak secara persampelan bertujuan telah dipilih. Dua orang fasilitator iaitu guru prasekolah yang juga merangkap sebagai Jurulatih Utama Bahasa Inggeris Prasekolah juga dipilih berdasarkan kesesuaian kelayakan untuk mengendalikan bengkel latihan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.2 Prosedur Kajian Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan

Dalam Fasa Reka Bentuk dan pembangunan pengkaji memohon surat perlantikan pakar bagi menilai draf modul lengkap berserta buku aktiviti kendiri dari Institut Pengajian Siswazah, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Seterusnya, surat perlantikan dipos bersama-sama dengan draf Modul PEMBI, Buku Aktiviti Kendiri, Soal Selidik Kesahan Kandungan Modul PEMBI Berdasarkan Russell (1974) dan Soal Selidik Kesahan Kandungan Kesesuaian Aktiviti Modul PEMBI Berdasarkan Mohammad Aziz Shah (2010). Panel pakar diberi masa dua hingga tiga minggu untuk menyemak draf Modul PEMBI dan perlu mengisi dua soal selidik kesahan kandungan modul yang disediakan. Pakar boleh memberi maklum balas berkaitan kekuatan, kelemahan dan cadangan penambahbaikan modul. Setelah selesai menyemak dan menilai draf Modul PEMBI, panel pakar boleh mengepos semula kepada pengkaji dengan menggunakan sampul pos laju yang telah disediakan oleh pengkaji.

3.5.3 Instrumen Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan

Dalam Fasa 2, pengkaji telah menggunakan Soal Selidik Kesahan Kandungan Modul PEMBI berdasarkan Russell, 1974 dan Soal Selidik Kesahan Kandungan Modul PEMBI berdasarkan aktiviti (Muhammad Aziz Shah, 2010). Seramai 9 orang pakar telah dipilih bagi menentukan kesahan kandungan Modul PEMBI. Ulasan penambahbaikan pakar merupakan data mentah yang penting bagi pengkaji mengubah suai draf modul menjadi modul sebenar yang lengkap dan menarik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Skala bagi penilaian item-item dalam soal selidik ini kesemuanya menggunakan skala semantik iaitu 0 (sangat tidak setuju) dan 10 (sangat setuju). Skala ini dapat memberi hasil yang lebih tepat tentang kebolehpercayaan. Soal selidik jenis semantik dijangka memberi hasil yang lebih tepat (Sidek & Jamaludin, 2005).

3.5.4 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Dalam fasa reka bentuk dan pembangunan, dua soal selidik digunakan iaitu Soal Selidik Kesahan Kandungan Modul PEMBI Berdasarkan Russell (1974) dan Soal Selidik Kesahan Kandungan Kesesuaian Aktiviti Modul PEMBI Berdasarkan Mohammad Aziz Shah (2010). Selidik Kesahan Kandungan Modul PEMBI Berdasarkan Russell (1974) merangkumi lima perkara iaitu (a) menepati sasaran populasi, (b) situasi pengajaran/kaedah pelaksanaan modul adalah bersesuaian, (c) masa yang diperuntukkan untuk menjalankan atau kaedah pelaksanaan modul adalah mencukupi, (d) modul berjaya menyebabkan berlakunya peningkatan pencapaian pengguna modul dalam aspek yang disasarkan dan (e) modul berjaya mengubah sikap pengguna modul ke arah lebih cemerlang.

Kesemua item-item soal selidik disemak secara terperinci dari sudut ketepatan bahasa dan kefahamannya. Soal selidik diberikan kepada tiga orang guru Bahasa Melayu untuk dinilai ketepatan bahasa dan tiga orang pakar dalam pembangunan modul. Berdasarkan pandangan dan cadangan dari pakar maka pengubahsuaian dilakukan terhadap beberapa struktur ayat dan istilah dalam soal selidik kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan cadangan dan pembetulan dari pakar-pakar bahasa yang diperoleh, pengkaji telah membaiki semula item-item ini agar lebih tepat dan bersesuaian.

Pengubahsuaian terhadap soalan dibuat berdasarkan pandangan dan kritikan pakar mencadangkan agar soalan mengukur pencapaian dalam motivasi terus ditukar kepada efikasi kendiri supaya pernyataan lebih spesifik dan jelas. Soal selidik dibuat pengubahsuaian mengikut komen pakar sebelum diedarkan. Satu kajian rintis dijalankan bagi menguji dua soal selidik kesahan kandungan modul dengan meminta beberapa orang pensyarah menjawabnya untuk melihat kefahaman mereka dan kesesuaian dengan objektif kajian.

3.5.5 Penganalisisan Data Kajian Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan

Bagi fasa reka bentuk dan pembangunan modul, Soal Selidik Kesahan Kandungan Modul PEMBI berdasarkan Russell, 1974 dan Soal Selidik Kebolehpercayaan Modul PEMBI Berdasarkan Aktiviti (Muhammad Aziz Shah, 2010) telah digunakan. Data-data yang telah diperoleh dengan mendapatkan pengesahan pakar dianalisis secara manual. Pakar-pakar tersebut akan meletakkan item-item yang dianalisis pada skala 1 hingga 10 iaitu pangkatan yang diwakili sangat tidak memuaskan hingga sangat memuaskan. Keadaan ini boleh dianggap memiliki kesahan yang tinggi apabila majoriti skala pada tahap 7 hingga 10. Dalam menentukan kesahan soal selidik ini, jumlah skor pakar (x) yang diberikan dikira dan dibahagikan kepada jumlah skor sebenar (y) dan didarabkan dengan 100. Hasil keputusan adalah dalam bentuk peratusan (Sidek & Jamaludin, 2005) seperti mana dalam Rajah 3.6.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jumlah skor pandangan pakar (x) / Jumlah keseluruhan skor (y)	X 100	= Skor Kesahan Kandungan

Rajah 3.6. Formula Kesahan Kandungan Sidek & Jamaludin (2005)

Kesahan kandungan soal selidik menurut pandangan pakar adalah tinggi sekiranya pekali kesahan .70 ke atas atau menghasilkan 70 peratus ke atas (Sidek Noah & Jamaludin Ahmad, 2005; Jamaludin Ahmad, 2002; Tuckman & Harper, 2012). Dalam kajian ini, nilai kebolehpercayaan pula diperoleh melalui Soal Selidik Kebolehpercayaan Modul PEMBI. Dalam soal selidik ini pengkaji telah menyediakan item-item berdasarkan kepada langkah pelaksanaan dalam aktiviti PEMBI Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Ia bertujuan untuk melihat tahap kefahaman guru yang terlibat mengikuti kesemua aktiviti Modul PEMBI. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan "*Statistical Packages for the Social Sciences*" (SPSS) versi 23.

3.6 Fasa Pelaksanaan dan Penilaian

Menerusi kajian-kajian terdahulu, terdapat pelbagai cara yang digunakan untuk melaksanakan dan menilai modul yang telah dibangunkan. Contohnya, kajian Tee (2018), menjalankan pemerhatian dan temu bual bagi pembangunan modul permainan kreatif awal sains prasekolah. Alijah Ujang (2016) menjalankan kaedah temu bual terhadap sepuluh orang guru bagi pembangunan sebuah modul pembelajaran Webquest Pendidikan Kesihatan untuk guru pelatih murid bermasalah pembelajaran. Ngu (2016) menjalankan kaedah temu bual terhadap sepuluh orang pelajar dan tujuh orang warga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

emas bagi pembangunan modul kurikulum intergenerasi berasaskan perkongsian kemahiran di antara pelajar dengan golongan warga emas. Aliza Ali (2016) melaksanakan pemerhatian, menilai rekod dan hasil kerja murid bagi pembangunan modul berasaskan bermain bagi meningkatkan kemahiran dalam Bahasa Melayu terhadap kanak-kanak prasekolah.

Selain kaedah pemerhatian dan temu bual, terdapat juga kajian yang menggunakan kaedah kuasi eksperimen. Contohnya, Zanariah Ahmad (2017) menjalankan kaedah kuasi eksperimen terhadap 35 orang pelajar sebagai kumpulan dan 35 orang sebagai kumpulan kawalan bagi membangunkan sebuah modul pedagogi kelas berbalik berasaskan pembelajaran reflektif untuk pelajar politeknik. Shahriza Said (2017) membangunkan sebuah modul latihan pendidikan seksualiti untuk guru program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) peringkat sekolah rendah. Fasa 3 pengkaji menguji kebolehgunaan modul dengan melihat markah skor ujian pra dan ujian pasca terhadap 31 orang guru serta temubual terhadap 5 orang guru.

Zainuddin Ibrahim (2017) membangunkan sebuah modul pembelajaran seni reka grafik berasaskan teknologi dan gaya pembelajaran pelajar bermasalah pendengaran. Fasa 3 melihat markah ujian pos dan ujian pasca untuk dinilai bagi menguji keberkesanan modul terhadap 15 orang pelajar, manakala 10 orang pelajar ditemu bual. Kajian Nazeera Ahmad Bazari (2017) membangunkan sebuah modul dalam talian berasaskan penyelesaian masalah untuk pengajaran penulisan Bahasa Inggeris. Fasa 3 pengkaji mengambil markah ujian pra dan ujian pasca, tinjauan, temu bual dan penulisan reflektif dijalankan. Sebuah kajian yang dijalankan di Jakarta, Indonesia yang berkaitan dengan sebuah program latihan dalam memperbaiki sikap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru sekolah rendah terhadap pendidikan inklusif (Rianta & Kurniawati, 2019). Keberkesanan program latihan yang dinamakan Program Latihan Sekolah Ramah Inklusi (SERASI) dinilai menggunakan kaedah kuasi esperimen. Ujian pra dijalankan dengan menjawab soal selidik sebelum guru mengikuti program latihan selama 8 jam iaitu latihan secara bersemuka dan ujian pasca diberikan selepas guru tamat mengikuti program latihan.

Kajian Syafrimen (2010) membangunkan sebuah modul EQ untuk latihan kecerdasan emosi guru-guru di Malaysia. Bagi fasa ketiga pengkaji menilai skor ujian pra dan ujian pasca dengan melibatkan sampel seramai 33 orang. Pengkaji mengenal pasti tahap EQ sebelum mengikuti bengkel latihan selama 4 hari dan selepas mengikuti bengkel. Sampel yang dipilih seramai 33 orang dalam fasa ketiga merupakan guru yang dipilih daripada 112 orang guru yang memberikan respons terhadap soal selidik bagi fasa pertama kajian. Sebuah kajian Watson (2014) yang membangunkan latihan profesional untuk guru Matematik berdasarkan kepada Teori Pembelajaran Sosial Bandura. Bagi menguji keberkesanan latihan profesionalisme tersebut pengkaji menjalankan kuasi eksperimen. Seramai lapan orang guru dipilih untuk ditemu bual dan tiga orang guru juga dipilih untuk pelaksanaan pemerhatian di dalam kelas.

Hasil analisis pengkaji mendapati terdapat kepelbagaian kaedah penilaian keberkesanan dan kebolehgunaan telah digunakan. Terdapat latihan tidak formal, latihan yang berstruktur yang dijalankan melalui seminar atau bengkel dan kursus akademik latihan perguruan. Kaedah-kaedah ini berbeza dari aspek isi kandungan, tempoh kursus dan fasilitator. Kepelbagaian kaedah ini menentukan impak yang berbeza juga kepada guru. Kepelbagaian saiz sampel juga dapat dilihat dalam kajian-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian tersebut. Oleh itu pengkaji turut memilih kaedah kuasi eksperimen bagi melihat kesan pemboleh ubah tidak bersandar kepada pemboleh ubah bersandar. Di samping itu, pengkaji turut menjalankan temu bual bagi menilai kebolehgunaan modul dari aspek kekuatan, kelemahan dan cara mengatasi kelemahan modul. Selain itu, cara pemilihan sampel adalah menyerupai kajian Syafrimen (2010) iaitu sampel bagi fasa penilaian dipilih daripada 90 orang sampel yang menjawab soal selidik analisis keperluan dengan mengenal pasti min yang hampir setara. Begitu juga dengan Syafrimen (2010) yang mana sampel yang dipilih seramai 33 orang dalam fasa ketiga merupakan guru yang dipilih daripada 112 orang guru yang memberikan respons terhadap soal selidik bagi fasa pertama kajian. Jumlah sampel bagi fasa penilaian juga adalah sama iaitu seramai 33 orang bagi kumpulan eksperimen.

Rajah 3.7 menunjukkan carta alir fasa penilaian Modul PEMBI. Fasa penilaian ini pada mulanya akan melibatkan proses implementasi modul yang telah dibangunkan kepada guru-guru pendidikan awal kanak-kanak. Kemudian ia akan dinilai bagi melihat keberkesanan dan kebolehgunaan serta penambahbaikan yang perlu dilakukan bagi menghasilkan Modul PEMBI yang lengkap (Dick & Carey,1990).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.7. Carta Alir Fasa Pelaksanaan dan Penilaian

Modul latihan yang dibangunkan dalam kajian ini adalah bertujuan sebagai satu latihan pembangunan guru dalam peningkatan efikasi mengajar Bahasa Inggeris. Guru yang terlibat adalah guru pendidikan awal kanak-kanak iaitu guru Tabika KEMAS negeri Perak. Bengkel latihan ini dijalankan di Pusat Kegiatan Masyarakat (KEMAS) Sg. Siput (U) Perak yang mana tempat disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Ipoh. Guru Tabika KEMAS yang dipilih secara rawak berkelompok adalah dari 22

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

parlimen di negeri Perak. Guru perlu menghadiri sepenuhnya bengkel latihan tersebut atas arahan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Pelbagai instrumen digunakan termasuklah soal selidik ujian pra dan ujian pasca, Borang Refleksi Kendiri dan soal selidik temu bual. Shariza Said (2017) juga menggunakan pelbagai kaedah untuk mengumpul data seperti soal selidik ujian pra dan ujian pasca, soal selidik tahap kebolehgunaan modul, temu bual dan pemerhatian. Data yang diperoleh daripada pelbagai kaedah digunakan untuk membuat penambahbaikan kepada modul yang telah dibangunkan. Menurut pengkaji, data yang diperoleh bagi penilaian keberkesanan modul adalah berbentuk kuantitatif, maka untuk meneroka pengalaman dan perasaan guru yang mengikuti modul kaedah temu bual juga dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Modul latihan ini memerlukan 18 jam untuk menghabiskan enam strategi dan 22 aktiviti. Oleh itu, pengkaji telah menyusun setiap strategi modul dijalankan secara mingguan. Modul memerlukan enam minggu untuk menghabiskan keseluruhan isi kandungan. Pelaksanaan modul boleh dilaksanakan secara “marathon” iaitu secara terus selama beberapa hari atau pun dilaksanakan secara berkala iaitu secara mingguan (Mohammad Aziz Shah, 2018; Jamaludin Ahmad, 2015). Dalam kajian ini Modul PEMBI dijalankan secara berkala iaitu secara mingguan dan pilihan ini agak tepat kerana guru yang mengikuti modul diberikan kerja rumah iaitu Latihan Pengukuhan Efikasi sebagai memantapkan lagi pemahaman yang diperoleh di dalam bengkel.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Data dikutip sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan penggunaan modul ini. Ujian pra dijalankan sebelum penggunaan modul dan skor min direkodkan. Ujian pasca dijalankan selepas tamat penggunaan modul. Data daripada ujian pra dan ujian pasca adalah maklumat tahap kepercayaan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris, amalan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris dan tahap kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris. Selain itu, temu bual juga dibuat untuk mendapatkan data kebolehgunaan modul dari aspek kekuatan, kelemahan dan cadangan penambahbaikan. Cresswell dan Clark (2018) mengklasifikasikan reka bentuk gabungan pendekatan kajian yang dipilih sebagai bersesuaian kerana fokus kajian adalah pada kesan dan menggunakan pelbagai cara dalam proses memungut data.

Modul Latihan Pendidikan Seksualiti untuk guru Program Pendidikan Khas Integrasi selama 23 jam dan telah disusun program selama empat hari. Tempoh empat hari adalah 32 jam termasuk masa untuk makan minum dan rehat. Jadi tempoh empat hari adalah mencukupi untuk menghabiskan jumlah jam seperti yang diperuntukkan mengikut modul (Shariza Said, 2017). Manakala Modul PEMBI mempunyai 22 aktiviti dengan jumlah masa sebanyak 18 jam diperlukan. Pengkaji menyusun kandungan modul mengikut strategi selama enam minggu kerana modul mempunyai kandungan sebanyak enam strategi. Jumlah jam keseluruhan merangkumi waktu makan minum dan rehat adalah sebanyak 26 jam.

Bagi minggu pertama iaitu Strategi 1: Pengenalan Modul PEMBI sebanyak 3 jam 30 minit diperlukan untuk menghabiskan tiga aktiviti. Minggu kedua iaitu Strategi 2: Pengetahuan dan Pencapaian Dalam Bahasa Inggeris sebanyak 4 jam diperlukan untuk menghabiskan empat aktiviti. Minggu ketiga iaitu Strategi 3: Pemodelan Kendiri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam Pengajaran sebanyak 4 jam diperlukan untuk menghabiskan empat aktiviti. Minggu keempat iaitu Strategi 4: Penilaian Kendiri Dalam Pengajaran sebanyak 7 jam diperlukan untuk menghabiskan lima aktiviti. Minggu kelima iaitu Strategi 5: Pembangunan Emosi Diri sebanyak 4 jam diperlukan untuk menghabiskan empat aktiviti dan minggu keenam iaitu Strategi 6: Penutup (Transformasi Diri) sebanyak 3 jam 30 minit diperlukan untuk menghabiskan dua aktiviti.

3.6.1 Bengkel Latihan Peningkatan Efikasi Kendiri Mengajar Bahasa Inggeris(BLPMBI)

Isi kandungan utama dalam Bengkel Latihan Meningkatkan Efikasi Kendiri Mengajar Bahasa Inggeris adalah berpandukan kepada Modul PEMBI. Ia bertujuan menggalakkan percambahan ilmu dan idea serta fikiran kritis dalam kalangan peserta bengkel, membantu peserta bengkel mendapat motivasi dalam diri dari aspek pengajaran Bahasa Inggeris, memberi satu pengalaman dan pengetahuan baharu dari segi cara untuk meningkatkan keyakinan diri dalam mengajar Bahasa Inggeris dan mempraktikkan ilmu dan kemahiran berkaitan efikasi kendiri dalam bidang-bidang lain dalam kehidupan. Bengkel tersebut mempunyai beberapa objektif utama iaitu, mengubah corak pemikiran guru menjadi lebih bermatlamat dan lebih positif dalam pengajaran Bahasa Inggeris, mengenal pasti bahawa pengetahuan dalam Bahasa Inggeris boleh mempengaruhi efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris, mengenal pasti bahawa pengalaman keberhasilan orang lain dalam Bahasa Inggeris boleh mempengaruhi efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris, mengenal pasti bahawa penilaian kendiri dalam pengajaran Bahasa Inggeris boleh mempengaruhi efikasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kendiri mengajar Bahasa Inggeris dan mengenal pasti bahawa pembangunan emosi diri boleh mempengaruhi efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris.

Setiap aktiviti dalam bengkel adalah berdasarkan aktiviti dari Modul PEMBI, oleh itu setiap aktiviti mempunyai matlamat yang tersendiri. Strategi 1: Pengenalan Modul PEMBI terdapat dua aktiviti iaitu Aktiviti Mengenali Teori Efikasi kendiri Bandura bertujuan memperkenalkan kepada peserta mengenai efikasi kendiri dan Aktiviti Efikasi kendiri Guru bertujuan menjelaskan kepada peserta mengenai efikasi kendiri guru dan efikasi kendiri pengajaran guru. Strategi 2: Pengetahuan dan Pencapaian Dalam Bahasa Inggeris mempunyai empat aktiviti iaitu Aktiviti Lihat Efikasi Kendiri Orang Lain bertujuan menjelaskan mengenai efikasi kendiri pengajaran umum dan efikasi kendiri pengajaran personel. Aktiviti Pengetahuan Guru bertujuan menjelaskan mengenai pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pedagogi dan pengetahuan pedagogi isi kandungan, Aktiviti Pemikiran Reflektif bertujuan memberitahu peserta cara melaksanakan pemikiran reflektif dalam pengajaran dan manfaatnya dan Aktiviti Pembelajaran Kendiri bertujuan menyedarkan kepentingan pembelajaran kendiri dalam pengajaran Bahasa Inggeris.

Strategi 3: Pemodelan Kendiri Dalam Pengajaran mempunyai empat aktiviti iaitu Aktiviti Bimbingan Rakanku bertujuan menjelaskan kepentingan bimbingan rakan dalam memantapkan kualiti pengajaran dalam Bahasa Inggeris, Aktiviti Mentorku yang bertujuan menjelaskan kepentingan mentor dalam memantapkan kualiti pengajaran Bahasa Inggeris, Aktiviti Motivasiku yang menjelaskan kepentingan motivasi dan cara untuk meningkatkan motivasi dalam mengajar Bahasa Inggeris dan Aktiviti Belajar Menerusi Pemerhatian yang bertujuan menyatakan kepentingan belajar menerusi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemerhatian iaitu terhadap guru-guru yang lebih cemerlang dalam mengajar Bahasa Inggeris.Strategi 4: Penilaian Kendiri Dalam Pengajaran mempunyai empat aktiviti iaitu Aktiviti Kritikan Video yang bertujuan menjelaskan kepentingan melakukan kritikan video untuk memperbaiki kualiti pengajaran sendiri, Aktiviti Jom Tulis Rancangan Pengajaran bertujuan mengenal pasti kelebihan dan kelemahan pengajaran menerusi penulisan rancangan pengajaran harian, Aktiviti Jom Praktik Pengajaran bertujuan untuk mengenal pasti kelebihan dan kelemahan pengajaran sendiri dan rakan-rakan lain dan Aktiviti Maklum Balas Bukannya Kegagalan bertujuan untuk merasionalkan pemikiran apabila menerima maklum balas yang negatif dalam pengajaran dan Aktiviti Kelainan Dalam Mengajar.

Strategi 5: Pembangunan Emosi Diri mempunyai empat aktiviti iaitu Aktiviti Perubahan Fisiologi dan Emosi yang bertujuan untuk mengenal pasti perubahan-perubahan yang berlaku terhadap diri dan emosi sewaktu mengalami pemikiran yang negatif, Aktiviti Mengawal Tekanan bertujuan menjelaskan mengenai cara mengawal tekanan, Aktiviti Piramid Perubahan Tingkah Laku bertujuan menetapkan matlamat dalam pengajaran Bahasa Inggeris dan cara mencapainya dan Aktiviti Positif Minda Dengan Bahasa Inggeris yang bertujuan untuk membentuk minda yang positif dalam pengajaran Bahasa Inggeris. Strategi 6: Penutup (Transformasi Diri) mempunyai dua aktiviti iaitu Aktiviti Fikirkan Boleh yang bertujuan memotivasikan peserta dan fokus terhadap pengajaran Bahasa Inggeris yang berkualiti dan Aktiviti Transformasi Minda yang bertujuan untuk membentuk minda berubah menjadi minda yang positif dan bersedia melakukan perubahan khususnya dalam aspek untuk meningkatkan efikasi kendiri dalam pengajaran Bahasa Inggeris. Kesemua aktiviti-aktiviti di atas memberi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penekanan terhadap cara untuk meningkatkan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris dan cara untuk mengurangkan tahap kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris.

BLPMBI dijalankan sebanyak enam sesi termasuk sesi perkenalan dan penamatan dengan setiap minggu satu sub modul akan dilaksanakan. Tempoh masa keseluruhan BLPMBI ialah 18 jam dan setiap sub modul mempunyai jumlah masa yang berbeza iaitu bergantung kepada aktiviti yang dijalankan. Bengkel ini dikendalikan oleh dua orang fasilitator yang telah diberikan latihan untuk mengendalikan bengkel. Matlamat BLPMBI adalah untuk memberi peluang kepada guru pendidikan awal kanak-kanak untuk meningkatkan tahap efikasi kendiri dan mengurangkan tahap kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris melalui pelbagai aktiviti dan strategi bagi menjana kemahiran dan pengetahuan melalui bengkel yang disertai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.1.1 Objektif Bengkel Latihan Peningkatan Efikasi Kendiri Mengajar Bahasa Inggeris

Objektif bengkel adalah bertujuan untuk membantu guru pendidikan awal kanak-kanak:

- Mengubah corak pemikiran menjadi lebih bermatlamat dan positif terhadap pengajaran Bahasa Inggeris.
- Menentukan bahawa pengetahuan dalam Bahasa Inggeris boleh mempengaruhi efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris.
- Menentukan bahawa pengalaman keberhasilan orang lain dalam Bahasa Inggeris boleh mempengaruhi efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- Menentukan bahawa penilaian kendiri dalam pengajaran Bahasa Inggeris boleh mempengaruhi efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris.
- Menentukan bahawa pembangunan emosi diri boleh mempengaruhi efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris.
- Mengenal pasti sama ada tahap efikasi kendiri yang tinggi dalam mengajar Bahasa Inggeris boleh mengurangkan tahap kebimbangan dalam mengajar Bahasa Inggeris.

3.6.1.2 Jadual Pelaksanaan BLPMBI

Bagi memudahkan pelaksanaan bengkel, jadual pelaksanaan yang lengkap dan jitu disediakan oleh pengkaji bagi memudahkan persediaan fasilitator, penyediaan bahan dan pengaturan masa bagi setiap aktiviti. Berikut merupakan jadual BLPMBI untuk enam minggu pelaksanaannya.

Jadual 3.11

Jadual Pelaksanaan Bengkel Latihan Peningkatan Efikasi kendiri Mengajar Bahasa Inggeris

Minggu Pertama (Strategi 1: Pengenalan Modul PEMBI)			
Masa	Aktiviti Modul	Objektif Aktiviti	Bahan/Alatan
7.45 pagi	Pendaftaran	Menentukan kehadiran peserta bengkel	Senarai Nama Kehadiran Peserta
8.00 – 9.00 pagi (60 minit)	Sesi menjawab soal selidik	a) Menentukan tahap efikasi kendiri guru mengajar Bahasa Inggeris dan tahap kebimbangan guru mengajar Bahasa Inggeris menerusi skor min ujian pra.	Soal Selidik Tahap Efikasi Kendiri Mengajar Bahasa Inggeris dan Soal Selidik Tahap Kebimbangan

(*Bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.11 (*Sambungan*)

Masa	Aktiviti Modul	Objektif Aktiviti	Bahan/Alatan
			Mengajar Bahasa Inggeris
9.00 – 9.30 pagi (30 minit)	Aktiviti 1: *Icebreaking*	a) Berkenalan sesama ahli b) Meluahkan emosi masing-masing berkaitan pengajaran Bahasa Inggeris. c) Menyatakan kepentingan berfikiran positif.	Belon, kertas, pen, pin.
9.30 – 10.45 pagi (45 minit)	Aktiviti 2: Mengenali Teori Efikasi Kendiri Bandura	a) Mengetahui mengenai takrif efikasi kendiri. b) Mengenal pasti proses-proses dalam efikasi kendiri. c) Mengenal pasti sumber-sumber yang boleh mempengaruhi pembentukan efikasi kendiri individu.	a) Alat tulis b) Kertas A4 c) Nota Efikasi Kendiri d) Buku Aktiviti Kendiri Lampiran AK:S2:A1 e) Borang Refleksi
10.45 – 11.15 pagi (30 minit)	Kudapan Pagi		
11.15 – 12.00 tengah hari (45 minit)	Aktiviti 3: Efikasi Kendiri Guru	a) Mengetahui maksud efikasi kendiri dalam pengajaran guru. b) Menyatakan isu-isu pelaksanaan pengajaran dalam Bahasa Inggeris. c) Menyatakan cara untuk menjadi guru yang efektif dalam mengajar Bahasa Inggeris.	a) Alat tulis b) Kertas A4 c) Nota Efikasi Kendiri d) Buku Aktiviti Kendiri Lampiran AK:S1:A3 e) Borang Refleksi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Minggu Kedua (Strategi 2: Pengetahuan dan Pencapaian Dalam Bahasa Inggeris)			
Masa	Aktiviti Modul	Objektif Aktiviti	Bahan/Alatan
7.30 – 8.00 pagi (30 minit)	Latihan Pengukuhan Efikasi Kendiri	a) Menambahkan input berkaitan efikasi kendiri. b) Mengenal pasti efikasi kendiri yang ada pada diri sendiri.	
8.00 – 8.45 pagi (45 minit)	Aktiviti 1: Lihat Efikasi Kendiri Orang Lain	a) Mengetahui definisi efikasi kendiri pengajaran. b) Menjelaskan bahawa efikasi kendiri individu tidak statik tetapi boleh berubah-ubah. c) Mengenal pasti perkara /	a) Alat tulis b) Kertas A4 c) Nota Efikasi Kendiri d) Buku Aktiviti Kendiri

(*Bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.11 (*Sambungan*)

Masa	Aktiviti Modul	Objektif Aktiviti	Bahan/Alatan
		tugasan yang individu miliki tahap efikasi kendiri paling tinggi sehingga tahap efikasi kendiri yang paling rendah.	Lampiran AK:S2:A1 e) Borang Refleksi
8.45 – 9.30 pagi (45 minit)	Aktiviti 2: Pengetahuan Guru	a) Mengetahui definisi pengetahuan. b) Mengenal pasti jenis-jenis pengetahuan yang perlu guru kuasai. c) Menyatakan halangan-halangan yang perlu dilalui untuk menambahkan pengetahuan guru.	a) Alat tulis b) Kertas A4 c) Nota Efikasi Kendiri d) Buku Aktiviti Kendiri Lampiran AK:S2:A2 e) Borang Refleksi
9.30 – 10.45 pagi (45 minit)	Aktiviti 3: Pemikiran Reflektif	a) Mengetahui maksud pemikiran reflektif. b) Menyatakan fungsi otak dalam mempengaruhi tahap efikasi kendiri seseorang individu. c) Mengetahui bahawa pencapaian lepas boleh mempengaruhi tahap efikasi kendiri individu.	a) Alat tulis b) Kertas A4 c) Nota Efikasi Kendiri d) Buku Aktiviti Kendiri Lampiran AK:S2:A3 e) Borang Refleksi
10.45 – 11.15 pagi (30 minit)	Kudapan Pagi		
Data kajian rintis kebolehpercayaan Modul PEMBI dianalisis menggunakan perisian "*Statistical Packages For The Social Sciences*"(SPSS) 23. Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai alpha Cronbach bagi keseluruhan Modul PEMBI adalah .967. Nilai *alpha Cronbach* (α) yang tertinggi adalah bagi Strategi 4: Penilaian Kendiri Dalam Pengajaran iaitu .932. Bagi aktiviti yang mencatatkan nilai alpha Cronbach (α) yang terendah adalah Strategi 6: Penutup – Transformasi Diri iaitu .680. Nilai alpha Cronbach bagi kesemua aktiviti Modul PEMBI melebihi nilai .60. Justeru itu pengkaji menerima saranan Mohd Najib (2004), Chua (2006, 2012) dan Mariah Kamarudin (2017) yang menyatakan nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu melebihi .60.

Keputusan kajian ini menunjukkan kesemua aktiviti Modul PEMBI mencatatkan keputusan nilai "*Cronbach alpha*" melebihi .60, ini membuktikan nilai kebolehpercayaan Modul PEMBI adalah tinggi, boleh diterima dan boleh dipercayai untuk digunakan sebagai rawatan dalam kuasi eksperimen untuk meningkatkan efikasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kendiri mengajar Bahasa Inggeris dan mengurangkan tahap kebimbangan dalam mengajar Bahasa Inggeris bagi kumpulan rawatan. Selain itu, pengkaji juga telah membuat tinjauan berkaitan kelebihan, kelemahan dan cadangan penambahbaikan modul ke atas guru yang mengikuti kajian rintis. Jadual 5.12 di bawah menunjukkan dapatan yang telah diperoleh hasil dari tinjauan yang dijalankan;

Jadual 5.12

Tinjauan mengenai kelebihan, kelemahan dan cadangan penambahbaikan Modul PEMBI

Guru Tadika Islam	Komen
Guru A	• Terbaik, sangat memberikan inspirasi dan menaikkan kefahaman dan kesedaran serta semangat yang ikhlas dan yakin kerana Allah. • Pada peringkat permulaan bengkel kurang menarik. • Adakan simulasi iaitu percakapan di antara peserta
Guru B	• Memberi kesedaran tentang pentingnya idea baru untuk mengajar Bahasa Inggeris di tadika dan dapat membantu meningkatkan pengetahuan dan teknik mengajar Bahasa Inggeris. • Jadual terlalu padat, ada banyak aktiviti. • Bengkel perlu diadakan lebih masa kerana kesuntukan masa agar fasilitator boleh memberikan contoh-contoh pengajaran dengan lebih jelas.
Guru C	• Mendapat ilmu pengetahuan yang berguna dalam bengkel ini • Perlu ada kaedah pengajaran dan teknik kepada guru bagaimana cara mengajar • Banyakkan idea dan tips untuk mengajar dengan baik dalam Bahasa Inggeris
Guru D	• Memotivasikan guru dan memberi pendedahan kepada guru untuk meningkatkan keyakinan diri • Baru rasa hendak faham, bengkel sudah habis, bengkel terlalu cepat • Bengkel perlu dijalankan lebih banyak hari lagi
Guru E	• Adalah amat baik untuk mengetahui tentang modul ini bagi tujuan mengetahui tahap kemampuan diri individu supaya berjaya mencapai efikasi kendiri yang tinggi dalam matlamat yang diingini. • Masa yang tidak mencukupi • Masa untuk melaksanakan bengkel perlu ditambah.
Guru F	• Amat membantu dalam membina keyakinan diri untuk berbahasa Inggeris • Perlu memberikan banyak contoh-contoh dalam penerangan fasilitator

(*Bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.12 (*Sambungan*)

	• Mempelbagaikan aktiviti-aktiviti yang menarik, banyakkan aktiviti berkumpulan.
Sumber	: Tinjauan pengkaji
Sumber kajian	: Enam orang guru Tadika Islam
Tempat kajian	: Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Kangsar
Tarikh tinjauan	: April 2018

5.3.3 Pemurnian dan Penambahbaikan Modul

Sub Soalan 7:

g. Apakah penambahbaikan draf modul setelah menjalani pengesahan pakar dan kajian rintis?

Berdasarkan daripada maklum balas pakar-pakar yang telah memberikan komen berkaitan kekuatan, kelemahan dan cara membuat penambahbaikan, maka pengkaji membuat langkah terakhir bagi menghasilkan draf Modul PEMBI yang lengkap untuk tujuan pelaksanaan dan penilaian bagi fasa ketiga. Pengkaji juga menilai dapatan kebolehpercayaan khususnya merujuk kepada Borang Reflleksi Kendiri dan Buku Aktiviti Kendiri serta hasil tinjauan terhadap enam orang guru. Menerusi Borang Refleksi dan Buku Aktiviti Kendiri pengkaji menyedari terdapat beberapa kelemahan dalam aktiviti modul sama ada dari aspek peruntukan masa, cara pelaksanaan aktiviti modul, kemahiran fasilitator mengendalikan bengkel menggunakan modul dan kesesuaian aktiviti modul. Oleh itu beberapa penambahbaikan dan pemurnian modul dilakukan seperti di dalam Jadual 5.13.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.13

Pemurnian Modul PEMBI Terhadap Peruntukan Masa bagi Setiap Aktiviti dan Kesesuaian Aktiviti

Sub Modul/Aktiviti	Peruntukan Masa Setiap Aktiviti Sebelum Rintis	Peruntukan Masa Setiap Aktiviti Selepas Rintis
Strategi 1:Pengenalan ModulPEMBI		
Penambahan satu aktiviti baru		
Aktiviti Sesi Perkenalan Sebelum Memulakan Aktiviti		30 minit
Aktiviti 1 : Mengenali Teori Efikasi Kendiri Bandura (TEKB)	60 minit	45 minit
Aktiviti 2 : Efikasi Kendiri Guru	60 minit	45 minit
Jumlah masa Strategi 1	2 jam	2 jam
Strategi 2: Pengetahuan dan Pencapaian Dalam Bahasa Inggeris		
Aktiviti 1 : Lihat Efikasi Kendiri Orang Lain	60 minit	45 minit
Aktiviti 2 : Pengetahuan Guru	60 minit	45 minit
Aktiviti 3 : Pemikiran Reflektif	60 minit	45 minit
Aktiviti 4 : Pembelajaran Kendiri	60 minit	45 minit
Jumlah masa Strategi 2	4 jam	3 jam
Strategi 3 : Pemodelan Kendiri Dalam Pengajaran		
Aktiviti 1 : Bimbingan Rakanku	60 minit	45 minit
Aktiviti 2 : Mentorku	60 minit	45 minit
Aktiviti 3 : Motivasiku	60 minit	45 minit
Aktiviti 4 : Belajar Menerusi Pemerhatian	60 minit	45 minit
Jumlah masa Strategi 3	4 jam	3 jam
Strategi 4 : Penilaian Kendiri Dalam Pengajaran		
Aktiviti 1 : Kritikan Video	60 minit	60 minit
Aktiviti 2 : Jom Tulis Rancangan Pengajaran	60 minit	30 minit
Aktiviti 3 : Jom Praktik Pengajaran	60 minit	120 minit
Aktiviti 4 : Maklum Balas Bukannya Kegagalan	60 minit	30 minit
Jumlah masa Strategi 4	4 jam	4 jam
Strategi 5 : Pembangunan Emosi Diri		
Aktiviti 1 : Perubahan Fisiologi dan Emosi	60 minit	45 minit
Aktiviti 2 : Mengawal Tekanan	60 minit	45 minit
Aktiviti 3 : Piramid Perubahan Tingkah Laku	60 minit	45 minit
Aktiviti 4 : Positif Minda Dengan Bahasa Inggeris	60 minit	45 minit
Penambahan satu aktiviti baru		
Aktiviti 5 : Kelainan Dalam Kaedah Mengajar		90 minit
Jumlah masa Strategi 5	4 jam	4 jam 30 minit
Strategi 6 : Penutup – Transformasi Diri		
Aktiviti 1 : Fikirkan Boleh	60 minit	45 minit

(*Bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.13 (*Sambungan*)

Sub Modul/Aktiviti	Peruntukan Masa Setiap Aktiviti Sebelum Rintis	Peruntukan Masa Setiap Aktiviti Selepas Rintis
Aktiviti 2 : Transformasi Minda	60 minit	45 minit
Jumlah masa Strategi 6	2 jam	1 jam 30 minit
Jumlah Masa Keseluruhan Aktiviti PEMBI	20 jam	18 jam

Berdasarkan kepada jadual di atas, beberapa perubahan perlu dilakukan dalam pemurnian Modul PEMBI. Antaranya ialah peruntukan masa bagi setiap aktiviti mengalami perubahan apabila pengkaji mencuba Modul PEMBI dalam kajian rintis. Pada asalnya, untuk melengkapkan pelaksanaan Modul PEMBI memerlukan masa selama 20 jam, namun setelah menjalani kajian rintis Modul PEMBI hanya memerlukan masa selama 18 jam bagi pelaksanaan keseluruhan aktiviti Modul PEMBI. Bagi kesesuaian aktiviti, pengkaji perlu menambah dua aktiviti baru iaitu aktiviti sesi perkenalan bagi permulaan sesi Strategi 1 dan Aktiviti 5: Kelainan Dalam Kaedah Mengajar bagi Strategi 4: Penilaian Kendiri Dalam Pengajaran.

Bagi sesi perkenalan ia bertujuan untuk membina hubungan yang mesra di antara fasilitator dengan peserta pada awal permulaan bengkel. Peserta akan berasa selesa dengan fasilitator dan akan memudahkan perjalanan bengkel apabila adanya sesi interaksi dua hala bersama peserta. Manakala bagi Aktiviti 5: Kelainan Dalam Kaedah Mengajar, pengkaji mendapati guru perlu diberi beberapa pendekatan baru dalam mengajar Bahasa Inggeris kerana apabila perbincangan dalam kumpulan dilaksanakan berkaitan cara penulisan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dan pelaksanaan cara mengajar Bahasa Inggeris, pengkaji mendapati guru-guru banyak menggunakan kaedah mengajar Bahasa Inggeris secara tradisional. Oleh itu, guru-guru pendidikan awal kanak-kanak perlu diberi pendedahan dengan kaedah mengajar yang lebih sesuai dengan perkembangan kanak-kanak masa kini dan mengurangkan tekanan di kalangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru dan kanak-kanak untuk mempraktikkannya di dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris. Pengkaji memperkenalkan pendekatan "*Emotion Body Response*" (EBR) kepada guru kerana pendekatan tersebut mudah dipraktikkan dan sangat membantu penguasaan kanak-kanak dalam pemerolehan kosa kata dan pemahaman kosa kata Bahasa Inggeris. Hal ini telah dibuktikan oleh pengkaji menerusi kajian tindakan yang telah dilaksanakan di kelas prasekolah yang bertajuk "KIT "*Emotion Body Response*" (EBR) Dalam Meningkatkan Penguasaan Dan Pemahaman Kosa Kata Bahasa Inggeris Dalam Kalangan Murid-Murid Prasekolah" (Nur Nazuha Beevi Abdul Aziz, 2018).

Selain itu, dapatan kualitatif juga digunakan untuk menyokong hasil dapatan kajian rintis yang telah dijalankan. Pengkaji cuba melihat keberkesanan Modul PEMBI dengan mengemukakan soalan berkaitan kelebihan dan kelemahan modul dan cadangan penambahbaikan untuk memperbaiki kualiti modul. Hasil tinjauan terhadap enam orang guru yang telah mengikuti bengkel latihan bagi kajian rintis mendapati terdapat beberapa kelemahan yang perlu pengkaji lakukan penambahbaikan dan pemurnian agar kualiti Modul PEMBI menjadi bertambah baik. Di antaranya adalah berkaitan dengan masa pelaksanaan modul yang perlu dipanjangkan agar setiap aktiviti modul dapat dijalankan dengan baik. Nota penyampaian fasilitator juga perlu memperbanyakkan contoh-contoh yang boleh dikaitkan dengan kehidupan peserta. Ini memudahkan peserta untuk memahami kandungan modul yang ingin disampaikan. Peserta mengharapkan adanya aktiviti mengenai kaedah mengajar Bahasa Inggeris dengan menarik bagi meningkatkan pengetahuan pedagogi. Aktiviti-aktiviti dalam modul perlu dipelbagaikan agar peserta dapat terlibat aktif dan menyeronokkan. Ini dapat mengelakkan aktiviti modul dijalankan seperti kuliah. Namun begitu, Modul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PEMBI mempunyai kelebihan-kelebihan yang juga dapat meningkatkan lagi keberkesanan modul dalam mencapai objektif yang telah ditetapkan iaitu meningkatkan tahap efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris dan mengurangkan tahap kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris. Pemurnian Modul PEMBI perlu dilakukan berdasarkan respons peserta bengkel dan kemudian dapat dilaksanakan dalam kajian sebenar untuk melihat kebolehgunaan modul atau penilaian modul.

Berdasarkan penilaian yang dibuat, pengkaji masih perlu memperbaiki langkah-langkah dalam pelaksanaan aktiviti modul. Ini kerana langkah-langkah pelaksanaan aktiviti yang jelas, spesifik dan mudah difahami dapat membantu fasilitator mengendalikan modul dengan berkesan. Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad (2005), telah membahagikan aktiviti modul kepada dua iaitu aktiviti modul berbantukan fasilitator dan aktiviti modul tanpa berbantukan fasilitator. Modul PEMBI merupakan sebuah modul berbantukan fasilitator iaitu aktiviti modul perlu dilaksanakan dengan bantuan fasilitator. Oleh itu, Modul PEMBI memerlukan fasilitator yang memahami dan berkemampuan untuk melaksanakan aktiviti modul dengan mudah, cekap dan sempurna. Hal ini menunjukkan pengkaji perlu memperbaiki langkah-langkah pelaksanaan aktiviti-aktiviti Modul PEMBI dan perlu memberi latihan kepada fasilitator berkaitan pelaksanaan modul iaitu dapat mengesan setiap perkembangan dan aktiviti pengguna modul agar berjalan dengan teratur dan sistematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Semasa kajian rintis dijalankan salah satu kelemahan yang dapat dilihat ialah cara pengendalian modul oleh fasilitator. Fasiliator masih perlu diberi latihan yang secukupnya supaya dapat mengendalikan Modul PEMBI dengan berkesan. Menurut Habibah Elias (1991), pengendali aktiviti modul hendaklah terdiri daripada individu yang berminat dan telah mendapat latihan secukupnya bagi menyediakan diri secukupnya sebelum menjalankan sesuatu aktiviti modul. Hal ini menunjukkan pengkaji ,masih perlu menjalankan program latihan bersifat dalaman untuk memberi penjelasan berkaitan dengan kaedah pelaksanaan aktiviti Modul PEMBI. Fasilitator juga harus mengambil kira beberapa aspek bagi menentukan kelicinan, kelancaran dan keberkesanan aktiviti modul seperti faktor tempat pelaksanaan, masa pelaksanaan, peralatan yang perlu disediakan, media yang digunakan, suasana yang merangsang ketika mengendalikan aktiviti modul dan faktor kesediaan fasilitator itu sendiri. Ini menunjukkan latihan yang secukupnya kepada dua orang fasilitator Modul PEMBI yang telah dipilih perlu ditingkatkan lagi agar lebih bersifat profesional.

Beberapa kelemahan Modul PEMBI yang telah dikenal pasti ialah, masa aktiviti dan kesesuaian aktiviti. Aktiviti-aktiviti Modul PEMBI yang ditetapkan tempoh masa oleh pengkaji adalah berdasarkan kepada Teori Efikasi Kendiri Bandura dan pandangan pakar-pakar. Maka untuk mengetahui ketepatan pemilihan aktiviti dan peruntukan masa aktiviti yang ditetapkan adalah menerusi pelaksanaan kajian rintis modul. Ia berbeza dengan pembangunan modul yang hanya mengubah suai modul sedia ada dari luar negara dan dilaksanakan di negara kita, oleh itu pengkaji boleh terus mereplika pemilihan aktiviti-aktiviti dan peruntukan masa yang telah ditetapkan. Ini dapat dilihat dalam kajian Mariah Kamarudin (2017) iaitu Kesan Modul Kemahiran Asas Menolong terhadap pengetahuan dan kemahiran asas menolong Pembimbing Rakan Sebaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu pengkaji dapat mengenal pasti sama ada aktiviti-aktiviti yang dirancang dalam Modul PEMBI dapat membantu meningkatkan tahap efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris dan mengurangkan tahap kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris (pemboleh ubah utama kajian) melalui pengisian Borang Refleksi setiap aktiviti oleh pengguna modul. Di samping itu pengkaji juga dapat menilai kelemahan dalam Buku Aktiviti Kendiri yang perlu diisi oleh pengguna modul setelah mengikuti penerangan oleh fasilitator dan cuba berkongsi dengan pengguna modul yang lain mengenai pandangan dan peluahan emosi yang dibuat. Selain itu, pengkaji perlu menyediakan Senarai Semak Amalan Efikasi Kendiri Mengajar Bahasa Inggeris bagi melihat sama ada guru dapat mempraktikkan pengetahuan yang telah diperoleh sewaktu mengikuti bengkel atau tidak.

Secara keseluruhannya, penambahbaikan dan pemurnian modul perlu dilakukan oleh pengkaji sebelum meneruskan fasa III iaitu fasa penilaian modul. Ini kerana sebarang kesilapan atau kelemahan di dalam Modul PEMBI boleh mempengaruhi kesan keberkesanan modul yang akan dilihat semasa ujian pra dan ujian pos dalam kuasi eksperimen. Tambahan pula. modul yang dihasilkan oleh pengkaji diharapkan dapat digunakan dalam tempoh jangka masa yang panjang, oleh itu pengkaji perlu mengesan sebarang kelemahan modul dan membuat pengubahsuaian agar Modul PEMBI menjadi sebuah modul yang berkualiti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4 Rumusan Dapatan dan Analisis Fasa Reka Bentuk dan Pembanguna

Fasa pembangunan ini melibatkan pembangunan Modul PEMBI dengan berpandukan kepada dapatan analisis keperluan, Teori Efikasi Kendiri Bandura, Model ARCS Keller dan Teori Pembelajaran Androgogi. Reka bentuk modul yang telah siap melalui proses kesahan pakar. Pandangan sembilan orang pakar telah diguna pakai sebagai penambahbaikan semasa memurnikan Modul PEMBI ini. Cadangan pemurnian termasuk aspek peruntukan masa bagi aktiviti dan kandungan atau aktiviti dalam modul. Pemurnian tersebut telah menghasilkan draf modul yang sedia untuk diimplementasikan kepada guru pendidikan awal kanak-kanak sebagai kajian rintis modul. Implementasi ini adalah di mana guru pendidikan awal kanak-kanak ini melalui sendiri bengkel latihan menggunakan Modul PEMBI untuk kebolehpercayaan modul. Pemurnian modul dilakukan sekali lagi berdasarkan pandangan peserta bengkel latihan dan fasilitator. Akhirnya, draf modul yang lengkap dapat dihasilkan dan bersedia untuk digunakan dalam fasa penilaian kebolehgunaan modul. Draf modul yang lengkap akan diuji keberkesanannya dalam mempengaruhi kepercayaan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris, amalan efikasi mengajar Bahasa Inggeris dan tahap kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris. Kebolehgunaan modul juga dilihat dari aspek kekuatan, kelemahan dan cara mengatasinya terhadap pengguna modul iaitu guru dan fasilitator.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 6

DAPATAN FASA PENILAIAN

6.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan tentang dapatan fasa tiga iaitu penilaian keberkesanan dan kebolehgunaan Modul PEMBI. Penilaian keberkesanan dan kebolehgunaan modul adalah berdasarkan pelaksanaan kuasi esperimen dan retrospeksi pengguna modul yang bertujuan untuk mengenal pasti kesan modul terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu kepercayaan efikasi kendiri, amalan efikasi kendiri dan tahap kebimbangan serta melihat pandangan subjektif guru pendidikan awal kanak-kanak setelah mengikuti Bengkel Latihan Meningkatkan Efikasi Kendiri Mengajar Bahasa Inggeris yang berpandukan kepada Modul PEMBI dan juga fasilitator yang telah mengendalikan bengkel tersebut. Daripada 33 orang guru pendidikan awal kanak-kanak yang telah mengimplementasikan Modul PEMBI seramai lapan orang daripada mereka dan dua orang jurulatih utama (fasilitator) telah ditemu bual dengan soalan separa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berstruktur.Perbincangan mengenai dapatan kajian dan analisis data bagi bab ini adalah berdasarkan soalan kajian berikut:

1) Apakah tahap penilaian keberkesanan Modul PEMBI terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu kepercayaan efikasi kendiri, amalan efikasi kendiri dan tahap kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris?

Bagi menjawab soalan kajian ini, sebanyak tiga sub soalan kajian telah dibentuk iaitu;

a) Apakah kesan modul latihan terhadap kepercayaan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris sebelum dan selepas mengikuti modul latihan?
b) Apakah kesan modul latihan terhadap amalan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris sebelum dan selepas mengikuti modul latihan?
c) Apakah kesan modul latihan terhadap kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris sebelum dan selepas mengikuti modul latihan?

2) Apakah tahap kebolehgunaan modul latihan untuk meningkatkan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak?

Bagi menjawab soalan kajian ini, sebanyak dua sub soalan kajian telah dibentuk iaitu:

a) Apakah kebolehgunaan Modul PEMBI daripada retrospeksi guru pendidikan awal kanak-kanak?
b) Apakah kebolehgunaan Modul PEMBI daripada retrospeksi fasilitator?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.2 Keberkesanan Modul PEMBI Menerusi Kuasi Eksperimen

Modul ini diuji keberkesanannya dengan melaksanakan bengkel penggunaan modul selama enam minggu melibatkan 33 orang guru Tabika KEMAS negeri Perak. Penilaian keberkesanan modul adalah untuk mengenal pasti sama ada Modul PEMBI (pemboleh ubah bersandar) memberi kesan kepada pemboleh ubah bersandar iaitu kepercayaan efikasi kendiri, amalan efikasi kendiri dan tahap kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris.

6.2.1 Kesan Modul PEMBI Terhadap Kepercayaan Efikasi Kendiri

Bahagian ini menunjukkan bahawa analisis adalah untuk menjawab sub soalan kajian iaitu;

a) Apakah kesan modul latihan terhadap kepercayaan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris sebelum dan selepas mengikuti modul latihan?

Jadual 6.1

Peratus Perubahan Min bagi Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan Domain Kepercayaan Efikasi Kendiri

	Eksperimen				Kawalan			
Domain	Min Pra	Min Pos	Beza Min	Peratus Perubahan	Min Pra	Min Pos	Beza Min	Peratus Perubahan
Kepercayaan Efikasi Kendiri	3.3892	4.0135	0.6243	12.486%	3.4673	3.7387	0.2714	5.428%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian menunjukkan kepercayaan efikasi kendiri guru mengajar Bahasa Inggeris meningkat iaitu terdapat perbezaan sebelum dan selepas penggunaan modul. Jadual 6.1 di atas menunjukkan peratus perubahan min bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan setelah mengikuti bengkel latihan menggunakan Modul PEMBI. Bagi kepercayaan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris kumpulan rawatan menunjukkan perubahan sebanyak 12.48% manakala kumpulan kawalan hanya 5.42 %. Hal ini menunjukkan bahawa Modul PEMBI yang telah dibangunkan oleh pengkaji mampu meningkatkan kepercayaan efikasi kendiri guru mengajar Bahasa Inggeris.

Jadual 6.2

Min Skor Kepercayaan Efikasi Kendiri Sebelum dan Selepas 6 Minggu Rawatan bagi Modul PEMBI

Kumpulan	N	Min (Beza)	Ujian	P
Sebelum rawatan vs Selepas rawatan	66	-0.447±0.474	Ujian T berpasangan t = 7.665	0.000

*Aras signifikan <0.05

Berdasarkan Jadual 6.2, dapat dilihat bahawa p=0.000, iaitu p<0.05, maka wujud perbezaaan yang bermakna dari segi skor kepercayaan efikasi kendiri selepas enam minggu rawatan bagi Modul PEMBI. Daripada nilai min, dapat dilihat bahawa min selepas rawatan adalah lebih besar dari min sebelum rawatan. Bagi skor kepercayaan efikasi kendiri ini bermakna guru semakin mempunyai kepercayaan dalam pengajaran Bahasa Inggeris yang lebih tinggi dengan rawatan Modul PEMBI.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.2.2 Kesan Modul PEMBI Terhadap Amalan Efikasi Kendiri

Bahagian ini menunjukkan analisis adalah untuk menjawab sub soalan kajian iaitu;

b) Apakah kesan modul latihan terhadap amalan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris sebelum dan selepas mengikuti modul latihan?

Jadual 6.3

Peratus Perubahan Min bagi Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan Domain Amalan Efikasi Kendiri

	Eksperimen				Kawalan			
Domain	Min Pra	Min Pos	Beza Min	Peratus Perubahan	Min Pra	Min Pos	Beza Min	Peratus Perubahan
Amalan Efikasi Kendiri	3.0478	3.9751	0.9273	18.546%	3.3798	3.6747	0.2949	5.898%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian menunjukkan amalan efikasi kendiri guru mengajar Bahasa Inggeris meningkat iaitu terdapat perbezaan di antara sebelum dan selepas mengikuti bengkel latihan menggunakan Modul PEMBI. Jadual 6.3 di atas menunjukkan peratus perubahan min bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan setelah mengikuti bengkel latihan. Bagi amalanefikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris kumpulan rawatan menunjukkan perubahan sebanyak 18.54% manakala kumpulan kawalan hanya 5.89 %. Hal ini menunjukkan bahawa bengkel latihan yang menggunakan Modul PEMBI yang telah dibangunkan oleh pengkaji mampu meningkatkan amalan efikasi kendiri guru mengajar Bahasa Inggeris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 6.4

Min Skor Amalan Efikasi Kendiri Sebelum dan Selepas 6 Minggu Rawatan bagi Modul PEMBI

Kumpulan	N	Min (Beza)	Ujian	P
Sebelum rawatan vs Selepas rawatan	66	-0.611±0.578	Ujian T berpasangan t = 8.585	0.000

*Aras signifikan <0.05

Berdasarkan jadual 6.4, dapat dilihat bahawa p=0.000, iaitu p<0.05, maka wujud perbezaaan yang bermakna dari segi skor amalan efikasi kendiri selepas enam minggu rawatan bagi Modul PEMBI. Daripada nilai min, dapat dilihat bahawa min selepas rawatan adalah lebih besar dari min sebelum rawatan. Bagi skor amalan efikasi kendiri ini bermakna guru semakin mempunyai amalan dalam pengajaran Bahasa Inggeris yang lebih baik dengan rawatan Modul PEMBI.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.2.3 Kesan Modul PEMBI Terhadap Tahap Kebimbangan Mengajar Bahasa Inggeris

Bahagian ini menunjukkan analisis adalah untuk menjawab sub soalan kajian iaitu;

c) Apakah kesan modul latihan terhadap kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris sebelum dan selepas mengikuti modul latihan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 6.5

Peratus Perubahan Min bagi Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan Domain Tahap Kebimbangan

	Eksperimen				Kawalan			
Domain	Min Pra	Min Pos	Beza Min	Peratus Perubahan	Min Pra	Min Pos	Beza Min	Peratus Perubahan
Tahap Kebimbangan	3.1508	2.4485	0.7023	14.046%	3.1798	3.1818	0.002	0.04%

Dapatan kajian menunjukkan tahap kebimbangan guru mengajar Bahasa Inggeris menurun setelah mengikuti kesemua sesi dalam bengkel latihan menggunakan Modul PEMBI. Jadual 6.5 di atas menunjukkan peratus perubahan min bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan setelah mengikuti bengkel latihan. Bagi tahap kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris, kumpulan rawatan mengalami penurunan sebanyak 14.04% berbanding dengan kumpulan kawalan menurun sebanyak 0.04%. Hal ini menunjukkan bahawa bengkel latihan yang telah menggunakan Modul PEMBI yang telah dibangunkan oleh pengkaji mampu mengurangkan tahap kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris.

Jadual 6.6

Min Skor Tahap Kebimbangan Sebelum dan Selepas 6 Minggu Rawatan bagi Modul PEMBI

Kumpulan	N	Min (Beza)	Ujian	P
Sebelum rawatan vs Selepas rawatan	66	-0.350±0.689	Ujian T berpasangan t = 4.128	0.000

*Aras signifikan <0.05

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 6.6, dapat dilihat bahawa p=0.000, iaitu p<0.05, maka wujud perbezaaan yang bermakna dari segi skor tahap kebimbangan selepas enam minggu rawatan bagi Modul PEMBI. Daripada nilai min, dapat dilihat bahawa min selepas rawatan adalah lebih kecil dari min sebelum rawatan. Bagi skor tahap kebimbangan ini bermakna guru semakin mempunyai tahap kebimbangan yang lebih rendah dengan rawatan Modul PEMBI.

6.3 Rumusan Fasa Penilaian: Keberkesanan Modul PEMBI terhadap Pemboleh ubah Bersandar (Kepercayaan Efikasi Kendiri, Amalan Efikasi Kendiri dan Tahap Kebimbangan)

Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan skor min bagi kepercayaan efikasi kendiri dan amalan efikasi kendiri selepas mengikuti bengkel latihan menggunakan Modul PEMBI. Manakala terdapat pengurangan skor min bagi tahap kebimbangan selepas mengikuti bengkel latihan menggunakan Modul PEMBI. Kepercayaan efikasi kendiri meningkat sebanyak 12.49%, amalan efikasi kendiri meningkat sebanyak 18.55% dan tahap kebimbangan menurun sebanyak 14.01% selepas mengikuti bengkel latihan menggunakan Modul PEMBI. Hal ini menunjukkan Modul PEMBI dapat mempengaruhi dan menunjukkan perbezaan skor min bagi kumpulan rawatan selepas enam minggu mengikuti bengkel latihan menggunakan Modul PEMBI.

Keberkesanan Modul PEMBI sebagai pemboleh ubah tidak bersandar dinilai sama ada dapat memberi kesan terhadap pemboleh ubah bersandar kajian iaitu kepercayaan efikasi kendiri, amalan efikasi kendiri dan tahap kebimbangan. Hasil dapatan Ujian T berpasangan menunjukkan bahawa p=0.000, iaitu p<0.05 bagi ketiga-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tiga pemboleh ubah. Maka dengan ini wujud perbezaaan yang bermakna dari segi skor kepercayaan efikasi kendiri, skor amalan efikasi kendiri dan skor tahap kebimbangan selepas enam minggu rawatan bagi Modul PEMBI.

6.4 Kebolehgunaan Modul PEMBI Daripada Retrospeksi Pengguna Modul

6.4.1 Penilaian Kebolehgunaan Modul Oleh Guru Tabika KEMAS

Perbincangan dalam bahagian ini adalah berdasarkan hasil kajian yang telah diperolehi daripada anlisis transkripsi temu bual ke atas 8 orang guru Tabika KEMAS. Pengkaji akan membincangkan dapatan kajian serta analisis data bagi menjawab sub soalan kajian satu di atas iaitu:

a) Apakah kebolehgunaan Modul PEMBI daripada retrospeksi guru pendidikan awal kanak-kanak?

Perbincangan seterusnya ini adalah untuk menjawab sub soalan kajian tersebut. Kebolehgunaan Modul PEMBI dari retrospektif guru pendidikan awal kanak-kanak ini boleh dijelaskan berdasarkan tema-tema berikut:

- Kekuatan modul
- Kelemahan modul
- Penambahbaikan modul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.4.1.1 Kekuatan Modul PEMBI

Analisis data temu bual mendapati terdapat beberapa kekuatan modul yang dikenal pasti oleh guru tadika. Kekuatan utama Modul PEMBI daripada retrospeksi guru pendidikan awal kanak-kanak adalah seperti berikut:

- Perubahan personaliti guru
- Peningkatan pengetahuan dan kemahiran
- Pengajaran lebih menarik
- Perkembangan emosi guru
- Panduan kepada guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(i) Perubahan Personaliti Guru

Salah satu faktor penting impak setelah mengikuti mana-mana kursus yang amat memberangsangkan ialah perubahan personaliti guru itu sendiri. Walau setinggi mana input yang diperoleh menerusi kursus atau latihan, jika guru tidak berubah maka segala input akan menjadi sia-sia. Analisis temu bual mendapati guru memperoleh beberapa petunjuk yang memerlukan perubahan terhadap diri khususnya pemikiran dan tingkah laku setelah mengikuti modul latihan ini. Terdapat beberapa orang guru daripada mereka berpendapat:

> ....rasa macam lebih yakin nak mengajar Bahasa Inggeris..sebelum ni dok rasa takut-takut jugak..ni dah berani bila nak mengajar (GT 2)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

....lepas balik kursus rasa macam ada semangat baru dengan bermotivasi .sikit..tak sabar nak mengajar dan praktik input dari bengkel..apa-apa pun sikap kena ubah dulu.. (GT 5)

....bengkel tu bantu saya jadi berani nak cuba cakap Bahasa Inggeris walaupun "*grammar*" tak berapa betul..janji nak cuba cakap kat kelas, baru murid-murid boleh belajar cakap... (GT 4)

...ubah sikap jadi cikgu yang bersemangat dan terbaik dalam didik anak. bangsa supaya dapat kuasai Bahasa Inggeris dengan baik (GT 1)

....saya lebih bermotivasi nak didik anak murid...jangan takut melakukan kesalahan kerana kesalahan adalah kunci kejayaan (GT 8)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(ii) Peningkatan Pengetahuan dan Kemahiran

Matlamat utama kursus atau bengkel adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta terhadap aspek-aspek yang menjadi target dalam menjadi guru yang efektif mengajar Bahasa Inggeris. Input-input yang diperoleh mungkin merupakan input yang baru atau pun berkait dengan pengetahuan sedia ada guru. Analisis temu bual mendapati guru memperoleh banyak pengetahuan baru dan kemahiran-kemahiran baru dalam meningkatkan potensi diri dan juga pengajaran setelah mengikuti modul latihan ini. Terdapat beberapa orang guru daripada mereka berpendapat:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

....ini pertama kali dengar pasal efikasi kendiri..rupa-rupanya efikasi kendiri ni sangat penting dalam kehidupan kita..selain efikasi kendiri dapat banyak info menarik tentang pengajaran Bahasa Inggeris juga..ada juga info mengenai PAK-21 yang sebelum ni memang tak pernah buat dalam kelas.... (GT 6)

....input yang penting untuk jadi bermotivasi dalam mengajar Bahasa Inggeris..ada juga maklumat mengenai cara nak kawal tekanan dan bimbang bila nak mengajar Bahasa Inggeris.... (GT 5)

....tau cara macam mana nak jadi guru yang efektif mengajar di sekolah dan kena belajar cara nak ajar murid bagi menarik...lagi satu cikgu boleh guna strategi-strategi pengajaran baru yang Puan A ajar... (GT 7)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

....menarik juga efikasi kendiri ni..kita boleh jadi individu yang lebih bermotivasi..ni kali pertama dengar pasal efikasi kendiri ni..memang nak praktik sangat supaya boleh jadi cikgu yang berefikasi kendiri...sebenarnya bila kita ada efikasi kendiri semua masalah nak ajar Bahasa Inggeris kita boleh atasi... (GT 2)

(iii) Pengajaran Lebih Menarik

Tujuan utama untuk meningkatkan efikasi kendiri guru adalah supaya pengajaran guru menjadi lebih efektif. Guru dapat mengajar dengan berkesan dan boleh melahirkan murid-murid yang menguasai kemahiran-kemahiran dalam Bahasa Inggeris. Analisis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

temu bual mendapati guru memperoleh banyak idea-idea untuk mengajar Bahasa Inggeris dengan menarik dan berkesan setelah mengikuti modul latihan ini. Terdapat beberapa orang guru daripada mereka berpendapat:

> ....penceramah banyak bagitau tentang kaedah dan teknik baru dalam mengajar Bahasa Inggeris..saya paling tertarik dengan EBR..kita tak payah dok "*translate"* semua perkataan kepada Bahasa Melayu..... (GT 3)

> ....EBR senang nak praktik..cikgu dah tak payah nak "*translate"* semua dalam Bahasa Melayu, budak pun senang ingat perkataan yang kita ajar..pastu kaedah PAK-21pun boleh cuba guna macam "*gallery walk*", "*round table*"..lagi apa tah nama-nama dia, susah nak ingat...(GT 1)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> ....sebelum ni kalau mengajar Bahasa Inggeris, dok guna kaedah yang sama ja..guna kad imbasan pastu buat buku kerja..sekarang dah reti guna kaedah lain pulak..budak-budak pun mesti seronok...dulu selalu dok fokus pada membaca ja, langsung tak kisah kalau budak tak pandai cakap Bahasa Inggeris... (GT 5)

> ....saya "*try"* bukak youtube pasal cita "*bear"* tu..pastu saya praktik dengan budak- budak..buat gaya semua..sekarang ni budak saya dah hafal la sikit pasal cita "*bear"* tu.. walaupun kita tak pandai ajar Bahasa Inggeris tapi dengan guna ICT ia banyak boleh bantu cikgu mengajar.... (GT 4)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> ....saya cuba mengajar guna komunikasi Bahasa Inggeris walaupun tak reti sangat, campur-campur dengan Bahasa Melayu..nampak murid dah reti jugak la sebut beberapa ayat mudah dalam rutin...masa nak balik tu ada beberapa orang murid dah berani cakap "*Goodbye teacher*".. "*See you tomorrow teacher*"..terkejut jugak.... (GT 7)

(iv) Perkembangan Emosi Guru

Masalah berkaitan emosi adalah kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris. Guru biasanya takut dengan penggunaan Bahasa Inggeris khususnya sebagai alat komunikasi di dalam kelas. Apabila guru bimbang, reaksi fisiologi dan psikologi akan berlaku dan boleh mengganggu pengajaran di kelas. Analisis temu bual mendapati guru mengetahui cara untuk menjadikan diri beremosi positif dengan Bahasa Inggeris setelah mengikuti modul latihan ini. Terdapat beberapa orang guru daripada mereka berpendapat:

> ....kalau dulu langsung tak berani nak guna Bahasa Inggeris..sekarang ni dah berani sikit, tak rasa takut sangat... (GT 7)

> ....lepas ikut bengkel baru saya tau rupa-rupanya kita boleh kawal rasa takut atau bimbang dalam Bahasa Inggeris ni...ada caranya sekarang seronok sikit nak mengajar Bahasa Inggeris... (GT 6)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

....seronok ajar Bahasa Inggeris..apatah lagi bila tiba-tiba murid dah pandai sebut beberapa perkataan dengan ayat pendek..saya suka lagu "*Walking*"..."*Walking*" tu masa slot EBR..murid belajar guna "*action*"... (GT 4)

....lepas habis bengkel rasa tak sabar nak ajar Bahasa Inggeris..nak bagi hilang rasa takut..nak cuba yang terbaik...sebenarnya kita boleh cuma tak yakin dengan takut ja... (GT 3)

(v) Panduan kepada Guru

Adalah sangat penting guru diberi pendedahan mengenai cara-cara untuk meningkatkan efikasi kendiri. Setelah mengetahui cara yang betul guru dapat mempraktikkan sendiri dengan bantuan rakan-rakan seperjuangan. Ini kerana guru-guru telah dibekalkan dengan nota mengenai efikasi kendiri dan begitu juga dengan Buku Latihan Efikasi Kendiri yang mana guru dapat menjawabnya secara kendiri untuk mengubah cara pemikiran guru. Analisis temu bual mendapati guru mengetahui cara-cara untuk meningkatkan efikasi kendiri dan juga efikasi kendiri dalam pengajaran Bahasa Inggeris setelah mengikuti modul latihan ini. Terdapat beberapa orang guru daripada mereka berpendapat:

....sentiasa buat refleksi kendiri terhadap pengajaran yang kita dah buat, dari situ baru kita nampak apa kelemahan pengajaran kita..kawan juga boleh bagi komen tentang pengajaran kita..tak perlu la kita asyik harap pentadbir sebab jarang depa nak buat pemantauan pengajaran Bahasa Inggeris.... (GT 3)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

....cuba cari seorang guru yang cemerlang mengajar Bahasa Inggeris supaya dia jadi mentor kita, kalau apa-apa yang kita tak tau kita boleh rujuk pada mentor kita..tak la kita ajar benda yang salah pada anak murid...sebelum ni memang tak pernah ada mentor pun dalam Bahasa Inggeris, dok tanya kawan-kawan ja, tu pun kadang depa sendiri tak tau sangat... (GT 8)

....kita kena sanggup korbankan duit, masa dan tenaga juga..kena cuba cari kursus-kursus yang berkaitan dengan pengajaran Bahasa Inggeris, barulah kita lengkap dengan ilmu mengajar... (GT 6)

....penting kita jangan rasa takut nak mengajar Bahasa Inggeris, sampai bila kita nak rasa takut..rasa takut tu akan hilang kalau kita berusaha guna Bahasa Inggeris sebab kita rajin praktis.. (GT 2)

....kadang-kadang takut nak bercakap Bahasa Inggeris...takut pembantu murid gelak..takut tersalah cakap..tapi sebenarnya buat apa nak malu kalau kita dah cari cara yang terbaik untuk mengajar...yang penting hasil yang positif kepada murid-murid kita.. (GT 1)

6.4.1.2 Kelemahan Modul PEMBI

Beberapa kelemahan modul ini telah dikenal pasti berdasarkan analisis temubual lapan orang guru tadika yang telah mengimplementasikan modul. Kelemahan tersebut merangkumi:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- Penambahan aktiviti berbentuk praktikal
- Masa perlu ditambah

(i) Penambahan Aktiviti Berbentuk Praktikal

GT 5 dan GT 8 menyatakan tentang masalah masa seperti berikut:

> Kelemahan saya rasa...perlu berikan banyak contoh-contoh cara mengajar Bahasa Inggeris di dalam kelas..contohnya video-video atau gambar yang boleh dijadikan sebagai panduan kepada kami yang tak berapa tau mengajar dengan betul...(GT5)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Banyakkan aktiviti yang aktifkan minda macam lakonan, main peranan yang memerlukan guru bercakap dalam Bahasa Inggeris...secara tak langsung aktiviti macam tu boleh tingkatkan lagi keyakinan guru untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris...(GT8)

(ii) Masa Perlu Ditambah

> Jadual bengkel ni macam padat sikit, tak sempat nak rehatkan diri..tu jadi letih sikit sebab latihan-latihan dalam bengkel ni banyak memerlukan kita berfikir...(GT1)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ada juga kami tak sempat nak lengkapkan Buku Aktiviti Kendiri sebab masa tak cukup.bila nak jawab buku tu kami kena ingat balik pengalaman dan perasaan yang dulu-dulu..jadi memang ambik masa sikit....(GT4)

6.4.2 Penilaian Kebolehgunaan Modul Oleh Fasilitator

Perbincangan dalam bahagian ini adalah berdasarkan hasil kajian yang telah diperolehi daripada analisis transkripsi temu bual ke atas dua orang jurulatih utama Bahasa Inggeris prasekolah. Pengkaji akan membincangkan analisis data dan dapatan kajian berdasarkan subsoalan kajian berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b) Apakah kebolehgunaan Modul PEMBI daripada retrospeksi fasilitator?

Perbincangan seterusnya ini adalah untuk menjawab sub soalan kajian tersebut. Kebolehgunaan Modul PEMBI daripada retrospeksi jurulatih utama Bahasa Inggeris prasekolah ini boleh dijelaskan berdasarkan tema-tema berikut :

- Kekuatan Modul
- Kelemahan Modul
- Penambahbaikan Modul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.4.2.1 Kekuatan Modul

Berdasarkan analisis temu bual dengan dua orang jurulatih utama Bahasa Inggeris prasekolah yang juga merupakan guru prasekolah berpengalaman, pengkaji dapat mengenal pasti kekuatan utama modul seperti berikut:

- Kesesuaian Modul
- Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru tadika
- Mudah diikuti dan menarik

(i) Kesesuaian Modul

Kedua-dua jurulatih utama Bahasa Inggeris prasekolah bersetuju Modul PEMBI sesuai digunakan bagi guru pendidikan awal kanak-kanak. Ini dapat dibuktikan melalui penjelasan mereka:

Encik R menyatakan:

> Modul ini sangat membantu guru tadika untuk mengajar Bahasa Inggeris, guru menjadi lebih berkeyakinan untuk mengajar Bahasa Inggeris dan kurang rasa bimbang nak mengajar Bahasa Inggeris sebab di dalam modul ada pengetahuan tentang cara meningkatkan efikasi kendiri dan cara untuk kawal emosi jadi positif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Puan A juga sependapat dengan menyatakan:

> Secara keseluruhannya modul ini sangat membantu guru-guru tadika untuk jadi individu yang hebat, bermotivasi dan berkeyakinan dalam mengajar Bahasa Inggeris. Modul ini boleh dijadikan sebagai modul pembelajaran kendiri bagi guru-guru yang benar-benar ingin membuat perubahan untuk menjadi seorang guru yang berkualiti mengajar Bahasa Inggeris.

Kedua-dua mereka berpendapat bahawa Modul PEMBI mampu untuk bergerak seiringan dengan kursus-kursus Bahasa Inggeris yang dijalankan oleh pihak Kementerian Pendidkan Malaysia yang fokus kepada peningkatan latihan profesionalisme guru dalam Bahasa Inggeris.

Encik R berpendapat:

> Sebenarnya guru pendidikan awal kanak-kanak bukan hanya perlukan kursus Bahasa Inggeris yang hanya fokus kepada pengetahuan kandungan dan pengetahuan pedagogi sahaja. Sebaliknya guru juga perlu diberi pengetahuan untuk meningkatkan keyakinan diri mereka dalam mengajar Bahasa Inggeris.

Beliau menambah lagi:

> Walaupun guru-guru ada yang mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan bagi Bahasa Inggeris namun jika mereka tidak yakin dan takut, mereka tetap tidak boleh jadi guru yang hebat dalam mengajar Bahasa Inggeris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Puan A juga berpendapat sedemikian. Beliau menyatakan:

> ..modul ini merupakan pelengkap kepada latihan profesionalisme yang perlu guru pendidikan awal kanak-kanak hadiri. Ini kerana KPM banyak menganjurkan kursus yang bertujuan untuk menambahkan pengetahuan dalam pengajaran Bahasa Inggeris Sebaliknya modul ini berfungsi untuk mengubah sikap guru agar lebih berkeyakinan dalam mengajar Bahasa Inggeris.

Bahan-bahan Sokongan Modul

Kedua-dua mereka juga menyatakan bahan-bahan sokongan modul amat menarik dan memuaskan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Slaid bagi "*power point"* menarik dan memberi banyak input kepada guru. Begitu juga dengan tugasan yang telah disediakan kepada guru bagi memastikan guru bukan sahaja mempunyai kepercayaan efikasi kendiri malah juga mempraktikkan amalan dalam efikasi kendiri. Latihan pengukuhan efikasi kendiri dapat mengingatkan lagi apa yang telah dipelajari dalam bengkel. (Encik R)

> Buku Aktiviti Efikasi Kendiri sangat membantu guru untuk meneutralkan kembali pemikiran yang negatif untuk ditukar menjadi pemikiran yang positif. Apa yang paling menarik di akhir bengkel semua guru dapat Senarai Semak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Amalan Efikasi Kendiri untuk bimbing guru apa yang perlu dipraktikkan di dalam kelas. (Puan A)

Aktiviti dan Strategi Penyampaian Modul

Sangat menarik dan sesuai untuk mengubah sikap guru menjadi efektif dalam mengajar Bahasa Inggeris. Selain itu guru juga diajar berkaitan dengan kaedah dalam PAK-21.(Encik A)

Tidak membosankan dan pengguna modul dapat mengikuti latihan secara aktif. Bengkel ini menggunakan bermacam-macam strategi penyampaian seperti kolaborasi, PAK-21, pembentangan, perkongsian pengalaman dan peluahan emosi.(Puan A)

(ii) Meningkatkan Pengetahuan dan Kemahiran Guru

Analisis temubual ke atas dua orang jurulatih utama mendapati modul latihan ini dapat memberi nilai tambah kepada guru pendidikan awal kanak-kanak.

Encik R berkata bahawa:

Guru mengetahui kepentingan efikasi kendiri yang mana ia dapat bantu tingkatkan perubahan diri menjadi lebih positif. Bukan itu sahaja guru juga diberi pendedahan mengenai kaedah mengajar Bahasa Inggeris secara efektif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> dan sesuai dengan perkembangan kanak-kanak dan seiring dengan arus pembangunan negara menuju Wawasan 2020.

Puan A pula menyatakan tentang pengetahuan yang berkaitan aspek psikologi merupakan nilai tambah kepada guru pendidikan awal kanak-kanak seperti berikut:

> Memperoleh ilmu berkaitan aspek psikologi seperti efikasi kendiri, motivasi, regulasi kendiri dan sebagainya. Latihan dalam Buku Aktiviti Kendiri menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi yang mana ada soalan memerlukan guru untuk mengaplikasi dan menganalisis maklumat.

Beliau menambah tentang kepentingan guru pendidikan awal kanak-kanak mengetahui mengenai aspek psikologi ini seperti berikut:

> Pengetahuan tentang psikologi dapat membantu guru menjadi seorang individu yang cemerlang kerana dapat memahami mengenai tingkah laku sendiri dan juga tingkah laku orang lain.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Mudah diikuti dan Menarik

Analisis temubual ke atas dua orang jurulatih utama mendapati modul latihan ini menggunakan strategi penyampaian yang menarik dan mudah untuk diikuti.

Encik R berkata bahawa:

> Guru sentiasa bertenaga dan seronok semasa melakukan aktiviti walaupun ada aktiviti yang memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi dan perlu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan daya imaginasi yang tinggi. Walaupun ada aktiviti yang mencabar, namun guru tetap rasa ceria dan mudah melakukan setiap aktiviti dengan jayanya.

Puan A pula menyatakan tentang perancangan aktiviti amat berkait rapat dengan pengetahuan sedia ada dan pengalaman guru dalam pengajaran, jadi mudah untuk guru mengikuti setiap aktiviti dengan baik;

Mempunyai peluang untuk mengaitkan setiap aktiviti dengan pengetahuan dan pengalaman guru. Ini dapat dilihat sewaktu guru melibatkan diri dalam sesi perkongsian pengetahuan dan pengalaman masing-masing.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.4.2.2 Kelemahan Modul

Kekurangan daripada modul ini telah dapat dikenal pasti melalui analisis temubual kedua-dua jurulatih utama Bahasa Inggeris prasekolah yang terlibat. Kekurangan tersebut melibatkan aspek-aspek seperti berikut:

- Tanggungjawab menyiapkan tugasan

(i) Tanggungjawab Menyiapkan Tugasan

Encik R menyentuh tentang komitmen guru untuk menyiapkan Buku Aktiviti Efikasi Kendiri;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Komitmen guru ..apakah panduan untuk memantau mereka.

Encik R menekankan tentang aspek pemantauan tugasan;

> Isu yang mungkin timbul adalah komitmen guru untuk melaksanakan tugasan yang diberi. Mungkin ada guru yang memberikan kerjasama 100% dan mungkin ada guru yang langsung tidak menyumbang apa-apa di dalam aktiviti.

Pernyataan yang hampir sama turut ditimbulkan oleh Puan A seperti berikut:

> ....berkemungkinan hasil tugasan tidak seperti yang diharapkan kerana persepsi guru terhadap tugasan adalah berbeza mengikut pemahaman masing-masing. Ada guru yang langsung tidak cuba untuk menyiapkan Buku Aktiviti Kendiri kerana tiada apa-apa tindakan yang akan dikenakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.4.2.3 Penambahbaikan Modul

Amalan temubual kedua-dua jurulatih utama tentang penambahbaikan modul telah memberikan beberapa cadangan seperti berikut:

- Implementasi modul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(i) Implementasi Modul

Encik R menyatakan cadangannya untuk memastikan komitmen guru dalam menggunakan modul ini seperti berikut:

> Tugasan perlu diberikan ganjaran oleh pihak pengendali guru-guru tadika selain dari token yang disediakan oleh fasilitator. Pemantauan yang berterusan agar guru-guru mendapat maklum balas berkaitan perkembangan kemajuan mereka dalam mencapai objektif modul.
>
> .

Puan A pula menyatakan cadangannya untuk memastikan komitmen guru dalam menggunakan modul ini seperti berikut :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> ..perlu mewujudkan "*whatapp* atau *telegram group*" bagi memudahkan guru-guru berhubung untuk bertanya apa-apa yang berkaitan dengan Buku Aktiviti Kendiri dan Latihan Pengukuhan Efikasi Kendiri. Secara langsung, dapat meningkatkan tahap komitmen guru bila masing-masing berusaha untuk menyiapkan tugasan yang diberikan.

6.5 Rumusan Fasa Penilaian: Kebolehgunaan Modul PEMBI untuk Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak

Berdasarkan kepada dapatan temubual didapati Modul PEMBI banyak membawa kebaikan kepada guru iaitu berlakunya perubahan personaliti guru ke arah kebaikan, peningkatan pengetahuan dan kemahiran guru, pengajaran Bahasa Inggeris menjadi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lebih menarik, perkembangan emosi guru lebih positif terhadap pengajaran Bahasa Inggeris dan modul telah menjadi panduan kepada guru untuk menghadapi sebarang permasalahan dalam pengajaran Bahasa Inggeris. Manakala kelebihan modul turut dinyatakan oleh fasilitator, antaranya ialah kesesuaian modul dengan objektif utama modul dan termasuk bahan-bahan sokongan modul dan strategi atau kaedah pelaksanaan aktiviti. Fasilitator juga menyatakan modul dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru dari pelbagai aspek seperti perubahan aspek psikologikal menjadi lebih positif, mengetahui cara untuk meningkatkan efikasi kendiri dan ilmu mengenai strategi atau kaedah pengajaran yang lebih berkesan dan menarik. Modul juga mudah diikuti dan menarik, guru dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dengan mudah.

Namun begitu, masih terdapat beberapa kelemahan modul berdasarkan pandangan guru iaitu perlu penambahan aktiviti lebih berbentuk praktikal berbanding dengan teori. Masa agak padat kerana pengguna modul tiada masa untuk menenangkan fikiran sebaliknya terlalu banyak dengan aktiviti. Bagi pandangan fasilitator pula menyatakan guru kurang bertanggungjawab untuk menyiapkan latihan atau tugasan. Beberapa penambahbaikan yang dicadangkan oleh fasilitator ialah fokus kepada implementasi modul iaitu ganjaran oleh pihak pentadbir tabika, pemantauan yang berterusan oleh pihak pentadbir dan perlu mewujudkan kumpulan '*whatapps*' atau telegram bagi memudahkan sebarang pertanyaan, memberi pandangan dan menggalakkan komunikasi secara dua hala.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.6 Rumusan Dapatan Fasa Pelaksanaan dan Penilaian

Modul PEMBI diuji keberkesanan dengan melihat aspek kesan modul ke atas kepercayaan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris, amalan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris dan tahap kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris. Dapatan kajian ujian pra dan ujian pasca menunjukkan kepercayaan efikasi kendiri dan amalan efikasi kendiri meningkat selepas penggunaan modul manakala tahap kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris menurun selepas penggunaan modul. Modul ini juga diuji kebolehgunaannya berdasarkan kepada retrosepktif pengguna iaitu guru dan fasilitator dari aspek kekuatan, kelemahan dan cadangan penambahbaikan modul. Dapatan kelebihan modul ialah peningkatan pengetahuan dan kemahiran guru, pengajaran Bahasa Inggeris menjadi lebih menarik, perubahan personaliti guru ke arah kebaikan, perkembangan emosi guru lebih positif, kesesuaian strategi dan material modul. Namun begitu terdapat beberapa kelemahan modul yang perlu diatasi seperti perlu kepada penambahan aktiviti berbentuk praktikal, masa agak padat dan guru kurang bertanggungjawab untuk menyiapkan latihan atau tugasan. Di antara cadangan penambahbaikan ialah perlu ada pemantauan, wujudkan rangkaian hubungan seperti "*whatapps*" atau telegram.

Oleh itu, secara keseluruhan penggunaan modul dapat meningkatkan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak. Modul ini sesuai digunakan seiring dengan latihan pembangunan guru untuk meningkatkan kualiti pengajaran Bahasa Inggeris guru pendidikan awal kanak-kanak yang kebiasaannya hanya fokus kepada peningkatan pengetahuan kandungan dan pedagogi. Penekanan kepada aspek psikologi guru dalam pengajaran Bahasa Inggeris

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tidak seharusnya dipandang remeh kerana salah satu faktor kelemahan guru dalam Bahasa Inggeris adalah disebabkan guru kurang keyakinan diri dan kebimbangan dalam mengajar Bahasa Inggeris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 7

PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

7.1 Pendahuluan

Kandungan bab ini terdiri daripada ringkasan kajian, diikuti perbincangan dapatan kajian, implikasi dapatan kajian, cadangan kajian lanjutan serta rumusan. Bahagian ringkasan kajian memperihalkan tentang pernyataan masalah, tujuan kajian, kaedah kajian, persampelan, kaedah pengumpulan dan penganalisisan data. Seterusnya, perbincangan dapatan kajian merangkumi dapatan tinjauan menggunakan soal selidik dan temubual bagi fasa analisis keperluan, dapatan pandangan pakar untuk kesahan kandungan modul dan kebolehpercayaan modul melalui kajian rintis pada fasa reka bentuk dan pembangunan. Dapatan ujian pra dan ujian pos serta temu bual bagi fasa penilaian. Implikasi dapatan kajian terhadap terhadap teori dan amalan turut dibincangkan dalam bab ini. Akhirnya, di samping rumusan, pengkaji mencadangkan beberapa kajian lanjutan yang boleh dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji akan datang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bagi meningkatkan kualiti latihan guru pendidikan awal kanak-kanak dalam mengajar Bahasa Inggeris di Malaysia.

7.2 Ringkasan Kajian

Kajian ini merupakan kajian yang menggunakan kaedah reka bentuk dan pembangunan yang telah dijalankan dalam tiga fasa. Fasa pertama ialah fasa analisis keperluan. Data dikumpulkan dengan mengutip data berkaitan latar belakang pendidikan, tahap pengetahuan dan pengalaman guru dalam mengajar Bahasa Inggeris, cara guru menjadikan keberhasilan orang lain sebagai panduan, kekerapan mendapat maklum balas berkaitan pengajaran yang telah dijalankan dan tahap kebangkitan emosi bagi pengajaran Bahasa Inggeris dan keperluan pembangunan modul dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak. Bagi temu bual data berkaitan status pelaksanaan Bahasa Inggeris menggunakan bahasa instruksi dalam Bahasa Inggeris, halangan guru tidak melaksanakan pengajaran Bahasa Inggeris menggunakan bahasa instruksi dalam Bahasa Inggeris dan cara mengatasinya cuba dikenal pasti. Pengumpulan data adalah melalui soal selidik kepada 90 orang guru Tabika KEMAS dan disokong dengan data temu bual terhadap lapan orang guru. Tujuan kutipan data ialah untuk mendapatkan maklumat tentang keperluan terhadap Modul PEMBI untuk meningkatkan tahap efikasi kendiri dalam mengajar Bahasa Inggeris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya fasa kedua pula merupakan kajian reka bentuk dan pembangunan ModulPEMBI untuk guru-guru pendidikan awal kanak-kanak. Modul ini direka bentuk berdasarkan kepada dapatan analisis keperluan, Teori Efikasi Kendiri Bandura, Model ARCS Keller dan Teori Pembelajaran Androgogi. Bagi fasa pembangunan, seramai sembilan orang pakar telah memberikan maklum balas bagi penambahbaikan modul. Kemudian modul melalui kajian rintis untuk mendapatkan kebolehpercayaan modul. Seramai 30 orang guru Tadika Islam yang terlibat dengan kajian rintis. Berdasarkan kesahan oleh pakar dan kebolehpercayaan menerusi kajian rintis, maka pemurnian modul dilakukan berdasarkan komen pakar dan guru yang telah mengikuti bengkel menggunakan modul (kajian rintis).

Selanjutnya fasa pelaksanaan dan penilaian dijalankan dengan menggunakan pelbagai instrumen untuk mengutip data. Pelaksanaan modul dijalankan ke atas 33 orang guru Tabika KEMAS secara kursus jangka panjang iaitu selama enam minggu bagi menghabiskan kandungan modul yang berjumlah 18 jam. Tujuannya adalah untuk menilai keberkesanan modul iaitu melihat perubahan skor min kepercayaan efikasi kendiri, amalan efikasi kendiri dan tahap kebimbangan sebelum dan selepas mengikuti bengkel latihan menggunakan Modul PEMBI. Penilaian kebolehgunaan pula terhadap lapan orang guru dan dua orang fasilitator bagi mengenal pasti kekuatan, kelemahan dan cadangan penambahbaikan modul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7.3 Perbincangan Dapatan Kajian

Bahagian ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu perbincangan dapatan fasa satu analisis keperluan, perbincangan dapatan fasa dua: reka bentuk dan pembangunan dan perbincangan dapatan fasa ketiga iaitu penilaian kebolehgunaan modul. Dapatan kajian daripada kesemua fasa memberi tumpuan terhadap teori kajian sebelum ini. Perbincangan juga memberi fokus kepada aspek persamaan dan perbezaan dapatan kajian dengan tinjauan literatur bagi menilai kekuatan serta implikasinya terhadap perkembangan latihan untuk pembangunan guru pendidikan awal kanak-kanak dalam pengajaran Bahasa Inggeris. Berikut adalah perbincangan dapatan secara terperinci.

7.3.1 Perbincangan Dapatan Fasa Analisis Keperluan Merujuk kepada Guru Pendidikan Awal Kanak-kanak

Dalam bahagian ini perbincangan dapatan menjurus untuk menjawab kepada soalan satu iaitu “Adakah pembangunan Modul PEMBI merupakan keperluan kepada guru pendidikan awal kanak-kanak?

Analisis bagi dapatan fasa analisis keperluan dapat menunjukkan tahap efikasi kendiri guru mengajar Bahasa Inggeris merujuk kepada empat sumber bagi pembentukan efikasi kendiri individu iaitu pengetahuan dan pengalaman, pengalaman keberhasilan orang lain, pujukan lisan dan reaksi fisiologi dan emosi. Secara keseluruhan guru hanya memperoleh tahap yang sederhana bagi pengetahuan dan pengalaman serta pengalaman keberhasilan orang lain. Manakala bagi pujukan lisan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan reaksi fisiologi dan emosi guru memperoleh tahap yang rendah. Hasil tersebut telah menggambarkan bagaimana efikasi kendiri guru mengajar Bahasa Inggeris.

Merujuk kepada tahap pengetahuan guru dalam pengajaran Bahasa Inggeris adalah pada tahap sederhana. Tahap pengetahuan guru merangkumi memotivasikan kanak-kanak belajar Bahasa Inggeris, pengurusan kelas, kaedah pengajaran, kawalan kelas, disiplin dan penglibatan ibu bapa. Item-item yang mendapat tahap yang rendah adalah dari aspek kaedah pengajaran seperti cara membuatkan kanak-kanak menyampaikan idea, melafazkan puisi dengan intonasi yang betul, penceritaan semula bahan cerita Bahasa Inggeris, "*high frequency word*", main peranan berpandukan cerita dan membaca dalam Bahasa Inggeris. Hal ini menunjukkan kelemahan guru dalam pengetahuan kandungan dan pedagogi Bahasa Inggeris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ini selari dengan dapatan kajian Uztosun (2016) yang telah mengkaji kepercayaan efikasi guru dalam pengajaran Bahasa Inggeris di Turki, pengkaji mendapati guru mempunyai tahap efikasi yang rendah dalam pengajaran Bahasa Inggeris dari aspek kaedah pengajaran yang boleh bantu meningkatkan kemahiran-kemahiran dalam Bahasa Inggeris, penggunaan pendekatan pengajaran yang lebih menarik dan penggunaan material yang bersesuaian dengan kanak-kanak.Kaedah pengajaran yang berkesan dan menarik merupakan aspek utama yang sangat penting dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris. Menurut Arifani dan Suryanti (2019), gaya pengajaran guru merupakan salah satu penunjuk utama kepada kejayaan di dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris. Semakin kreatif seorang guru maka semakin meningkat pencapaian di dalam kelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Disebabkan guru memperoleh tahap yang rendah bagi pengetahuan dan pengalaman yang mana merujuk kepada pengetahuan subjek dan pedagogi dan juga pengalaman pengajaran Bahasa Inggeris di kelas. Maka, pengkaji telah memasukkan elemen-elemen berkaitan kaedah pengajaran Bahasa Inggeris yang berkesan sebagai isi kandungan modul. Namun begitu, pengkaji menggabungkan dengan konsep efikasi kendiri kerana ia dapat membuatkan guru rasa berkemampuan untuk implementasi input yang telah diperoleh menerusi modul sewaktu pelaksanaan pengajaran Bahasa Inggeris. Kebanyakan individu mempunyai pengetahuan dan kemahiran tetapi tidak digunakan dalam situasi yang baik. Oleh itu, pengetahuan dan kemahiran sahaja tidak dapat memastikan individu mengaplikasikannya. Efikasi kendiri perlu ada.kerana efikasi dapat mengawal pemikiran, perasaan dan tindakan individu yang boleh mencapai sesuatu kejayaan (Bandura, 1986). Di samping itu, guru perlu diberi bimbingan mengenai kepercayaan terhadap kemampuan diri untuk menggunakan pengetahuan mereka secara efektif dalam konteks tertentu (Bandura, 1997).

Dalam Modul PEMBI pengkaji telah memasukkan cara-cara bagaimana untuk meningkatkan efikasi kendiri dalam pengajaran Bahasa Inggeris, jenis-jenis pengetahuan yang perlu guru kluasai untuk menjadi guru yang mempunyai kecekapan yang tinggi dalam mengajar Bahasa Inggeris, konsep pemikiran reflektif dan juga pembelajaran kendiri sebagai salah satu cara untuk guru menambahkan pengetahuan dalam kandungan dan pedagogi tanpa mengharapkan latihan pembangunan guru yang disediakan oleh organisasi. Guru boleh mendapatkan input-input berkaitan kaedah pengajaran Bahasa Inggeris yang berkesan dan menarik di dalam kelas dan bagaimana cara untuk melakukannya. Selain itu, guru juga boleh menambahkan pengetahuan dengan melayari laman sesawang dalam internet untuk melihat gaya pengajaran Bahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Inggeris yang berkesan bukan sahaja di dalam negara malah di luar negara juga. Guru juga diberikan cara-cara untuk meniru rol model yang dipilih sebagai pakar dalam pengajaran Bahasa Inggeris dan teknik-teknik untuk melaksanakannya dalam pengajaran Bahasa Inggeris bersama murid-murid sendiri. Walau bagaimana pun, sumber yang paling penting ialah efikasi kendiri guru.

Dalam cuba memahami mengapa seseorang individu dapat belajar bahasa kedua dengan jayanya berbanding orang lain dengan aptitud dan kebolehan yang hampir sama adalah disebabkan oleh perhatian yang diberikan terhadap individu tentang tugas (Williams & Burden, 1997), kepercayaan individu terhadap kemampuan diri untuk melaksanakan tugas iaitu efikasi kendiri (Bandura, 1997) dan perbezaan individu yang lain seperti strategi-strategi pembelajaran (Cohen, 1998; O'Melley & Chamot, 1990; Oxford, 1990) dan motivasi (Dörnyei 1994; Gardner, 1993). Kesemua faktor-faktor yang dinyatakan di atas merupakan aspek-aspek yang telah dimasukkan ke dalam Modul PEMBI.

Seterusnya, tahap bagi pengalaman keberhasilan guru juga adalah di tahap yang sederhana. Item-item yang di tahap sederhana adalah guru tidak mencari peluang untuk melihat gaya pengajaran guru lain yang efektif, memerlukan mentor Bahasa Inggeris sebagai rol model dan guru tidak mengetahui teknik untuk membuat pemerhatian terhadap pengajaran guru lain agar dapat diaplikasikan oleh diri sendiri. Pengkaji telah memasukkan beberapa aktiviti yang dapat membimbing guru untuk meningkatkan cara menjadikan keberhasilan orang lain sebagai panduan.Dalam kajian Clark dan Newberry (2019) yang mengenal pasti pasti sumber-sumber pembentukan efikasi kendiri yang dimasukkan sebagai isi kandungan dalam program latihan guru, telahmendapati sumber

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengalaman keberhasilan orang lain paling mempengaruhi pembentukan efikasi kendiri guru. Dapatan ini juga disokong oleh Starinne dan Kurniawati (2019) iaitu dapatan menunjukkan pengalaman keberhasilan orang lain turut mempengaruhi pembentukan efikasi kendiri guru pra perkhidmatan mengajar Bahasa Inggeris sewaktu menjalani latihan praktikum.

Bandura (1997) menyatakan pengalaman keberhasilan orang lain merupakan salah satu faktor pembentukan efikasi kendiri individu. Apabila guru dapat melihat keberkesanan dan kejayaan pengajaran Bahasa Inggeris dalam kalangan guru-guru lain maka ini dapat meningkatkan efikasi kendiri guru tersebut untuk mengikuti gaya pengajaran guru yang berjaya tersebut. Oleh itu, pengkaji juga telah memasukkan beberapa aspek penting sebagai isi kandungan Modul PEMBI seperti bimbingan rakan yang mempunyai kecekapan yang tinggi dalam pengajaran Bahasa Inggeris, rujukan kepada mentor Bahasa Inggeris yang juga mempunyai kecekapan yang tinggi dalam pengajaran Bahasa Inggeris, pengetahuan berkaitan motivasi yang dapat mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru dalam Bahasa Inggeris dan teknik untuk meniru keberhasilan orang lain secara berkesan.

Analisis menunjukkan guru mempunyai tahap pujukan lisan yang rendah dalam pengajaran Bahasa Inggeris iaitu penilaian kendiri dalam pengajaran Bahasa Inggeris adalah pada tahap yang rendah. Item-item tersebut adalah guru kurang diberikan ganjaran, merekod pengajaran sendiri secara video untuk dinilai oleh guru lain, kurang mendapat maklum balas berkaitan pengajaran Bahasa Inggeris sama ada positif atau negatif dan kurang mendapat penilaian dari pentadbir atau guru lain berkaitan pengajaran Bahasa Inggeris. Pengkaji memasukkan beberapa aktiviti yang dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membantu guru membuat penilaian kendiri tanpa mengharapkan maklum balas dari pemantauan atau menyediakan cara bagaimana pengajaran guru dapat dinilai oleh orang lain. Bandura (1997) menyatakan pujukan lisan juga dapat mempengaruhi pembentukan efikasi kendiri individu. Pujukan lisan merujuk kepada penilaian atau maklum balas yang guru peroleh berkaitan dengan pengajaran Bahasa Inggeris yang telah dilaksanakan. Dapatan menunjukkan guru-guru Tabika KEMAS mempunyai tahap penilaian yang rendah iaitu guru kurang mendapat maklum balas berkaitan dengan pengajaran Bahasa Inggeris yang dijalankan di dalam kelas. Hal ini dapat merendahkan tahap efikasi kendiri guru mengajar Bahasa Inggeris.

Dalam Modul PEMBI, pengkaji telah menukar kaedah penilaian yang selalunya guru mengharapkan orang lain untuk memberi penilaian iaitu pihak pentadbiran tadika dengan guru boleh mendapat maklum balas dengan sedikit usaha diperlukan. Penilaian yang boleh dibuat adalah lebih kepada penilaian kendiri. Sebagai contoh guru boleh merekod video pengajaran Bahasa Inggeris yang dijalankan dan beri kepada rakan sekerja atau guru yang cemerlang dalam pegajaran Bahasa Inggeris untuk dibuat penilaian agar guru sentiasa mendapat maklum balas untuk membuat penambahbaikan dalam pengajaran Bahasa Inggeris. Selain itu, maklum balas boleh diperoleh dalam kalangan ibu bapa murid-murid guru itu sendiri dengan guru menyediakan beberapa soal selidik untuk mengenal pasti kemajuan murid-murid dalam Bahasa Inggeris berdasarkan retrospeksi ibu bapa. Maklum balas dari ibu bapa juga dapat membantu guru untuk membuat penambahbaikan terhadap pengajaran Bahasa Inggeris yang guru jalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah yang paling moden pada masa kini adalah guru merekod video pengajaran Bahasa Inggeris dan muat turun di dalam "*Youtube*", maka guru boleh mendapat maklum balas yang lebih meluas. Penilaian atau maklum balas pengajaran dari orang lain adalah sangat penting kerana berdasarkan input-input tersebut guru dapat membuat penambahbaikan terhadap pengajaran Bahasa Inggeris yang telah guru jalankan di dalam kelas. Jika sebelum ini guru sering menyatakan tidak pernah mendapat maklum balas terhadap pengajaran Bahasa Inggeris yang dilaksankan di dalam kelas kerana pemantauan jarang dilakukan maka guru perlu mengubah persepsi tersebut dengan memilih kaedah membuat penilaian kendiri.

Seterusnya guru memperoleh reaksi fisiologi dan emosi dalam pengajaran Bahasa Inggeris pada tahap yang rendah. Ia merujuk kepada tahap pembangunan emosi guru iaitu pada tahap yang rendah. Di antara item-itemnya ialah guru berasa tertekan, panik, takut, malu, tidak bersemangat mengajar Bahasa Inggeris. Guru juga mengalami reaksi fisiologi seperti tergagap-gagap atau berpeluh-peluh. Bandura (1997) menyatakan reaksi fisiologi dan emosi mempengaruhi efikasi kendiri individu. Tambahan pula dalam pengajaran bahasa kedua terdapat kajian yang menyatakan kebimbangan merupakan salah satu aspek yang penting. Terdapat hubungan yang ketara bagi motivasi dan kebimbangan dalam pengajaran bahasa kedua atau Bahasa Inggeris. Ramai pengkaji menunjukkan kedua-duanya iaitu motivasi (Clement et al., 1994; Dornyei, 1994; Ehrman, 1996; Gardner & MacIntyre, 1993; Schmidt et al., 1996) dan kebimbangan (Horwitz et al.,1986; MacIntyre & Gardner, 1989) merupakan faktor utama dalam pemerolehan bahasa kedua dan afektif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Horwitz (1986) kebimbangan boleh mempengaruhi reaksi fisiologi dan emosi individu iaitu ia berkaitan dengan kebimbangan dalam pertuturan, kebimbangan terhadap ujian, kebimbangan terhadap penilaian negatif dan ketidakselesaan. Starinne dan Kurniawati (2019) mendapati faktor psikologikal merupakan faktor yang paling utama dalam pembetukan efikasi pengajaran Bahasa Inggeris. Faktor psikologikal merujuk kepada reaksi fisiologi, emosi dan juga psikologi seperti motivasi. Apabila guru mempunyai aspek psikologikal yang negatif dalam pengajaran Bahasa Inggeris seperti malu, takut, kebimbangan, kurang keyakinan diri, kurang bermotivasi, tergagap-gagap, berpeluh-peluh dan sebagainya, maka guru tidak dapat menjalankan pengajaran Bahasa Inggeris dengan efektif. Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian Rohaty Majzub (2013) yang menyatakan guru pendidikan awal kanak-kanak tidak ada keyakinan diri untuk mengajar Bahasa Inggeris menggunakan bahasa instruksi dalam Bahasa Inggeris. Guru pendidikan awal kanak-kanak kurang keyakinan diri dalam mengajar Bahasa Inggeris (Mazlina Che Mustafa et al., 2018).

Oleh itu pengkaji telah memasukkan beberapa aspek yang penting ke dalam isi kandungan Modul PEMBI, di antaranya ialah perubahan fisiologi dan emosi, cara mengawal tekanan, memperkenalkan Piramid Perubahan Tingkah Laku dan cara untuk berfikir secara positif terhadap Bahasa Inggeris. Strategi pembangunan emosi diri adalah sangat penting kerana ia boleh meneutralkan pemikiran guru untuk lebih positif dan mampu mengawal tekanan dan kebimbangan dalam pengajaran Bahasa Inggeris. Kajian Tum (2012) telah mencadangkan beberapa cara untuk mengatasi perasaan kebimbangan menggunakan Bahasa Inggeris iaitu, (i) menerima kenyataan bahawa pengalaman perasaan kekurangan, tekanan dan kebimbangan untuk menggunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahasa Inggeris adalah suatu perkara yang tidak normal (ii) guru perlu dimaklumkan bahawa perasaan kebimbangan untuk menggunakan Bahasa Inggeris juga turut dialami oleh orang lain atau guru lain (iii) kebimbangan merupakan suatu konstruk afektif dan perasaan kebimbangan guru merupakan tindak balas emosi (iv) membangunkan program latihan yang dapat meningkatkan kesedaran guru terhadap pengalaman kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris dan menyedarkan guru mengapa guru bukan penutur asli mengalami perasaan kebimbangan dalam mengajar Bahasa Inggeris dan (v) membantu guru menghargai pencapaian mereka sendiri dalam Bahasa Inggeris dan membiasakan guru dengan teknik relaksasi untuk mengatasinya.

Selain pengkaji mengenal pasti tahap sumber-sumber pembentukan efikasi kendiri guru pengkaji juga mengenal pasti tahap keperluan membangunkan modul latihan untuk meningkatkan efikasi kendiri adalah pada tahap yang tinggi. Item yang mendapat skor min tertinggi ialah guru memerlukan latihan profesionalisme untuk meningkatkan keyakinan diri guru mengajar Bahasa Inggeris. Hal ini menunjukkan betapa perlunya pembangunan modul latihan untuk meningkatkan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris.Selain itu, guru juga memerlukan mentor dalam pengajaran Bahasa Inggeris, bengkel atau kursus motivasi, sumber rujukan seperti Buku Latihan Kendiri, garis panduan dan sebagainya. Apa yang menarik di sini item bagi kursus untuk meningkatkan pengetahuan kandungan guru dalam Bahasa Inggeris berada pada tahap yang sederhana. Guru menunjukkan keyakinan diri lebih penting berbanding dengan pengetahuan kandungan dalam Bahasa Inggeris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan hasil temu bual pula menunjukkan pelaksanaan pengajaran Bahasa Inggeris menggunakan bahasa instruksi dalam Bahasa Inggeris tidak dijalankan sepenuhnya disebabkan tiga faktor halangan utama iaitu tahap kecekapan guru dalam Bahasa Inggeris, keyakinan diri guru dan kurang kesediaan murid-murid. Cadangan guru untuk mengatasi permasalahan di atas adalah dengan penyediaan sumber rujukan, mentor dalam pengajaran Bahasa Inggeris, program peningkatan kualiti pengajaran Bahasa Inggeris dan penggunaan pelbagai kaedah pengajaran seperti penggunaan dwibahasa, menterjemahkan kepada bahasa ibunda, menggunakan simbol, gambar, isyarat secara visual, lagu, bermain dan bertema.

Kecekapan guru dalam Bahasa Inggeris merupakan faktor utama yang diperoleh dalam kajian-kajian terdahulu yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan pengajaran dalam Bahasa Inggeris. Kajian Mardziah Abdullah et al. (2017) mendapati guru tidak patuh pada pelaksanaan pengajaran Bahasa Inggeris menggunakan bahasa instruksi dalam Bahasa Inggeris. Puncanya adalah disebabkan guru mempunyai tahap kecekapan yang rendah dalam Bahasa Inggeris sehingga menyebabkan guru menggantikan penggunaan Bahasa Inggeris kepada bahasa ibunda.

Guru pendidikan awal kanak-kanak lebih menekankan kepada latihan perbualan yang mekanikal berbanding daripada penggunaan Bahasa Inggeris sebagai interaksi dua hala di dalam kelas (Mazlina Che Mustafa et al., 2018). Apa yang pasti kurang kecekapan dalam pengajaran Bahasa Inggeris banyak menimbulkan permasalahan dalam pelaksanaan pengajaran Bahasa Inggeris di kelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ketidakcekapan guru dalam Bahasa Inggeris telah mempunyai hubungan dengan kurang keyakinan diri dalam pengajaran Bahasa Inggeris dan akhirnya menyebabkan pelaksanaan pengajaran yang kurang berkesan (Butler, 2004). Ini merupakan permasalahan yang timbul dalam pengajaran Bahasa Inggeris. Rohaty Majzub (2013) dalam kajiannya mendapati guru pendidikan awal kanak-kanak kurang berminat dengan Bahasa Inggeris dan mempunyai sikap yang negatif terhadap Bahasa Inggeris kerana mempunyai tahap kecekapan yang rendah dalam Bahasa Inggeris. Selain itu, kebimbangan juga merupakan salah satu permasalahan yang timbul. Kebimbangan boleh mempengaruhi keengganan individu untuk bertutur berdasarkan Hipotesis Krashen dan ia berkaitan dengan saringan afektif ("*affective filter*"). Pembelajaran bahasa dalam keadaan reaksi afektif yang tidak bersesuaian akan menyebabkan berlaku saringan atau halangan mental yang akan menghalang pemerolehan bahasa. Kebimbangan juga boleh menimbulkan saringan afektif yang mana akan menghalang individu untuk menerima input dan pemerolehan bahasa tidak mencapai kemajuan.

Tum (2012) dalam kajiannya untuk mengenal pasti sama ada guru bukan penutur asli menghadapi pengalaman kebimbangan dan kekurangan semasa menggunakan Bahasa Inggeris. Dapatan menunjukkan guru bukan penutur asli Bahasa Inggeris menghadapi kebimbangan dalam mengajar Bahasa Inggeris. Penjelasan ini telah memberi jawapan mengapa guru pendidikan awal kanak-kanak tidak dapat melaksanakan pengajaran Bahasa Inggeris menggunakan bahasa instruksi dalam Bahasa Inggeris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu halangan guru tidak menggunakan bahasa instruksi dalam Bahasa Inggeris sewaktu pengajaran Bahasa Inggeris adalah disebabkan oleh kurang kesediaan murid. Sebagai contoh dalam kajian Starinne dan Kurniawati (2019) yang menemu bual seoarang guru berkaitan dengan punca guru tidak melaksanakan pengajaran dalam Bahasa Inggeris adalah disebabkan karakter pelajar di dalam kelasnya;

> *"Hhhh…I went mad, nervous, anxious, reluctant because they were ignored…They talked and talked to their friends themselves. Throwing some papers to other students and not having seat quietly. I was ignored, I often felt annoyed because they imitated and tweaked my English with an annoying expression…finally I teach using Indonesian".*

Apabila guru cuba mengajar dalam Bahasa Inggeris kelihatan murid-murid tidak memberi perhatian kerana mereka tidak faham akan bahasa kedua, maka guru terus menggantikan Bahasa Inggeris tersebut dengan bertutur menggunakan Bahasa Indonesia. Hal ini juga berlaku dengan guru pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia iaitu guru menggantikan pelaksanaan pengajaran Bahasa Inggeris menggunakan bahasa instruksi dalam Bahasa Inggeris kepada bahasa ibunda (Mazlina Che Mustafa et al., 2018).

Walau bagaimana pun, pengkaji melihat masalah kurang kesediaan murid bukan satu permasalahan yang besar. Jika guru mempunyai tahap efikasi kendiri yang tinggi, guru akan cuba berusaha mencari kaedah pengajaran yang membolehkan murid-murid berminat dan bermotivasi dengan pengajaran guru. Guru yang mempunyai tahap efikasi kendiri yang tinggi adalah kurang mengkritik murid apabila murid melakukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesalahan (Ashton & Webb, 1986) dan sanggup memberi sokongan dan boleh mengawal kesukaran tingkah laku dan emosi murid (Poulou & Norwich, 2000, 2002). Justeru itu, efikasi kendiri merupakan konstruk yang sangat penting untuk membantu guru menjadi guru yang efektif dalam melaksanakan pengajaran dalam Bahasa Inggeris.Efikasi Kendiri guru bermaksud guru rasa berkebolehan mengajar subjek yang spesifik kepada murid yang spesifik dalam konteks pengajaran yang spesifik (Tschanen-Moran et al.,1998)

Pandangan guru bagi mengatasi permasalahan guru tidak menggunakan bahasa instruksi dalam Bahasa Inggeris sewaktu pengajaran Bahasa Inggeris di ambil sebagai panduan untuk mereka bentuk isi kandungan Modul PEMBI. Di antaranya ialah pengkaji menyediakan sumber rujukan dari aspek peningkatan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris, memperkenalkan kaedah-kaedah yang mudah dan menariki dalam pengajaran Bahasa Inggeris yang seterusnya latihan menggunakan Modul PEMBI tersebut dapat meningkatkan kualiti pengajaran Bahasa Inggeris khususnya dari aspek perubahan kognitif, afektif dan tingkah laku guru terhadap pengajaran Bahasa Inggeris.

Kesimpulannya, dapatan analisis keperluan ini amat membantu pengkaji untuk mereka bentuk isi kandungan modul latihan untuk meningkatkan efikasi kendiri guru mengajar Bahasa Inggeris. Apa yang paling penting ialah konstruk efikasi kendiri perlu ditekankan dalam pembangunan Modul PEMBI. Terdapat beberapa kajian yang turut menggunakan konstruk efikasi kendiri dalam latihan pembangunan guru. Antaranya ialah Thompson (2016) yang membuat kajian Bahasa Inggeris di Jepun, telah mencadangkan agar faktor efikasi kendiri perlu dimasukkan sebagai latihan pembangunan guru Bahasa Inggeris di Jepun kerana dipercayai efikasi kendiri dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

meningkatkan keyakinan guru untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris. Kajian Clark dan Newberry (2019) juga telah memasukkan sumber-sumber pembentukan efikasi kendiri (pengetahuan dan pengalaman, pengalaman keberhasilan orang lain dan pujukan lisan) sebagai isi kandungan dalam program latihan guru dan mendapati ketiga-tiga sumber pembentukan efikasi kendiri tersebut adalah signifikan dan mempunyai hubungan korelasi yang positif serta merupakan peramal yang kuat kepada pembentukan efikasi kendiri guru.

Dapatan analisis keperluan ini akan digabungkan dengan teori utama iaitu Teori Efikasi Kendiri Bandura untuk mereka bentuk isi kandungan Modul PEMBI manakala Model ARCS Keller dan Teori Pembelajaran Androgogi digunakan untuk memilih strategi-strategi yang menarik dan material yang bersesuaian untuk membantu guru meningkatkan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris. Pendek kata, Fasa Analisis Keperluan merupakan satu fasa yang sangat penting dalam pembangunan modul.

7.3.2 Perbincangan Dapatan Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan

Dalam bahagian ini perbincangan akan menjurus kepada reka bentuk dan pembangunan Modul PEMBI untuk guru pendidikan awal kanak-kanak. Bagi reka bentuk modul, Modul PEMBI dapat dihasilkan menerusi dapatan analisis keperluan dan beberapa teori dan model iaitu Teori Efikasi Kendiri Bandura, Model ARCS Keller dan Teori Pembelajaran Androgogi. Pada peringkat awal objektif modul dibentuk berdasarkan dapatan analisis keperluan yang telah diperoleh dalam Fasa 1: Fasa Analisis Keperluan. Objektif Modul PEMBI terbahagi kepada objektif khusus dan objektif umum. Objektif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dibina berdasarkan kekurangan-kekurangan guru dalam empat sumber pembentukan efikasi kendiri iaitu pengetahuan dan pengalaman, pengalaman keberhasilan orang lain, pujukan lisan dan reaksi fisiologi dan emosi. Dalam Modul PEMBI empat sumber pembentukan efikasi kendiri dinamakan pengetahuan dan pencapaian dalam Bahasa Inggeris yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pengajaran Bahasa Inggeris yang berkesan, pemodelan kendiri dalam pengajaran yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dengan meniru gaya pengajaran yang terbaik dari guru lain, penilaian kendiri dalam pengajaran yang bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam mendapatkan maklum balas terhadap pengajaran Bahasa Inggeris yang telah dijalankan untuk tujuan penambahbaikan dan pembangunan emosi diri yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam mengawal reaksi fisiologi dan emosi dalam pengajaran Bahasa Inggeris. Bagi objektif khusus modul adalah berdasarkan setiap pecahan aktviti iaitu terdapat sebanyak 22 aktiviti sebagai sub modul.

Isi kandungan Modul PEMBI adalah berdasarkan dapatan analisis keperluan dan Teori Efikasi Kendiri Bandura. Dalam analisis keperluan terbahagi kepada empat sub skala berdasarkan Teori Efikasi Kendiri Bandura iaitu (i) pengetahuan dan pencapaian: menunjukkan guru paling lemah dalam kaedah pengajaran Bahasa Inggeris, (ii) pemodelan kendiri dalam pengajaran Bahasa Inggeris: guru tidak tahu cara menjadikan keberhasilan atau kejayaan guru lain sebagai role model dalam gaya pengajaran Bahasa Inggeris, (iii) penilaian kendiri dalam pengajaran Bahasa Inggeris: guru tidak tahu membuat penilaian kendiri dengan mencari maklum balas pengajaran Bahasa Inggeris yang telah dijalankan untuk membuat penambahbaikan, (iv)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembangunan emosi diri: guru tidak tahu cara untuk menggunakan teknik relaksasi bagi mengawal segala emosi yang negatif.

Reka bentuk Modul PEMBI adalah berdasarkan dapatan analisis keperluan dan teori utama kajian iaitu Teori Efikasi Kendiri Bandura. Teori ini dipilih kerana konstruk utama kajian ini adalah efikasi kendiri, maka teori yang paling berkaitan dengan efikasi kendiri adalah Teori Efikasi Kendiri Bandura. Terdapat beberapa kajian lain juga yang menggunakan konstruk efikasi kendiri dan sumber-sumber pembentukan efikasi kendiri. Watson (2014) menggunakan Teori Kognitif Sosial yang memasukkan unsur efikasi kendiri dalam konteks pembelajaran profesional guru dan telah menunjukkan keberkesanan dalam kepercayaan dan amalan guru.

Dengan ini pengkaji menjadikan kajian ini sebagai rujukan untuk pembangunan Modul PEMBI, tetapi kajian beliau tidak menggunakan sumber-sumber pembentukan efikasi kendiri seperti kajian Clark dan Newberry (2019) yang membina program pembangunan guru dengan menggunakan tiga sumber pembentukan efikasi kendiri iaitu pengetahuan dan pengalaman, pengalaman keberhasilan orang lain dan pujukan lisan. Pengkaji tidak menggunakan sumber reaksi fisiologi dan emosi dalam kajiannya. Namun begitu, pengkaji mendapati sumber reaksi fisiologi juga sepatutnya dimasukkan sebagai konstruk dalam kajian beliau kerana akan dapat mempengaruhi dapatan kajian. Justeru itu, dalam pembangunan Modul PEMBI pengkaji telah menggunakan keempat-empat sumber pembentukan efikasi kendiri dalam isi kandungan utama Modul PEMBI.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berikut merupakan kandungan modul; Strategi 1: Mengenali Teori Efikasi kendiri Bandura, Aktiviti 1: "*IceBreaking*", Aktiviti 2: Mengenali Teori Efikasi kendiri Bandura dan Aktiviti 3: Efikasi kendiri Guru. Strategi 2: Pengetahuan dan Pencapaian Dalam Bahasa Inggeris, Aktiviti 1: Lihat Efikasi kendiri Orang Lain, Aktiviti 2: Pengetahuan Guru, Aktiviti 3: Pemikiran Reflektif dan Aktiviti 4: Pembelajaran Kendiri. Strategi 3: Pemodelan Kendiri Dalam Pengajaran, Aktiviti 1: Bimbingan Rakanku, Aktiviti 2: Mentorku, Aktiviti 3: Motivasiku dan Aktiviti 4: Belajar Menerusi Pemerhatian. Strategi 4: Penilaian Kendiri Dalam Pengajaran, Aktiviti 1: Kritikan Video, Aktiviti 2: Jom Tulis Rancangan Pengajaran, Aktiviti 3: Jom Praktik Pengajaran, Aktiviti 4: Maklum Balas Bukannya Kegagalan dan Aktiviti 5: Kelainan Dalam Mengajar. Strategi 5: Pembangunan Emosi Diri, Aktiviti 1: Perubahan Fisiologi dan Emosi, Aktiviti 2: Mengawal Tekanan, Aktiviti 3: Piramid Perubahan Tingkah Laku dan Aktiviti 4: Positif Minda Dengan Bahasa Inggeris. Strategi 6: Penutup – Transformasi Diri, Aktiviti 1: Fikirkan Boleh dan Aktiviti 2: Transformasi Minda. Modul mengandungi enam strategi utama dan 22 bentuk aktiviti dalam tempoh 18 jam yang dapat meningkatkan tahap efikasi kendiri guru dan mengurangkan tahap kebimbangan guru dalam mengajar Bahasa Inggeris.

Model ARCS Keller dan Teori Pembelajaran Androgogi digunakan sebagai penentuan strategi-strategi dan juga material yang digunakan dalam modul. Pemilihan strategi dan material berdasarkan Model ARCS Keller perlu membangkitkan dan mengekalkan perasaan ingin tahu dan minat pengguna modul, mengaitkan dengan keperluan, minat dan motif pengguna modul, membangunkan jangkaan positif dalam mencapai kejayaan dan menyediakan peneguhan dan ganjaran untuk pengguna modul. Berdasarkan Teori Pembelajaran Androgogi pula pemilihan strategi dan material

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merujuk kepada beberapa konsep iaitu pengguna modul telah matang dan pelu dilibatkan dalam perancangan dan penilaian latihan mereka, pengalaman dalam kehidupan pengguna modul merupakan rangsangan utama untuk pemahaman mereka berkaitan isi kandungan modul, kesediaan untuk belajar berfokus kepada orientasi ke arah tugas dan perkembangan peranan sosial, pembelajaran dewasa adalah berpusat kepada masalah berbanding berorientasikan kandungan dan motivasi untuk belajar lahir dari dalaman.

Justeru itu, di antara strategi-strategi yang digunakan ialah simulasi, kajian kes, pengajaran mikro, main peranan, peluahan emosi, "*brainstorming*', perkongsian pengalaman, demonstrasi, penulisan refleksi, imaginasi, pembentangan, teknik relaksasi dan PAK-21. Manakala pemilihan material modul adalah slaid power point (Nota Efikasi Kendiri), Buku Aktiviti Kendiri, Latihan Pengukuhan Efikasi Kendiri, Senarai Semak Amalan Efikasi Kendiri, buku cerita, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, Rancangan Pengajaran Harian dan sebagainya.

Akhirnya draf Modul PEMBI telah dibangunkan oleh pengkaji dengan memberi penekanan yang lebih terhadap isi kandungan modul, strategi-strategi dan material. Kebanyakan kajian mengenai pembangunan profesional dalam pendidikan lebih fokus kepada proses berbanding dengan kandungan atau konteks (Almuhammadi, 2017). Proses merujuk kepada bagaimana pembangunan profesional dijalankan, kandungan merujuk kepada pengetahuan generik yang disediakan dalam pembangunan profesional manakala konteks merujuk kepada tempat atau persekitaran. Oleh sebab itu, pengkaji berpendapat kandungan modul perlu diberikan penekanan dan seterusnya proses dan konteks. Justeru itu, proses kesahan pakar dan kajian rintis merupakan pengukuran yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penting untuk melihat sama ada kandungan Modul PEMBI bersesuaian dan bertepatan dengan objektif atau tidak.

Bagi pembangunan modul, Modul PEMBI telah melalui proses kesahan kandungan oleh beberapa orang pakar dan kebolehpercayaan modul menerusi kajian rintis. Seramai sembilan orang panel pakar yang telah terlibat iaitu dari bidang pembangunan modul, psikologi, pedagogi dan pendidikan awal kanak-kanak untuk menilai kesahan kandungan modul dan kandungan modul berdasarkan kesesuaian aktiviti. Bagi kebolehpercayaan modul, kajian rintis telah dijalankan ke atas guru Tadika Islam iaitu dengan mengadakan bengkel latihan yang menggunakan Modul PEMBI. Secara keseluruhannya, Modul PEMBI mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi dan sesuai untuk digunakan dalam Fasa 3: Fasa Pelaksanaan dan Penilaian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Apa yang paling penting ialah maklum balas dari pandangan pakar dan refleksi guru sebagai pengguna modul digunakan untuk tujuan penambahbaikan dan pemurnian modul supaya menjadi lebih mantap dan berkualiti.Berdasarkan maklum balas pakar dan pengguna modul, beberapa perubahan perlu dilakukan dalam pemurnian Modul PEMBI. Antaranya ialah peruntukan masa bagi setiap aktiviti mengalami perubahan apabila pengkaji mencuba Modul PEMBI dalam kajian rintis. Pada asalnya, untuk melengkapkan pelaksanaan Modul PEMBI memerlukan masa selama 20 jam, namun setelah menjalani kajian rintis Modul PEMBI hanya memerlukan masa selama 18 jam bagi pelaksanaan keseluruhan aktiviti Modul PEMBI. Bagi kesesuaian aktiviti, pengkaji perlu menambah dua aktiviti baru iaitu aktiviti sesi perkenalan bagi permulaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sesi Strategi 1 dan Aktiviti 5: Kelainan Dalam Kaedah Mengajar bagi Strategi 4: Penilaian Kendiri Dalam Pengajaran.

Guru-guru yang mengikuti bengkel latihan sebagai kajian rintis memberi pandangan berkaitan dengan masa pelaksanaan modul yang perlu dipanjangkan agar setiap aktiviti modul dapat dijalankan dengan baik. Nota penyampaian fasilitator juga perlu memperbanyakkan contoh-contoh yang boleh dikaitkan dengan kehidupan peserta agar lebih memudahkan peserta untuk memahami kandungan modul yang ingin disampaikan. Peserta mengharapkan adanya aktiviti mengenai kaedah mengajar Bahasa Inggeris dengan menarik bagi meningkatkan pengetahuan pedagogi. Aktiviti-aktiviti dalam modul perlu dipelbagaikan agar peserta dapat terlibat aktif dan menyeronokkan. Ini dapat mengelakkan aktiviti modul dijalankan seperti kuliah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah penambahbaikan dan pemurnian draf modul dilaksanakan maka terhasillah sebuah modul latihan yang dinamakan sebagai Modul PEMBI yang bertujuan untuk meningkatkan tahap efikasi kendiri dan mengurangkan tahap kebimbangan guru dalam mengajar Bahasa Inggeris. Modul tersebut sedia untuk dilaksanakan di lapangan sebenar.

Proses pengkaji mendapatkan maklum balas menerusi komen panel pakar, penulisan refleksi dan tinjauan semasa bengkel kajian rintis dijalankan adalah sangat penting. Hal ini kerana input-input yang diperoleh dapat memperbaiki kualiti Modul PEMBI dengan melakukan pemurnian dan penambahbaikan modul. Merujuk kepada kajian Altmişdört (2017) yang menilai keberkesanan program Bahasa Inggeris yang telah dibangunkan untuk peningkatan kualiti pengajaran Bahasa Inggeris. Beliau telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memberi beberapa cadangan penting berkaitan program Bahasa Inggeris tersebut iaitu (i) perlu jalankan analisis keperluan dan isi kandungan berdasarkan analisis keperluan guru (ii) menerusi analisis keperluan objektif program dapat ditentukan, (iii) peringkat awal program, draf program perlu disediakan dan perlu jalankan ujian rintis, (iv) material merupakan isu yang signifikan untuk memastikan pencapaian kepada target dan (v) penilaian perlu dibuat kepada peringkat persediaan, proses dan peringkat permulaan program. Apa yang diperkatakan oleh pengkaji adalah penilaian perlu dibuat bagi setiap peringkat reka bentuk dan pembangunan Modul PEMBI. Input yang diperoleh menerusi kesahan pakar dan kajian rintis merupakan salah satu jenis penilaian yang pengkaji laksankan pada peringkat persediaan dan proses.

Kesimpulannya draf Modul PEMBI yang lengkap dan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi dapat dibangunkan. Modul PEMBI dikatakan lengkap kerana pengkaji telah menggunakan konstruk efikasi kendiri sebagai latihan pembangunan guru yang mana kebiasaannya latihan pembangunan guru untuk meningkatkan kualiti pengajaran Bahasa Inggeris bagi guru pendidikan awal kanak-kanak hanya fokus kepada peningkatan pengetahuan kandungan dan pedagogi dalam pengajaran Bahasa Inggeris. Hal ini adalah sependapat dengan Thompson (2016) yang telah memasukkan konstruk efikasi kendiri sebagai latihan pembangunan guru Bahasa Inggeris di Jepun kerana beliau menyatakan efikasi kendiri sangat berkait rapat dengan pengajaran bahasa kedua iaitu Bahasa Inggeris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Begitu juga dengan kajian Charles dan Guapacha (2016) yang membuat kajian mengenai latihan pembangunan guru untuk meningkatkan kualiti guru Bahasa Inggeris. Terdapat lima elemen utama iaitu pengetahuan, amalan, imej, kesedaran dan halangan situasi. Walaupun konstruk efikasi tidak dinyatakan namun elemen-elemen yang dimasukkan adalah mempunyai beberapa persamaan dengan sumber-sumber pembentukan efikasi kendiri. Menurut beliau, kejayaan sesebuah pembangunan profesional bukan hanya fokus kepada pengetahuan kandungan dan metodologi tetapi perlu fokus juga kepada sikap dan faktor seperti motivasi, komitmen, kesediaan untuk berubah dan berfikiran terbuka untuk mencuba benda baru. Pengkaji mempunyai pendapat yang sama iaitu latihan pembangunan guru untuk peningkatan kualiti pengajaran Bahasa Inggeris bukan hanya fokus kepada pengetahuan kandungan dan pedagogi pengajaran Bahasa Inggeris sebaliknya perlu menekankan juga aspek psikologi seperti efikasi kendiri dan kebimbangan dalam mengajar Bahasa Inggeris.

7.3.3 Perbincangan Dapatan Fasa Penilaian

Dalam bahagian ini, perbincangan akan menjurus kepada penilaian keberkesanan Modul PEMBI menerusi kuasi eksperimen dan penilaian kebolehgunaan Modul PEMBI daripada retrospeksi pengguna modul. Bagi penilaian keberkesanan merangkumi tiga sub soalan kajian iaitu mengenal pasti kesan Modul PEMBI terhadap kepercayaan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris, mengenal pasti kesan Modul PEMBI terhadap amalan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris dan mengenal pasti kesan Modul PEMBI terhadap tahap kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris. Dolgun dan Caner (2018) mencadangkan kajian eksperimen adalah lebih bermanfaat bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

program pembangunan guru untuk menilai kesan program dan amalan pengajaran guru mempengaruhi perkembangan kepercayaan efikasi kendiri.

Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan skor min bagi kepercayaan efikasi kendiri dan amalan efikasi kendiri selepas mengikuti bengkel latihan menggunakan Modul PEMBI. Manakalan terdapat pengurangan skor min bagi tahap kebimbangan selepas mengikuti bengkel latihan menggunakan Modul PEMBI. Hasil dapatan Ujian T berpasangan menunjukkan bahawa $p=0.000$, iaitu $p<0.05$ bagi ketiga-tiga pemboleh ubah. Maka dengan ini wujud perbezaaan yang bermakna dari segi skor kepercayaan efikasi kendiri, skor amalan efikasi kendiri dan skor tahap kebimbangan selepas enam minggu rawatan bagi Modul PEMBI.

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, bagi kajian pembinaan latihan pembangunan guru atau pembangunan modul, penilaian keberkesanan kebanyakan melaksanakan kaedah kuasi eksperimen dengan melihat skor min ujian pra dan ujian pasca. Perubahan skor min menunjukkan latihan pembangunan guru atau modul dapat memberi kesan kepada aspek pemboleh ubah bersandar. Contohnya, kajian Doungprom et al. (2016) membangunkan latihan pembangunan guru untuk meningkatkan keyakinan guru dalam mengajar Bahasa Inggeris. Ujian pra dan ujian pasca dijalankan dan dapatan menunjukkan berlaku peningkatan skor min iaitu peningkatan pencapaian murid dan peningkatan keyakinan guru. Ross dan Bruce (2007) menjalankan kuasi eksperimen bagi mengenal pasti sama ada pembangunan profesional yang dijalankan dapat meningkatkan pengetahuan kandungan guru. Dapatan kajian menunjukkan terdapat peningkatan skor min bagi ujian pra dan ujian pasca. Terdapat peningkatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengetahuan kandungan selepas mengikuti pembangunan profesional yang mana dapat meningkatkan efikasi kendiri guru.

Kedua-dua kajian latihan pembangunan guru menunjukkan terdapat peningkatan skor min bagi ujian pra dan ujian pasca. Dapatan ini selari dengan kajian ini iaitu peningkatan skor min bagi kepercayaan efikasi kendiri guru dan amalan efikasi kendiri guru. Watson (2014) menjalankan kuasi eksperimen dengan mengenal pasti sama ada pembagunan profesional guru dapat memberi kesan terhadap kepercayaan guru dan amalan guru. Dapatan menunjukkan peningkatan skor min bagi ujian pra dan ujian pasca, berlaku peningkatan kepercayaan dan amalan guru. Begitu juga dengan kajian Riahta dan Kurniawati (2019) menilai keberkesanan program latihan guru dalam memperbaiki sikap guru terhadap pendidikan inklusif. Ujian pra dan ujian pasca dijalankan dan didapati terdapat peningkatan skor min bagi perubahan sikap guru. Modul dibangunkan bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru dalam melaksanakan PAK-21. Satu bengkel dijalankan untuk mendapatkan skor bagi ujian pra dan ujian pasca. Hasil dapatan menunjukkan peningkatan skor min bagi pengetahuan dan kemahiran guru dalam pelaksanaan PAK-21 (Norazlin Mohd Rusdin, Siti Rahaimah Ali & Md Nasir Masran, 2019).

Secara keseluruhannya, kajian-kajian terdahulu juga menunjukkan peningkatan skor min bagi setiap pemboleh ubah bersandar selepas menjalani ujian pra dan ujian pasca. Hal ini menunjukkan penilaian keberkesanan terhadap latihan pembangunan guru atau pembangunan modul melalui kaedah kuasi eksperimen adalah kaedah yang terbaik. Terdapat juga kajian yang tidak menjalankan kaedah eksperimen tetapi hanya melihat keberkesanan modul menerusi ujian pra dan ujian pasca terhadap hanya satu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kumpulan eksperimen, tiada kumpulan kawalan (Syafrimen, 2010). Pengkaji telah menyatakan bahawa kajian tersebut mempunyai kelemahan kerana keberkesanan modul akan lebih menampakkan hasil jika penilaian dilakukan dalam eksperimen sebenar dengan mewujudkan kumpulan kawalan dan mengawal segala pemboleh ubah luaran yang dapat mempengaruhi dapatan eksperimen.

Ini diikuti dengan kajian Riahta dan Kurniawati (2019) yang mana pengkaji telah menyatakan cadangan penambahbaikan bagi kajian beliau ialah bengkel latihan perlu dijalankan dalam tempoh jangka panjang bagi meningkatkan lagi keberkesanan program latihan pembangunan guru. Kajian yang telah dijalankan hanya mengadakan bengkel latihan selama lapan jam sahaja. Namun begitu masih ada peningkatan skor min terhadap pemboleh ubah bersandar. Perbezaan yang paling ketara di antara kajian ini dengan kajian Ross dan Bruce (2007); Watson (2014); Doungprom et al. (2016) serta Riahta dan Kurniawati (2019) adalah kajian ini mempunyai modul yang lengkap. Pembentukan sebuah modul mampu menyediakan maklumat atau ilmu yang tersedia serta terancang supaya proses pembelajaran atau proses latihan dapat berjalan dengan lebih berkesan (Nor Salmawati, 2003 dalam Nor Aizal Akmal Rohaizad, 2015). Hasil dapatan ini turut disokong oleh Sidek dan Jamaludin (2005) yang menyatakan bahawa fasilitator atau guru boleh menyampaikan isi kandungan modul dengan lebih menarik dan berkesan dengan adanya modul.

Justeru itu, dalam kajian ini sebuah modul latihan untuk meningkatkan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak telah dapat dibangunkan. Kajian Norazlin Mohd Rusdin et al. (2019) juga telah membangunkan sebuah modul lengkap yang mengandungi pelbagai aktiviti berasaskan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PAK-21. Dengan adanya sebuah modul yang lengkap maka perjalanan sesebuah bengkel dapat dilaksanakan dengan tersusun dan sistematik. Menurut Jamaludin Ahmad (2016) modul merupakan bahan konkrit yang boleh dijadikan sebagai bahan pemangkin bagi menjayakan sesebuah pengajaran dan pembelajaran atau latihan guru.

Kajian ini turut menilai kebolehgunaan modul daripada retrospektif pengguna iaitu guru dan fasilitator. Penilaian kebolehgunaan akan melihat aspek kekuatan, kelemahan dan cadangan penambahbaikan modul. Walaupun terdapat peningkatan skor min bagi pemboleh ubah bersandar iaitu keyakinan efikasi kendiri, amalan efikasi kendiri dan pengurangan skor min bagi tahap kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris. Pengkaji ingin mengupas keberkesanan Modul PEMBI dengan lebih mendalam. Apa yang paling penting menerusi temu bual pengkaji dapat mengenal pasti beberapa kelemahan modul yang mana penambahbaikan boleh dilakukan. Pada pandangan guru kelemahan Modul PEMBI ialah modul perlu menambah aktiviti berbentuk praktikal dan perlu tambahan masa bagi beberapa aktiviti modul dan pandangan fasilitator menyatakan kelemahan modul ialah guru kurang bertanggungjawab untuk menyiapkan tugasan yang telah disediakan. Di samping itu cadangan penambahbaikan juga dinyatakan iaitu ganjaran oleh pihak pentadbir tabika, pemantauan yang berterusan oleh pihak pentadbir dan perlu mewujudkan kumpulan '*whatapps*' atau telegram bagi memudahkan sebarang pertanyaan, memberi pandangan dan menggalakkan komunikasi secara dua hala. Ini merupakan kelebihan kaedah temubual yang mana pengkaji mendapat input berkaitan kekuatan, kelemahan dan cadangan penambahbaikan yang mana secara langsung dapat memperbaiki lagi kualiti Modul PEMBI ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendek kata, modul berasaskan kepada bengkel merupakan strategi yang paling efektif yang dijalankan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru dalam pelaksanaan anjakan baru dalam pengajaran. Bengkel yang dijalankan menyediakan aktiviti-aktiviti berbentuk konkrit dan "*hands-on*" sangat membantu guru untuk memperkaya kemahiran di dalam pengajaran dan pedagogi yang mana akan membantu memperbaiki amalan guru di dalam kelas (Norazlin Mohd Rusdin et al.,2019). Kesimpulannya fasa pelaksanaan dan penilaian merupakan faktor penentu kejayaan pengkaji untuk menilai keberkesanan dan kebolehgunaan Modul PEMBI yang telah dibangunkan berdasarkan dapatan analisis keperluan, Teori Efikasi Kendiri Bandura, Model ARCS Keller dan Teori Pembelajaran Androgogi yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7.4 Implikasi Kajian


Bahagian ini merupakan perbincangan tentang implikasi dan cadangan kajian berdasarkan perbincangan dapatan kajian sebelum ini.Implikasi kajian memfokuskan terhadap dua aspek utama iaitu implikasi teoretikal dan praktikal dalam konteks peningkatan tahap efikasi kendiri guru dan pengurangan tahap kebimbangan guru dalam mengajar Bahasa Inggeris.Implikasi teoretikal adalah sumbangan dapatan kajian berkaitan pemahaman mendalam mengenai sesuatu teori, sementara implikasi praktikal adalah menekankan mengenai aplikasi dapatan kajian dalam dunia sebenar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7.4.1 Implikasi dan Cadangan Terhadap Teoritikal

Teori Efikasi Kendiri Bandura merupakan teori utama dalam kajian ini dan digabungkan dengan teori atau model lain iaitu Model ARCS Keller dan Teori Pembelajaran Androgogi. Sebuah modul yang lengkap merangkumi pelbagai aktiviti yang dapat meningkatkan efikasi kendiri guru mengajar Bahasa Inggeris dapat dihasilkan. Pengkaji menunjukkan bagaimana penggabungan ini dilakukan.



Rajah 7.1. Gabungan Teori Efikasi kendiri Bandura, Model ARCS Keller dan Teori Pembelajaran Androgogi dalam Reka Bentuk dan Pembangunan Modul PEMBI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji telah menggabungkan beberapa teori dan model untuk membangunkan Modul PEMBI. Hal ini kerana pengkaji percaya bahawa Teori Efikasi Kendiri boleh dihasilkan sebagai isi kandungan modul, manakala dari aspek strategi-strategi yang perlu digunakan dan material yang bersesuaian, tidak dinyatakan secara langsung. Oleh itu, untuk memudahkan pengkaji memilih dan menyusun strategi-strategi yang bersesuaian dan juga material yang berkesan, maka pengkajia memilih Model ARCS Keller dan Teori Pembelajaran Androgogi.

Mengapa Model ARCS Keller dipilih? Model ini menyediakan cara-cara bagaimana untuk menarik pengguna bahan sama ada program, latihan atau modul agar berminat dan mempunyai perasaan ingin tahu untuk mempelajarinya. Sebagai contoh dalam komponen model terdapat A – "*Attention*" yang menerangkan berkaitan rangsangan persepsi, rangsangan inkuiri dan kebolehubahsuaian, R – "*Relevance*" yang berkaitan dengan orientasi matlamat, pemadanan motif dan pengalaman lepas, C – "*Confidence*" yang berkaitan dengan keperluan prestasi, peluang kejayaan dan kawalan peribadi dan S – "*Satisfaction*" yang berkaitan dengan peneguhan intrinsik, peneguhan ekstrinsik dan kesamaraataan. Apa yang paling penting komponen-komponen tersebut perlu disesuaikan dengan pengguna modul iaitu guru, matlamat modul iaitu meningkatkan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris dan jangkaan hasil modul merujuk kepada pencapaian guru mengikuti modul dengan berkesan dapat membantu murid-murid di kelas dengan melakukan amalan pengajaran Bahasa Inggeris yang terbaik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mengapa Teori Pembelajaran Androgogi dipilih? Pertama pengkaji perlu memastikan siapa pengguna modul, pengguna modul merupakan guru pendidikan awal kanak-kanak yang mempunyai kategori umur peringkat dewasa, mempunyai latar belakang yang berbeza dan mempunyai pengalaman-pengalaman kehidupan yang berbeza. Oleh itu, pengkaji mendapati perbezaan-perbezaan yang wujud dalam diri pengguna modul boleh dijadikan sebagai satu tarikan kepada modul ini. Gaya pembelajaran orang dewasa dikatakan berbeza dengan murid-murid di sekolah kerana mereka adalah golongan yang matang. Dengan itu pengkaji memikirkan tentang keperluan satu teori yang berkaitan dengan pembelajaran dewasa atau dikenali sebagai pembelajaran androgogi. Dalam teori tersebut terdapat beberapa konsep penting yang sangat membantu pengkaji untuk memahami cara mengendalikan bengkel latihan terhadap golongan dewasa. Di antaranya ialah mereka merupakan individu yang mempunyai hala tuju kendiri, mempunyai pengalaman yang merupakan sumber kekuatan untuk pembelajaran, kesediaan untuk belajar iaitu berorientasi kepada tugas, pembelajaran dewasa adalah berpusatkan kepada masalah berbanding dengan berorientasi kandungan dan motivasi untuk belajar lahir dari dalaman.

Setelah pengkaji mengetahui ciri-ciri berkaitan pengguna modul, maka lebih mudah untuk pengkaji memilih strategi-strategi dan juga material. Contohnya pengkaji memasukkan strategi seperti perkongsian pengalaman dan peluahan emosi, begitu juga dalam Buku Aktiviti Kendiri banyak aktiviti memerlukan perkongsian pengalaman, peluahan emosi dan penstrukturan kognitif. Hal ini dapat memastikan pengguna modul tertarik untuk mengikuti bengkel latihan dan membantu mereka mempunyai jangkaan positif terhadap bengkel latihan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, pengkaji hanya menggunakan konstruk efikasi atau sumber-sumber dalam Teori Efikasi Kendiri Bandura semata-mata. Contohnya kajian Ross dan Bruce (2007) telah menyatakan keperluan untuk mempelajari bagaimana pembangunan profesional dapat memberikan impak kepada efikasi kendiri guru. Dapatan menunjukkan pembangunan profesional meningkatkan efikasi kendiri guru melalui pengalaman dan pengetahuan dan pengalaman keberhasilan orang lain. Merujuk kepada dapatan tersebut pengkaji mendapat idea untuk membangunkan sebuah modul latihan berasaskan bengkel latihan yang banyak memberi manfaat kepada pengguna modul. Hal ini adalah selari dengan kajian Norazlin Mohd Rusdin et al. (2019) yang turut menghasilkan sebuah modul latihan berasaskan kepada pelaksanaan bengkel.


Watson (2014) telah menggunakan konstruk efikasi kendiri dalam kajiannya yang dimasukkan ke dalam latihan pembangunan profesional guru yang bertujuan untuk meningkatkan kepercayaan efikasi kendiri guru dan perubahan dalam amalan pengajaran guru. Pandangan beliau, semakin guru sanggup untuk melaksanakan pendekatan-pendekatan dan idea-idea yang disarankan dalam pembangunan profesional maka guru akan menjadi semakin efektif. Dapatan kajian menunjukkan pembangunan profesional dapat meningkatkan kepercayaan efikasi kendiri dan amalan pengajaran guru. Hal ini menunjukkan satu pencapaian yang baik kerana tujuan pembangunan profesional guru adalah menghasilkan amalan pengajaran yang terbaik di dalam kelas. Begitu juga dengan kajian ini, pembangunan Modul PEMBI mempunyai harapan agar guru dapat mempraktikkan input yang telah diperoleh menerusi bengkel latihan dan seterusnya mengubah amalan pengajaran guru di kelas menjadi semakin terbaik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini pengkaji memikirkan adalah satu keperluan untuk menggabungkan Teori Efikasi Kendiri Bandura bersama dengan Model ARCS Keller dan Teori Pembelajaran Androgogi kerana pengkaji menjangkakan bukan hanya berlaku peningkatan efikasi kendiri dalam mengajar Bahasa Inggeris malah berlaku perubahan sikap dari aspek kognitif, afektif dan tingkah laku. Di samping itu, jangkaan hasil kajian ini adalah berlaku pengurangan tahap kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris yang mana guru telah diajar cara untuk mengawal dan meneutralkan perasaan yang negatif menggunakan strategi penstrukturan kognitif.

Dalam erti kata lain, penghasilan sebuah modul latihan yang lengkap dengan berpandukan kepada teori-teori dan model yang kukuh dapat menentukan matlamat utama kajian dapat dicapai iaitu Modul PEMBI merupakan wahana kepada pembangunan profesionalisme guru pendidikan awal kanak-kanak dalam mengajar Bahasa Inggeris yang mana kesannya akan membawa perubahan kepada kognitif, emosi dan tingkah laku guru itu sendiri. Menurut Bandura (1997), terdapat tiga faktor utama yang saling berkaitan dalam membentuk efikasi kendiri seorang guru iaitu guru itu sendiri, sikap dan persekitaran. Ini dapat dilihat menerusi rajah di bawah;



Rajah 7.2. Saling Berhubungan di antara Guru, Sikap dan Persekitaran dalam Membentuk Efikasi Kendiri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Guru merujuk kepada personaliti guru iaitu pemikiran, harapan dan kepercayaan boleh mempengaruhi sikap. Karakter peribadi personaliti guru boleh mempengaruhi reaksi orang lain terhadapnya. Manakala sikap pula merujuk kepada kognitif, afektif dan tingkah laku yang mempengaruhi penilaian terhadap diri sendiri dan sikap juga boleh menimbulkan reaksi orang lain. Persekitaran merujuk kepada kejadian-kejadian pada lingkungan mengarahkan seseorang guru untuk bereaksi dengan menunjukkan sikap tertentu. Reaksi-reaksi yang ditunjukkan oleh lingkungan seseorang mempengaruhi penilaian orang tersebut terhadap dirinya sendiri. Hal ini telah menjelaskan bahawa personaliti guru, sikap guru dan persekitaran merupakan faktor yang juga ditekankan dalam empat sumber utama Teori Efikasi Kendiri Bandura iaitu pengalaman pencapaian, pengalaman keberhasilan orang lain, pujukan lisan dan reaksi fisiologi dan emosi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jika merujuk kepada hasil keberkesanan guru yang telah mengikuti kesemua aktiviti Modul PEMBI ialah tertumpu pada sikap iaitu berlaku perubahan kognitif, afektif dan tingkah laku guru. Bagi kognitif, guru dapat menambahkan pengetahuan mengenai kandungan subjek dan pedagogi mengajar Bahasa Inggeris. Bagi afektif, guru dapat meningkatkan motivasi, kepercayaan efikasi kendiri, keyakinan diri dalam mengajar Bahasa Inggeris dan dapat mengurangkan malu, kebimbangan dalam mengajar Bahasa Inggeris. Bagi tingkah laku pula, guru perlu meningkatkan amalan efikasi kendiri dalam pengajaran Bahasa Inggeris yang efektif. Persekitaran merupakan latihan pembangunan profesionalisme guru pendidikan awal kanak-kanak dengan menggunakan Modul PEMBI dan juga maklum balas atau reaksi pentadbir sekolah, guru sekolah atau rakan-rakan terhadap amalan pengajaran yang telah guru laksanakan. Rajah di bawah menunjukkan perubahan efikasi kendiri guru;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 7.3. Modul PEMBIWahana kepada Pembangunan Profesionalisme Guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Reka bentuk dan pembangunan Modul PEMBI telah dibangunkan berteraskan Teori Efikasi Kendiri Bandura, Model ARCS Keller dan Teori Pembelajaran Androgogi dan seterusnya mendapat pengesahan pakar terhadap kandungannya. Tujuan pembangunan modul adalah untuk membantu meningkatkan efikasi kendiri guru mengajar Bahasa Inggeris dan mengurangkan kebimbangan guru mengajar Bahasa Inggeris. Ini sejajar dengan pandangan Bandura (1997) bahawa terdapat tiga faktor utama yang saling berkaitan dalam membentuk efikasi kendiri guru iaitu guru itu sendiri (personaliti), sikap dan persekitaran. Persekitaran yang dimaksudkan adalah latihan pembangunan profesionalisme guru dengan mengadakan bengkel latihan kepada guru pendidikan awal kanak-kanak untuk mengikuti kesemua kandungan Modul PEMBI yang mana akan mempengaruhi guru dan sikap guru. Pembangunan profesional merupakan strategi untuk memastikan guru-guru mengukuhkan lagi amalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajaran di kelas (Mizell, 2010). Menurut Kennedy (2016), pembangunan profesional dapat menambahbaik amalan pengajaran. Justeru itu, Modul PEMBI dapat membantu guru menambahbaik amalan pengajaran Bahasa Inggeris di kelas. Bukan itu sahaja, sebarang maklum balas atau reaksi guru-guru lain atau rakan-rakan terhadap amalan pengajaran sangat membantu dalam perubahan sikap dan personaliti guru.

Rumusannya, berdasarkan penggunaan Teori Efikasi Kendiri Bandura dan disokong dengan Model ARCS Keller serta Teori Pembelajaran Androgogi, maka Modul PEMBI boleh dikatakan telah melalui proses-prose pembentukan yang agak rumit dan diukur kesahan dan kebolehpercayaannya agar kandungan modul benar-benar dapat menilai kesan pemboleh ubah yang dipilih dan dapat mencapai objektif modul dengan berkesan. Oleh itu, pemilihan pengkaji terhadap teori-teori dan model di atas merupakan langkah yang terbaik kerana pemilihan adalah berpandukan juga kepada kajian-kajian terdahulu.

7.4.2 Implikasi dan Cadangan Terhadap Amalan

Implikasi dan cadangan terhadap amalan ini akan melibatkan banyak agensi yang mengendalikan guru pendidikan awal kanak-kanak iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Agama Islam, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) dan pengusaha-pengusaha tadika swasta.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh sebab semua tadika perlu patuh dengan penggunaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, maka semua guru prasekolah/guru tadika perlu melaksanakan pengajaran Bahasa Inggeris menggunkan bahasa instruksi dalam Bahasa Inggeris. Maka Modul PEMBI dapat digunakan sebagai kandungan utama untuk melaksanakan latihan pembangunan guru bagi meningkatkan kualiti pengajaran Bahasa Inggeris di kelas khususnya kepada guru yang sememangnya bukan opsyen dalam Bahasa Inggeris.


Modul ini dapat digunakan sebagai pelengkap kepada kursus Bahasa Inggeris guru-guru kerana kebiasaannya kursus Bahasa Inggeris hanya memberi penekanan terhadap peningkatan pengetahuan kandungan subjek dan juga pengetahuan pedagogi. Hal ini telah menyebabkan guru-guru tidak mempraktikkan ilmu pengetahuan yang telah diperoleh dari kursus kerana mempunyai tahap efikasi kendiri yang rendah. Oleh itu, sebelum memberi input untuk meningkatkan pengetahuan guru, tahap efikasi kendiri guru perlu ditingkatkan terlebih dahulu agar guru dapat mengamalkan atau mempraktikkan ilmu dan kemahiran yang telah diperoleh dari kursus. Semakin guru sanggup untuk melaksanakan pendekatan-pendekatan dan idea-idea yang disarankan dalam pembangunan profesional maka guru akan menjadi semakin efektif dan memiliki tahap efikasi kendiri yang tinggi (Watson, 2014).

Matlamat utama kandungan modul adalah untuk mengubah sikap guru terhadap Bahasa Inggeris iaitu dari aspek kognitif, afektif dan tingkah laku. Di samping guru cuba melakukan tranformasi kepada diri, guru juga mendapat nilai tambah dalam modul berkaitan strategi atau kaedah mengajar Bahasa Inggeris dengan menarik. Hasilnya guru akan mempunyai personaliti yang lebih menarik sewaktu mengajar Bahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Inggeris. Rajah di bawah menunjukkan perubahan penting kepada guru sekiranya guru memiliki tahap efikasi kendiri yang tinggi dalam mengajar Bahasa Inggeris;



Rajah 7.4. Perubahan Sikap Guru dalam Mengajar Bahasa Inggeris setelah Memiliki Efikasi Kendiri Mengajar Bahasa Inggeris yang Tinggi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7.5 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan Modul PEMBI dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak serta menilai keberkesanan dan kebolehgunaan modul terhadap guru dan juga fasilitator. Perbincangan dalam kajian ini adalah merupakan cadangan-cadangan kajian lanjutan oleh pengkaji berdasarkan dapatan, perbincangan dan penghasilan model kajian. Cadangan-cadangan ini berkisar kepada perbandingan yang melibatkan responden, metodologi kajian, kajian kepada pembangunan modul latihan dan sebagainya. Kajian-kajian lain mengenai Modul PEMBI yang melibatkan perbezaan daripada segi responden, metodologi dan bidang kepada pengkajian yang seterusnya. Cadangan-cadangan tersebut adalah seperti berikut;

Di peringkat kajian ini Modul PEMBI hanya menfokuskan kepada strategi-strategi pengajaran Bahasa Inggeris sahaja. Kajian selanjutnya pada masa hadapan dalam pembangunan Modul PEMBI boleh diperkembangkan kepada efikasi kendiri guru dalam penglibatan murid dan efikasi kendiri guru dalam pengurusan kelas. Turut dicadangkan agar kajian yang serupa diperkembangkan lagi di lokasi lain seperti di negeri-negeri lain di Malaysia atau perbandingan boleh dibuat di antara kawasan bandar dengan kawasan luar bandar. Ini kerana penguasaan Bahasa Inggeris di bandar adalah lebih maju berbanding di kawasan luar bandar.

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan temu bual dan kuasi eksperimen untuk mendapatkan data kebolehgunaan dan keberkesanan modul. Dicadangkan juga kajian lanjutan membuat penilaian keberkesanan Modul PEMBI dengan membuat pemerhatian melihat cara guru membuat pengajaran Bahasa Inggeris di kelas. Oleh itu,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

data mengenai amalan pengajaran guru dengan mempraktikkan segala ilmu dan kemahiran yang telah diperoleh dari bengkel latihan menggunakan Modul PEMBI dapat dikenal pasti dengan lebih mendalam.

Kajian ini menggunakan guru Tabika KEMAS sebagai sampel dalam fasa analisis keperluan dan fasa penilaian. Oleh yang demikian, untuk kajian lanjutan dicadangkan supaya sampel kajian dipelbagaikan lagi seperti guru prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia, guru Tadika PASTI, guru Tadika Perpaduan, guru Tadika Islam dan guru tadika swasta. Pengkaji menyatakan bahawa guru prasekolah amat sesuai dengan kajian ini kerana guru prasekolah telah diberikan latihan pembangunan guru dalam pengajaran Bahasa Inggeris agak kerap, maka amat sesuai untuk menilai tahap efikasi kendiri guru prasekolah setelah mengikuti latihan pembangunan guru yang disediakan oleh KPM.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini hanya menggunakan sampel berbangsa Melayu sahaja, tidak ada kaum Cina dan India. Dicadangkan kajian lanjutan boleh melibatkan sampel yang pelbagai kaum untuk mengenal pasti tahap efikasi kendiri guru mengajar Bahasa Inggeris mengikut kaum. Begitu juga dengan jantina kerana semua sampel kajian ini adalah perempuan. Untuk kajian lanjutan kajian perlu melibatkan guru pendidikan awal kanak-kanak lelaki sebagai sampel kajian. Hal ini membolehkan kepelbagaian dapatan kajian dan lebih menyeluruh dari aspek kaum dan jantina.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7.6 Penutup dan Rumusan

Objektif utama pengkaji dalam melaksanakan kajian ini adalah untuk membangunkan sebuah modul latihan untuk meningkatkan efikasi kendiri mengajar Bahasa Inggeris dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak. Kajian ini telah menggunakan kajian reka bentuk dan pembangunan yang memfokuskan kepada proses-proses dalam membangunkan Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak (Modul PEMBI). Kajian mempunyai tiga fasa untuk membangunkan sebuah modul iaitu Fasa 1: Fasa Analisis Keperluan, Fasa 2: Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan dan Fasa 3: Fasa Pelaksanaan dan Penilaian.

Fasa pertama kajian ialah analisis keperluan yang telah dijalankan adalah mengenal pasti tahap keperluan Modul PEMBI dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak. Untuk fasa ini, soal selidik telah diedarkan kepada 90 orang guru Tabika KEMAS negeri Perak. Di samping itu, pengkaji juga turut menjalankan temu bual separa berstruktur ke atas lapan orang guru Tabika KEMAS.

Fasa kedua kajian iaitu reka bentuk dan pembangunan yang merupakan bahagian utama kajian. Reka bentuk Modul PEMBI dibangunkan berdasarkan dapatan analisis keperluan, Teori Efikasi Kendiri Bandura, Model ARCS Keller dan Teori Pembelajaran Androgogi. Dapatan analisis keperluan dan Teori Efikasi Kendiri Bandura digunakan untuk mereka bentuk isi kandungan Modul PEMBI, manakala Model ARCS Keller dan Teori Pembelajaran Androgogi digunakan untuk membuat pemilihan strategi-strategi dan material yang bersesuaian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah siap draf Modul PEMBI, proses pembangunan modul dijalankan iaitu mendapatkan pengesahan pakar dan menjalankan kajian rintis. Kesahan pakar kandungan modul dan kesahan kandungan modul kesesuaian aktiviti dijalankan dengan melibatkan sembilan orang pakar dalam bidang pembangunan modul, psikologi, pedagogi dan pendidikan awal kanak-kanak. Setelah itu, kajian rintis dijalankan ke atas 30 orang guru Tadika Islam dengan mengadakan bengkel latihan menggunakan Modul PEMBI. Analisis mendapati Modul PEMBI memiliki tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Pengkaji membuat pemurnian dan penambahbaikan modul berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh panel pakar dan maklum balas guru Tadika Islam yang telah mengikuti bengkel latihan menggunakan Modul PEMBI. Draf Modul PEMBI yang lengkap dan memiliki kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi sedia untuk diimplementasi pada fasa seterusnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fasa 3 iaitu proses pelaksanaan dan penilaian draf Modul PEMBI. Dalam fasa ini pengkaji menilai keberkesanan modul dan kebolehgunaan modul dari retrospektif pengguna. Penilaian keberkesanan merujuk kepada menilai kesan Modul PEMBI terhadap efikasi kendiri manakala penilaian kebolehgunaan adalah menerusi retrospektif guru dan menerusi retrospektif fasilitator. Modul PEMBI diimplementasi dengan mengadakan bengkel latihan secara jangka panjang iaitu selama enam minggu ke atas guru Tabika KEMAS negeri Perak. Seramai 33 orang guru dipilih sebagai kumpulan rawatan iaitu kumpulan yang akan mengikuti bengkel latihan manakala 33 orang guru lagi sebagai kumpulan kawalan iaitu tidak mengikuti bengkel latihan. Sebelum bengkel latihan menggunakan Modul PEMBI dijalankan guru-guru perlu menjawab soal selidik bagi ujian pra dan selepas tamat mengikuti bengkel latihan guru-guru perlu menjawab soal selidik bagi ujian pasca. Ujian pra dan ujian pos dilaksanakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bertujuan untuk melihat sama ada terdapat perubahan atau peningkatan dari aspek kepercayaan efikasi kendiri, amalan efikasi kendiri dan tahap kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris. Di samping itu, penilaian kebolehgunaan dilakukan ke atas guru dan fasilitator untuk melihat aspek kekuatan, kelemahan dan cadangan penambahbaikan modul.

Secara keseluruhannya, guru-guru telah mengikuti proses latihan pembangunan guru berdasarkan Modul PEMBI sangat menyokong bahawa modul ini dapat membantu meningkatkan efikasi kendiri guru mengajar Bahasa Inggeris dan mengurangkan kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris. Implikasi utama hasil dapatan kajian ini ialah implikasi teoritikal dan implikasi praktikal. Implikasi dan cadangan teoritikal meletakkan modul yang dibangunkan ini dapat membantu perubahan sikap guru khususnya dari aspek kognitif, afektif dan tingkah laku. Dapatan kajian turut mengesahkan bahawa kerangka konseptual kajian yang diadaptasi daripada beberapa teori dan model mampu diimplementasikan dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak khusus kepada latihan pembangunan guru untuk meningkatkan efikasi kendiri dalam mengajar Bahasa Inggeris.

Implikasi dan cadangan praktikal dalam kajian ini diperkembangkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Agama Islam dan kesemua agensi yang mengendalikan guru pendidikan awal kanak-kanak. Di samping itu, metodologi kajian ini boleh dipelbagaikan lagi, begitu juga dengan sampel dan saiz sampel yang digunakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Abu Bakar Nordin. (1995). *Penilaian Afektif*. Kajang: MASA Enterprise.

Aelterman, A., Engels, N., Petegera, K. V, & Verhaeghe, J. P. (2007). The well-being of teachers in Flanders: the importance of a supportive school culture. *Journal Educational Studies, 33*(3), 285-297.

Agensi Kelayakan Malaysia. (2014). *Standard Program: Pendidikan Awal Kanak-Kanak.*

Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. (2018). *Kaedah penyelidikan sosial daripada perspektif Islam* (2nd Edition). Bangi: UKM Press.

Aiken, L. R. (2002). *Psychology testing and assessment*. (10th) Boston: Allyn and Bacon.

Akthar, P., & Reddy, V. D. (2011). *Self-efficacy: The career determiner of students*. New Delhi: Discovery Publishing House.

Alijah Ujang. (2016). *Pembangunan modul pembelajaran WEBQUEST Pendidikan Kesihatan untuk guru pelatih murid bermasalah pembelajaran*. Tesis doktor falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Diperoleh daripada http://studentsrepo.um.edu.my/id/eprint/6775.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Allinder, R. M. (1994). The relationship between efficacy and the instructional practices of special education teachers and consultants. *Teacher Education and Speacial Education, 17*(2), 86-95.

Aliza Ali. (2016). *Pembangunan modul pengajaran dan pembelajaran berasaskan bermain bagi kemahiran Bahasa Melayu Kanak-Kanak Prasekolah.* Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Aliza Ali & Zamri Mahamod. (2016). Pembangunan dan Kebolehgunaan Modul Berasaskan Bermain Bagi Pembelajaran Kemahiran Bahasa Melayu Kanak-Kanak Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. *6*(1),16-29.

Almuhammadi, A. (2017). EFL professional development: Discussion of effective models in literature. *English Language Teaching, 10*(6), 118-127. doi: 10.5539/elt.v10n6p118

Alsaqqaf, A., Swanto, S., Din, W. A., Siti Jamilah Bidin & Ahmad Affendi Shabdin (2017). Factors causing language anxiety among Arab PhD holders and candidates: A cultural dimension? *American Journal of Educational Research, 5*(12), 1208-1211.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Altmişdört, G. (2017). A study on students' and teachers' needs and expectations in English for specific purpose programs. *Science Journal of Turkish Millitary Academy*, *27*(1), 53-78.

Anyadubalu, C. C. (2010). Self-Efficacy, Anxiety and Performance in the English Language among Middle School Students in English Language Program in Satri Si Suriyothai School, Bangkok. *International Journal of Human and Social Sciences, 5*(3), 193-198.

Arifani, Y., & Suryanti, S. (2019). The influence of male and female ESP teachers' creativity toward learners' involvement. *International Journal of Instruction, 12*(1), 231-250.

Ashton, P. T., & Webb, R. B. (1986). *Making a difference: Teachers' sense of efficacy and student achievement.* New York: Longman.

Ata-Aktürk, A., & Demircan, H. Ö. (2017). Preschool teachers' teacher-child communication skills: The role of self-efficacy beliefs and some demographics. *Journal of Education and Human Development, 6*(3), 86-97. doi: 10.15640/jehd.v6n3a10

Awanis Mohd, Ainunmadiah Mohd Nawawi & Siti Noor Ismail. (2016). Tahap efikasi guru dan hubungannya dengan pencapaian sekolah di sekolah-sekolah menengah dalam daerah Bachok. Prosiding *International Seminar on Generating Knowledge Through Research.*

Aziah Ismail, Loh Hooi Yen & Abdul Ghani Kanesan Abdullah. (2015). Komuniti Pembelajaran Profesional dan Efikasi Kendiri Guru Sekolah Menengah di Pulau Pinang. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, *2*(1), 1-12.

Bandura, A. (1986). *Social foundations of thought and action: A social cognitive theory*. Eaglewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall

Bandura, A. (1997). *Self-Efficacy: The exercise of control*. New York: Freeman.

Bandura, A. (2006). *Guide for constructing self-efficacy scales. In Self-Efficacy Belief of Adolescents*. (pp. 307-337).

Barboza, E. C., Torres, J. M. T., & Nùňez, J. A. L. (2015). Accomplishments in learning self-regulation in personal environments. *Creative Education, 6*(11), 201-213.

Barnyak, N. C., & Mc Nelly, T. A. (2009). An urban school district's parent involvement : A study of teachers' and administrators' beliefs and practices. *The School Community Journal*, *19*(1), 33-58.

Bartkowiak, J. (2013). *The self-esteem workbook*. US: The McGraw-Hill Companies.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bautista, N. U. (2011). Investigating the use of Vicarious and Mastery experiences in influencing early childhood education majors' elf-efficacy belief. *Journal Science Teacher Education,* 22, 333–349.

Berman, P. (1977). *Federal programs supporting educational: factors affecting implementation and continuation*. Santa Monica, CA: The Rand Corporation.

Brookfield, S. (1986). *Understanding and Facilitating Adult Learning*. San Francisco: Jossey-Bass.

Bruce, W. T., & Mohammed A. W. (1981). Evaluating an individualized science programme for community college students. *Journal of Research in Science Teaching*. *18*(6), 489-495.

Butler, D. L., Lauscher, H. N., Selinger, S. J., & Beckingham, B. (2004). Collaboration and self-regulation in teachers' professional development. *Teaching and Teacher Education*, *20*(5), 435-455.

Cakìr, O., & Devrim (2009). Seeing self as others see you: variability in self-efficacy ratings in student teaching. *Teachers and Teaching, 15*(5), 541-561.

Calley, N. G. (2011). *Program development in the 21 st century: An evidence-based approach to design, implementation and evaluation.* Los Angeles: Sage Publication Inc.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cantrell, S. A., Almasi, J. F., Carter, J. C., & Rintamaa, M. (2013). Reading intervention in middle and high schools: Implementation fidelity, teacher efficacy, and student achievement. *Reading Psychology, 34*(1), 26-58.

Chamot, A. (2005). Language learning strategy instruction: Current issues and research. *Annual Review of Applied Linguistics, 25,* 112-130.

